

698547

**Timbalan Presiden:**

**ANWAR  
MENCABAR  
GHAFAR**

## Timbalan Presiden: Anwar Mencabar Ghafar

© Mohd Fauzi bin Musa, 1993

Cetakan Pertama 1993

Penerbit MFM,  
Ulu Klang,  
Kuala Lumpur

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan  
mengeluar ulang mana-mana bahagian  
buku ini dalam apa jua bentuk dan  
teknik, secara elektronik, fotokopi,  
mekanik dan lain-lain sebelum mendapat  
kebenaran bertulis daripada penerbit.  
Perundingan tertakluk kepada perkiraan  
royalti dan honorarium.

Dicetak oleh:  
JIWAMAS PRINTERS SDN. BHD.  
Lot 12, Lorong SS 13/3E,  
Subang Jaya Industrial Estate,  
P. Jaya 47500 Selangor, Malaysia.

9 DEC 1993


698547

Perpustakaan Negara  
Malaysia

**Timbalan Presiden:**


**ANWAR  
MENCABAR  
GHAFAR**

**MOHD. FAUZI BIN MUSA**



# ISI KANDUNGAN

PRAKATA .....	vii
1. PEMIMPIN YANG DITOKOHKAN.....	1
2. PEMIMPIN PELAJAR YANG DINAMIK.....	17
3. BEREHAT SEMENTARA DI KEMUNTING .....	35
4. MENGAPA DR. MAHATHIR MEMILIH ANWAR? .....	51
5. PEJUANG ISLAM YANG PRAGMATIS .....	75
6. ANTARA ANWAR DENGAN GHAFAR .....	105
7. TOKOH POLITIK YANG KONTROVERSIAL? .....	129
8. GHAFAR PENGGANTI MAHATHIR?	157
9. MASA DEPAN UMNO .....	183
10. PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 1993 .....	209



# *Prakata*

**MENJELANG** perhimpunan agung UMNO November 1993 ini berbagai jenis buku politik diterbitkan untuk menanggapi berbagai aspek dari kepemimpinan UMNO. Kebanyakan buku tersebut menyoroti tokoh-tokoh tertentu yang dianggap memainkan peranan penting dalam pencak silat politik UMNO.

Saya juga turut memeriahkan dunia penulisan buku politik dengan harapan dapat memberi buah fikiran yang termampu oleh saya dalam menangani isu-isu politik semasa khususnya yang ada hubungan dengan tokoh-tokoh politik tertentu yang bercita-cita tinggi untuk memimpin parti dan juga kerajaan pada masa akan datang.

Suka atau tidak suka UMNO akan terus memainkan peranan penting dalam membentuk sejarah politik Malaysia untuk jangkamasa yang panjang. Oleh itu para pemimpin yang menerajui UMNO sekarang akan terlibat terus dalam pergelutan kuasa untuk memperkukuhkan kedudukan masing-masing menjelang perhimpunan agung akan datang. Perhimpunan agung ini besar ertinya pada dua golongan yang dianggap cuba menyaingi satu sama lain untuk menguasai kepimpinan parti. Dua puak yang bertentangan ini ialah golongan Anwar Ibrahim dan Ghafar Baba walaupun



kedua-dua tokoh ini tidak pernah menyatakan wujudnya dua puak tersebut.

Perhimpunan agung kali ini amat penting bagi kedua puak tersebut. Anwar mesti bertanding jawatan Timbalan Presiden sekiranya beliau mahu menggantikan Dr. Mahathir sebagai Presiden merangkap Perdana Menteri Malaysia kelak. Sekiranya beliau berbelah bagi dan tidak mencabar Encik Ghafar maka besar kemungkinan beliau akan hilang peluang yang baik untuk menjadi bakal Presiden merangkap Perdana Menteri kelak. Sebaliknya Encik Ghafar berhempas pulas hendak mempertahankan jawatan Timbalan Presiden-nya dengan harapan pada suatu hari kelak beliau dapat menjadi bakal Perdana Menteri.

Tapi yang menentukan nasib kedua tokoh tersebut ialah undi bahagian-bahagian dan juga para perwakilan kelak. Kalau Allah merestui perjuangan Anwar maka Anwar akan menang kelak. Begitu juga dengan Encik Ghafar.

Saya hanya pembuka tirai untuk sama-sama kita melihat drama politik Anwar dan Ghafar dalam perebutan kuasa dalam UMNO yang akan menjamin masa depan mereka. Moga-moga para pembaca, terutama sekali ahli-ahli UMNO, akan dapat faedah dari buku ini. Saya hanya menyerahkan kepada para pembaca untuk menilainya.

Saya bersyukur kepada Allah kerana keinginan saya menulis buku politik dimakbulkan oleh-Nya. Amin.

Salam hormat dari pengarang,

**MOHD FAUZI BIN MUSA**



# PEMIMPIN YANG DITOKOHKAN

**DATUK SERI ANWAR IBRAHIM** mendapat sorotan yang berbagai dari berbagai golongan masyarakat. Ada yang memuji kepimpinannya dan ada juga yang mengecam beliau dengan melemparkan berbagai tuduhan yang tidak sedap didengar. Oleh kerana negara kita mengamalkan demokrasi siapa-siapa pun boleh menegur dan mengkritik pemimpin-pemimpin kerajaan tidak terkecuali Perdana Menteri sendiri.

Sebagai pemimpin politik dan kerajaan setiap tokoh terdedah pada sorotan orang ramai — orang-orang suratkhobar, penulis-penulis, ahli-ahli parti, baik dalam UMNO mahupun dari pihak pembangkang. Pemimpin-pemimpin politik menjadi hak orang ramai kerana rakyat yang menyokong mereka dan memberi mereka kedudukan dalam kerajaan. Sejak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 hingga sekarang para pemimpin dari UMNOlah yang terus

menerus memimpin rakyat dan, sejak tahun 1957 hingga sekarang, memimpin negara pula.

Sebagai contoh, ambil Datuk Seri Dr. Mahathir Muhamad. Beliau menjadi terkenal selepas 13 Mei 1969 waktu mana beliau menulis surat mengecam kepimpinan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj kerana dianggap Tunku kurang menjaga kepentingan Melayu. Akibatnya Dr. Mahathir dan Musa Hitam dibuang dari UMNO. Dr. Mahathir dan Musa Hitam kembali semula dalam UMNO setelah Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri selepas Tunku. Sejak kembali dalam UMNO bintang Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam kembali cerah hingga mereka dianggap sebagai tokoh-tokoh negara yang disegani dan dihormati ramai, dalam dan luar negeri. Tapi bila Datuk Musa dan Tengku Razaleigh Hamzah menentang Dr. Mahathir pada tahun 1987 dan kalah, bintang Datuk Musa dan Tengku Razaleigh menjadi kurang bercahaya hingga sekarang.

Walaupun Dr. Mahathir juga mempunyai kelemahan dalam kepimpinannya namun majoriti rakyat Malaysia tetap mengagumi dan menyokong kepimpinannya. Jasanya banyak. Tidak siapa pun boleh mempertikaikannya. Malaysia terus maju, berkembang dan membangun sebagai sebuah negara yang progresif dan pesat membangun di rantau Asia Tenggara. Nama Dr. Mahathir juga terkenal oleh pemimpin-pemimpin dunia dalam berbagai persidangan antarabangsa kerana beliau sering memberi pan-

dangan dan buah fikiran yang banyak memperjuangkan negara-negara Selatan yang rata-rata miskin. Dalam dunia Islam, melalui OIC (Pertubuhan Negara-negara Islam) nama Perdana Menteri dan Malaysia harum kerana sikap dan perjuangan Malaysia yang terus menerus menegakkan cita-cita Islam.

Lebih dari itu Dr. Mahathir, sebagai pemikir bangsa Malaysia yang berpandangan jauh, juga mengenengahkan Wawasan 2020 waktu mana Malaysia akan menjadi sebuah negara industri yang setanding dengan negara-negara termaju di dunia. Inilah harapan dan azam Perdana Menteri yang kini diterima sebagai matalamat perjuangan seluruh rakyat dan kerajaan.

Sebagai seorang pemimpin negara yang berjiwa besar dan dihormati oleh semua kaum serta pemimpin-pemimpin dunia lainnya maka tidak hairan kalau Datuk Seri Dr. Mahathir dianggap sebagai tokoh negara yang berwibawa. Beliau telah meletakkan asas kepimpinan politik dan negara yang sangat berkesan dan berpengaruh hingga kedudukannya, baik dalam parti dan juga kerajaan, tidak tergugat.

Tidak banyak pemimpin politik dalam UMNO yang dapat menghayati aspirasi Perdana Menteri dengan baik. YAB Encik Ghafar Baba, baik sebagai Timbalan Perdana Menteri juga sebagai Timbalan Presiden, dianggap kurang mampu melaksanakan gagasan wawasan Perdana Menteri memandangkan usianya yang lanjut dan pendidikan

beliau yang rendah. Setengah menteri nampak kurang minat meneruskan cita-cita murni Dr. Mahathir. Barangkali mereka mempunyai sebab-sebab tertentu.

Nampaknya Datuk Seri Anwar mempunyai pendirian yang tersendiri menangani aspirasi Perdana Menteri. Beliau berpendapat Dr. Mahathir telah meletakkan asas-asas yang kukuh membangunkan negara ini dengan mengambil kira masyarakat majmuk yang harus mempunyai satu identiti rupabangsa Malaysia. Tidak ada satu kaum pun mesti ketinggalan dalam merealisasikan Wawasan 2020. Oleh itu pemikiran politik yang serius dan dinamik sesuai dengan tuntutan masa dan cita-cita negara perlu ujud dan berkembang. Pemikiran politik yang statik, kuno atau usang tidak boleh dipakai oleh para pemimpin yang mahu menuruti destinasi perjuangan Dr. Mahathir — iaitu Malaysia sebagai negara industri yang progresif setaraf dengan negara-negara maju di dunia ini.

Aspirasi politik-ekonomi-budaya Dr. Mahathir dapat dirasai oleh Anwar Ibrahim. Sebagai seorang pemimpin politik yang berpandangan jauh beliau sependapat dengan pemikiran Perdana Menteri. Memang layak dan kena pada tempatnya seorang Presiden parti UMNO, yang menjadi tulang belakang dalam kerajaan Barisan Nasional, merancang matalamat perjuangan parti serta

pembentukan sebuah masyarakat majmuk yang progresif, dinamik dan sejahtera untuk semua.

Atas keyakinan itu, dan untuk meneruskan cita-cita Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar mengambil berbagai inisiatif mempercepatkan realisasi Wawasan 2020 melalui pelaksanaan dasar di kementeriannya dan juga melalui parti selaku salah seorang Naib Presiden. Beliau berpendapat cita-cita Perdana Menteri bukan semata-mata memberi sokongan semangat sahaja tetapi mencari jalan dan merancang berbagai strategi supaya melicinkan pelaksanaan dasar negara tersebut.

Malangnya ada pihak membuat berbagai tuduhan dan tohmah terhadap sikap dan stail politik Anwar. Mereka menuduh Anwar terlalu deras ke depan hingga meninggalkan tokoh-tokoh yang lebih lama berjuang dalam UMNO. Ada yang berkata beliau terlalu terburu-buru hendak menjadi Perdana Menteri tanpa menunggu giliran. Lebih-lebih lagi ada yang berkata beliau hendak menjadi anak mas Dr. Mahathir untuk menjamin masa depan politiknya.

Anwar Ibrahim kini melalui saat-saat yang genting dalam perjuangan politiknya oleh kerana beliau mendahului orang lain dari segi menangani aspirasi Perdana Menteri. Banyak yang irihati terhadapnya kerana mereka tidak mampu bertindak cepat dan aktif sepertinya. Mereka merasai diri mereka tercabar dan tergugat bilamana Anwar sanggup ke hadapan memperjuangkan konsep dan cita-cita Perdana

Menteri. Barangkali ada yang dihinggapi perasaan rendah diri (*inferiority complex*), kurang idea dan lemah tenaga berfikir untuk menghayati dan melaksanakan cita-cita Presiden UMNO. Oleh itu mereka jadikan Anwar Ibrahim sebagai sasaran kecaman mereka dengan harapan beliau kecewa, putus asa dan membiarkan Perdana Menteri dengan cita-citanya.

Kalau itulah tujuan penentang-penentang Anwar untuk melemahkan semangatnya ternyata meleset. Semangat kepimpinan yang berteraskan Islam menjadikan perjuangannya lebih kental, kuat, penuh azam. Bila ditanya oleh wartawan apakah anda tidak gerun menghadapi musuh-musuh politik anda? Selalu dia berkata, hidup adalah satu perjuangan dan dia hanya memohon taufiq dan hidayah dari Allah dan kepada Allah dia meletakkan nasibnya.

Kata-kata ini adalah perhiasan seorang pemimpin yang yakin pada perjuangannya kerana ia meletakkan nasibnya kepada kekuasaan Allah. Keyakinan diri membolehkan Anwar menghadapi berbagai tokoh dan pembesar dunia, mempengekusikan berbagai persidangan antarabangsa, berbincang masalah-masalah negara dan dunia dengan para pemimpin terkemuka di samping memberi buah fikiran yang membina untuk mewujudkan hubungan baik, aman dan damai dalam masyarakat dunia.

*Politics is a game of the possible* tersebut. Semua perkara boleh berlaku dalam politik. Parti merupakan sebuah pentas yang besar dan luas di mana berbagai tokoh melakonkan watak-watak mereka. Ada yang mengambil watak orang malang maka malanglah jadinya. Watak yang bercita-cita tinggi tidak mudah kecewa, menyerah kalah tanpa beradu nasib. Masing-masing berusaha memasang jerat, memerangkap musuh. Menang atau kalah, nasib sabut timbul, nasib batu tenggelam.

Anwar bukan seorang *a quitter* — seorang yang menyerah kalah. Pengalaman hidupnya yang pasang-surut sejak di kampus Universiti Malaya menjadikan beliau "kebal" menghadapi cabaran. Datanglah cabaran apa pun, dia akan menghadapinya dengan tabah. Bila masuk gelanggang politik beliau telah membuat berbagai persediaan untuk merancang masa depan Bangsa, Agama dan Tanahair. Perjuangan tanpa perancangan sumbang jadinya. Perjuangan tanpa matalamat juga sia-sia akhirnya. Tapi Anwar Ibrahim mempunyai matalamat dalam perjuangan dan sanggup berjuang untuk mencapai matalamatnya.

Memang banyak pemimpin dalam UMNO tetapi tidak banyak yang dianggap tokoh. Mereka boleh memimpin cawangan dan bahagian, menjadi Adun dan wakil rakyat tetapi amat sedikit yang dapat membangunkan kesedaran masyarakat melalui buah fikiran yang bernas dan dapat diterima oleh masyarakat. Datuk Seri Dr. Mahathir Muhamad banyak



sekali memberi fikiran yang bemas yang dapat mempengaruhi rakyat. Juga Anwar Ibrahim.

Tidak salah kalau Anwar Ibrahim dianggap seorang tokoh pemimpin seperti juga dengan Dr. Mahathir Muhamad. Kedua-dua mereka mendapat perhatian istimewa bukan saja di kalangan rakyat berbilang kaum di tanahair tetapi juga di kalangan para pemimpin dunia. Inilah kelebihan Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim yang mungkin kurang terserlah pada pemimpin-pemimpin UMNO lain. Banyak berasa irihati kerana Anwar menanjak naik walaupun baru dalam UMNO. Walaupun banyak pemimpin datang dan pergi dalam UMNO namun tidak ada pun seorang pemimpin parti yang begitu cepat menonjol sebagai tokoh yang mempunyai masa depan yang gemilang.

Soalnya ketokohan Anwar bukan dibuat-buat, dicipta oleh Anwar sendiri. Masyarakat yang menganggapnya sebagai tokoh, memuji dan menyanjungnya seperti itu. Apakah Anwar mesti disalahkan kalau masyarakat mengangkatnya sebagai seorang tokoh UMNO? Kalau ahli-ahli UMNO sendiri menerima beliau sebagai tokoh tentulah itu satu penghargaan kepada Anwar. Gelaran tokoh terhadapnya oleh orang-orang UMNO adalah berdasarkan jasa-jasa dan bakti beliau untuk parti dan juga kerajaan. Tanpa jasa dan bakti kepada parti atau kerajaan tentulah beliau tidak semudah itu diberi gelaran tokoh.

Seperti dijelaskan sebelum ini tidak semua pemimpin UMNO boleh dianggap sebagai tokoh. Biarlah gelaran tokoh itu diberikan kepada mereka yang benar-benar berjasa kepada parti, masyarakat dan kerajaan supaya ada nilai pada gelaran tersebut. Sebaik-baiknya seluruh ahli parti, termasuk para pemimpin, berusaha melipatgandakan tokoh-tokoh parti. Lagi banyak pemimpin menjadi tokoh bererti imej UMNO juga turut naik, dan ini akan mempengaruhi seluruh rakyat tanpa mengira kaum ataupun pendirian parti.

Datuk Seri Dr. Mahathir, selaku Presiden dan Perdana Menteri, tentu mahu melihat lebih banyak tokoh terkemuka dalam UMNO memandangkan UMNO parti politik terkanan dalam Barisan Nasional. Biar lahir seribu Anwar Ibrahim dalam UMNO demi perjuangan Bangsa, Agama dan Negara. Kalau Dr. Mahathir sendiri sanggup menentang kuasa-kuasa besar dunia memperjuangkan kepentingan negara-negara Ketiga yang miskin dan sedang membangun hingga ia menjadi seorang tokoh antarabangsa yang dihormati mengapa pula mahu menolak sumbangan dan jasa-jasa Anwar Ibrahim yang mengikuti jejak langkah Perdana Menteri itu?

Semua ahli UMNO patut berfikir dengan matang dan menilai dengan bijak segala sumbangan tokoh-tokoh parti yang berusaha untuk memantapkan parti dan kerajaan. Kalau Dr. Mahathir dianggap sebagai seorang tokoh penting negara kerana jasa-jasanya

maka Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menangani visi dan perjuangan Perdana Menteri juga seorang tokoh penting. Sudah tentu ketokohan Anwar Ibrahim tidak setaraf ketokohan Dr. Mahathir yang berjaya membentuk sejarah baru bagi rakyat Malaysia di bawah pimpinan beliau. Namun demikian Dr. Mahathir bolehlah berpuas hati kerana adanya seorang tokoh yang memahami dan sanggup melaksanakan sepenuhnya Wawasan 2020 itu.

Ya, memang ada juga pemimpin-pemimpin lain dalam parti dan kerajaan bercakap tentang Wawasan 2020. Itu tidak boleh dinafikan. Tetapi tidaklah semua pemimpin dapat menghayati perjuangan Perdana Menteri sebaik Anwar. Dalam hal Wawasan 2020 tentulah Perdana Menteri mahu melihat pelaksanaannya yang paling baik selepas pemerintahannya. Siapakah antara tokoh yang boleh melaksanakan cita-cita Dr. Mahathir itu hingga berhasil? Tidak lain tidak bukan ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Siapa saja yang menjadi pemimpin parti dan kerajaan tentulah inginkan pengikut-pengikutnya mencontohi kepemimpinan dan melaksanakan program-program pembangunannya. Ini wajar. Demikian juga dengan Dr. Mahathir. Beliau tentulah memberi kepercayaan dan tanggungjawab yang lebih besar kepada menteri atau tokoh parti yang dianggapnya mempunyai potensi melaksanakan programnya. Keyakinan, kepercayaan dan tanggungjawab sangat penting apalagi dalam kepemimpinan parti dan kera-

jaan. Dr. Mahathir juga tidak mahu melihat Wawasan 2020 berkecai di tengah jalan kerana ia adalah suatu konsep pembangunan negara yang bersepadu yang boleh mewujudkan identiti Malaysia sebagai sebuah negara industri dalam abad ke dua puluh satu kelak.

Hubungan yang erat dan akrab antara Perdana Menteri dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak diterima dalam kabinet Dr. Mahathir hingga sekarang amatlah menguntungkan Anwar. Beliau dapat belajar dari dekat dan mencoba melaksanakan dasar menurut cita-cita Perdana Menteri. Sebenarnya Dr. Mahathir banyak memberi peluang dan tunjuk ajar kepada Anwar hingga beliau dianggap sebagai tokoh parti yang boleh melaksanakan segala program Dr. Mahathir.

Ketokohan Anwar Ibrahim inilah yang membimbangkan banyak pihak dalam UMNO sekarang. Semolek-moleknya ahli-ahli UMNO patut menyokong pemimpin-pemimpin politik yang berkaliber yang ditokohkan untuk memimpin parti dan kerajaan di masa depan. Tidak perlu bimbang dan cemburu terhadap tokoh-tokoh seperti itu. Yang dikhuatirkan ialah tokoh-tokoh yang terlalu mementingkan diri sehingga melupai hasrat dan cita-cita parti dan rakyat. Kita takutkan pemimpin-pemimpin yang membawa rebah yang mudah terperangkap dalam mainan kongkolikong pihak-pihak tertentu yang mahu menghancurkan kepimpinan Melayu di bumi Malaysia ini.

Setakat ini nampaknya Anwar bukanlah seorang pemimpin yang mudah dipengaruhi oleh kekayaan kebendaan seperti setengah orang dalam UMNO yang berpangkat dan berkuasa. Menurut sahabat-sahabat yang pernah ke rumahnya di Bukit Damansara perhiasan rumah banglonya sangat sederhana, dengan perabot buatan tempatan yang sederhana harganya. Kalau dibandingkan rumah Anwar dengan beberapa rumah menteri dan timbalan menteri akan dapatlah dilihat siapakah sebenarnya yang hidup dalam timbunan kemewahan yang sebenar.

Banyak orang beranggapan sebagai Menteri Kewangan tentulah Anwar hidup terlalu mewah oleh kerana kononnya beliau mempunyai kuasa untuk "berbelanja". Sungguh salah sekali anggapan setengah golongan masyarakat yang tidak mengenali Anwar dari dekat atau mendengar fitnah yang ditaburkan oleh musuh-musuh politiknya. Selalunya yang banyak menabur fitnah adalah terdiri dari mereka yang gagal mendapat sesuatu permintaan dari menteri berkenaan. Ada yang datang ke rumah dan menunggu untuk berjumpa dan memohon sesuatu dari menteri tersebut.

Siapakah antara menteri-menteri kabinet yang sanggup melayan semua permintaan, yang betul dan yang tidak, yang boleh dan juga yang tidak boleh ditunaikan? Tidak siapa pun boleh melayan segala macam karenah manusia termasuklah mereka yang datang meminta sesuatu dari menteri sekiranya orang

itu menjadi menteri. Tapi bila tidak diperolehi apa yang diminta oleh sesuatu sebab (kadang-kadang alasan itu hanya dalam angan-angannya semata-mata) maka menteri itulah yang menjadi sasaran. Ada juga yang berpendapat oleh kerana dia menyokong Anwar di peringkat cawangan atau bahagian maka mestilah Anwar menunaikan apa yang dimintanya! Kalau inilah anggapan semua ahli UMNO dan juga rakyat Malaysia matilah semua menteri kalau hendak menunaikan semua jenis permintaan ahli-ahli parti dan rakyat! Tidak ada seorang pun menteri dalam dunia ini yang boleh menunaikan semua permintaan rakyat.

Yang penting difikirkan oleh semua ahli UMNO dan rakyat ialah apakah seseorang pemimpin itu dapat menjalankan tugas dan mandat rakyat dan parti dengan baik dan memuaskan? Apakah dia layak menjadi menteri yang lebih kanan dari jawatannya sekarang. Misalnya, apakah Anwar layak dicalon sebagai Timbalan Presiden UMNO dalam perhimpunan agung akan datang? Kalau beliau dianggap sesuai dan layak dipilih sebagai calon Timbalan Presiden apakah kelebihan-kelebihan Anwar dari Encik Ghafar sekarang? Ini semua ahli parti ingin tahu, dan juga seluruh rakyat Malaysia. Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Presiden merangkap Perdana Menteri juga ingin tahu fikiran dan pandangan majoriti ahli UMNO kerana siapa saja yang bakal dipilih sebagai Timbalan Presiden November ini akan

menjadi Timbalan Perdana Menteri dan akhirnya akan mengambil tempat Dr. Mahathir sebagai Presiden merangkap Perdana Menteri Malaysia.

Presiden UMNO juga bimbang kalau perhimpunan agung kali ini melahirkan calon-calon yang terpilih terdiri dari majoriti yang tidak mampu menangani masalah sosio-politik-ekonomi yang bersifat *global* seperti yang dialami sekarang ini. Ahli-ahli UMNO patut memberi perhatian dan analisis yang mendalam terhadap setiap calon yang bercita-cita duduk dalam Majlis Tertinggi selepas perhimpunan agung November depan. Seboleh-bolehnya ahli-ahli mesti jujur pada diri mereka terlebih dulu. Kalau mereka tidak bijak dan tidak berhati-hati menilai kemampuan seseorang calon, terutama sekali yang mahu duduk sebagai Timbalan Presiden dan tiga Naib Presiden yang penting itu, maka apa yang ditakutkan mereka salah memilih orang. Akibatnya parti yang mengalami kehancuran.

Sekarang pun sudah ada orang yang menyindir Anwar yang dianggap orang muda yang bercita-cita besar hendak menumbangkan pemimpin veteran. Mereka membawa isu golongan muda menentang golongan tua, kelapa muda hendak melawan dengan kelapa tua! Dalam isu menawarkan diri sebagai calon, hatta sebagai calon Timbalan Presiden atau pun Naib Presiden atau pun sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO soal siapa makan garam dulu tidak timbul sama sekali. Yang patut diketengahkan siapakah an-

tara calon-calon yang bertanding itu benar-benar boleh menerajui UMNO ke arah kejayaan dan pelaksanaan Wawasan 2020 supaya ahli-ahli UMNO dan rakyat Melayu serta Bumiputra lain tidak tercicir di tepi jalan.

Oleh kerana kita tidak mahu Melayu tercicir gara-gara Wawasan 2020 maka bersedialah dari sekarang, dan pilihlah calon-calon yang betul-betul berwibawa dan berpotensi besar untuk menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO November ini. Kalau perlu diganti setengah dari muka yang ada dalam Majlis Tertinggi gantilah dengan muka-muka baru supaya UMNO lebih mantap dan kepimpinannya lebih berkesan dan paling baik sekali.

Di samping itu yang perlu diambil kira ialah buah fikiran yang baik dari tokoh-tokoh yang dipilih menduduki kerusi Majlis Tertinggi UMNO. Buah fikiran dan pengetahuan yang baik tidak berdasarkan usia seseorang. Boleh jadi idea yang bemas datang dari seorang pemimpin yang berumur tiga puluhan, dan boleh juga datang dari seorang pemimpin veteran yang berumur lebih dari 60 tahun. Pokok pangkal pada sikap, pengalaman, pengetahuan dan kegigihan seseorang individu menangani berbagai isu yang menyangkut hal politik, ekonomi, pendidikan, agama dan sebagainya sesuai dengan tuntutan masa ini. Oleh itu tidak timbul isu siapakah yang jadi kelapa tua dan siapa pula jadi kelapa muda. Muda dan tua boleh membangunkan UMNO sekiranya kedua-dua



golongan tersebut mempunyai aspirasi dan kegigihan bekerja seperti Datuk Seri Dr. Mahathir Muhamad.

Anwar berpendapat inilah masanya untuk beliau berhadapan dengan suatu kenyataan politik UMNO. Kalau mahu memberi sumbangan yang paling berkesan kepada kepimpinan UMNO sekarang dan masa akan datang Anwar mesti berhadapan dengan Encik Ghafar. Beliau mesti menentang Encik Ghafar untuk merebut jawatan Timbalan Presiden. Kata peribahasa Inggeris, *make hay while the sun is hot* yang bererti rebutlah peluang keemasan ini sewaktu keadaan paling baik. Dan besar kemungkinan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan melangkah setapak lagi untuk merasai bahang kehangatan jawatan Timbalan Presiden UMNO itu.

# 2

## PEMIMPIN PELAJAR YANG DINAMIK

Tidak banyak pemimpin pelajar yang menjadi tokoh terkemuka dalam politik hingga menjadi menteri kabinet. Antara yang terkenal dan menempah sejarah yang cemerlang ialah Anwar Ibrahim. Walaupun di zaman persekolahannya sudah ada beberapa pertubuhan belia dan GPMS (Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung) yang diasaskan oleh tokoh pendidikan yang terkemuka, Aminuddin Baki, namun Anwar lebih cenderung pada pergerakan belia Islam.

Islam, pada pendapatnya, akan tetap menjadi suatu kekuatan yang tidak dapat dihapus oleh apa kuasa sekali pun. Lebih-lebih lagi beliau menyedari Malaysia negara majmuk, mempunyai berbagai bangsa dengan berbagai kepercayaan agama, adat resam dan matalamat hidup. Perjuangan yang suci mestilah bersandarkan Islam untuk mendapat rahmat di dunia dan akhirat.

Dengan kesedaran itulah Anwar bersama kawan-kawan sealiran mengasaskan Persatuan Pelajar Islam Malaysia untuk mengembelengkan seluruh pelajar Islam di pusat-pusat pengajian tinggi terutama sekali. Kampus Universiti Malaya menjadi kubu kuatnya di mana Anwar Ibrahim menjadi Presiden yang pertama. Dalam suasana kampus berkumpul pemimpin-pemimpin pelajar Islam merancang berbagai kegiatan bagi memperjuangkan kepentingan Islam dalam dan luar kampus. Komitmen untuk perjuangan Islam di kalangan para pelajar dipikul oleh Anwar sepenuhnya tanpa mengambil kira risiko pada dirinya.

Sebagai pemimpin pelajar Anwar dianggap militan, *anti-establishment* dan radikal. Sejak peristiwa berdarah 13 Mei, 1969 perjuangan bangsa Melayu menjadi semakin berani dan tegas. Semua kampus bergolak. Anwar dan kawan-kawannya di kampus terus menerus meniupkan semangat Islam dan menggesa kerajaan supaya tegas dan bersungguh-sungguh menjaga kepentingan Melayu dan Islam. Ucapan-ucapan Anwar yang membakar semangat menjadikannya seorang hero dalam dan luar kampus. Tidak ada sebelum Anwar semangat radikal dan keberanian intelek di kalangan mahasiswa universiti untuk menentang kerajaan secara serius demi menegakkan keadilan. Di mana saja, dalam dan luar kampus, juga seberang laut, nama Anwar disebut-sebut sebagai

pemimpin pelajar yang dikagumi ramai. Anwar sudah pun menempah dirinya untuk menjadi seorang pemimpin yang bakal membentuk sejarah gemilang di tanahair kelak. Jejak langkahnya sejak di kampus sudah menampakkan matalamat perjuangannya yang sebenar — mengabdikan ilmu, tenaga dan pengorbanan untuk agama, bangsa dan negara dan kemanusiaan amnya.

Banyak orang berpendapat, dia dapat memukau para hadirin dengan pidatonya dan orang mudah terpengaruh bila mendengar dia berceramah. Sebagai pemimpin pelajar dia tidak pernah melarikan diri menghadapi tentangan dari pihak kerajaan. Anwar tetap di depan bersama para pelajar dan belia Islam memperjuangkan berbagai isu masyarakat yang menyentuh bangsa Melayu, Islam dan juga kemiskinan dan penderitaan rakyat. Bukan saja para mahasiswa dan belia terpuakau dengan pidatonya yang penuh semangat tetapi juga beliau dapat menyesuaikan isi pidato dan stail pidato mengikut *audience* di hadapannya. Kalau berhadapan dengan masyarakat kampung yang terdiri dari orang-orang tua, lelaki dan perempuan Anwar dengan cara yang tersendiri dapat menarik perhatian mereka untuk memahami isi pidatonya dengan penuh khusyuk dan berkesan.

Keadaan masyarakat Melayu di luar bandar yang hidup kais pagi makan pagi kais petang makan petang, dengan gobok-gobok buruk sebagai tempat berlindung, amat menyentuh perasaan Anwar. Lebih-

lebih lagi dia juga berasal dari kampung dari keluarga yang juga tidak berada. Penderitaan dan kemiskinan rakyat inilah yang sangat menyentuh kalbunya hingga menjadi sebahagian dari perjuangannya hingga sekarang. Anwar berpendapat selagi majoriti rakyat luar bandar dan di kampung-kampung dihipit penderitaan dan kemiskinan selama itulah perjuangannya tidak akan selesai.

Perjuangan di kampus ditingkatkan lagi di luar kampus melalui ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) di mana Anwar menjadi Presidennya. Sahabat-sahabat yang sejiwa dengan Anwar sanggup berkorban kesenangan hidup semata-mata untuk membantu para pelajar miskin untuk meneruskan pelajaran. Anwar dan sahabat-sahabatnya mendirikan Yayasan Anda. Di sinilah kebanyakan anak-anak Melayu dan bukan Melayu yang miskin mendapat didikan hingga ke tingkatan enam. Banyak bekas pelajar Yayasan Anda kini menjadi pegawai-pegawai penting dalam kerajaan dan swasta setelah berjaya mendapat ijazah dari universiti-universiti tempatan dan seberang laut.

Pelaburan dalam pendidikan menyentuh perasaan Anwar sejak di kampus hingga sekarang. Sekiranya dia mahu mencari kesenangan hidup tidak perlu dia membuka Yayasan Anda bersama sahabat-sahabatnya. Dia boleh menjadi pegawai pentadbir dan melupakan tanggungjawab untuk memimpin dan membimbing anak-anak bangsa sendiri. Tetapi

Anwar tidak boleh meninggalkan perjuangannya sejak di kampus hanya untuk mencari kesenangan pribadi. Dia mesti buktikan kepada seluruh kaum belia Islam dan masyarakat bahawa dia sanggup berkorban untuk Islam dan bangsa dan juga negara.

Yayasan Anda adalah buktinya. Hingga sekarang ia masih menampung keperluan pelajar-pelajar miskin dan para pengajarnya terus berkorban atas nama Islam. Walaupun bangunan Yayasan Anda tidak sehebat Kolej Sunway atau Kolej Taylor namun ia sangat berjasa kepada pendidikan anak-anak orang miskin di Lembah Kelang. Inilah sumbangan besar Anwar dan sahabat-sahabatnya untuk memberi jalan keluar kepada para pelajar miskin meneruskan pelajaran menengah mereka. Rakan-rakan Anwar yang sezaman dengannya menuntut di Universiti Malaya banyak menjadi pegawai-pegawai tinggi dalam kerajaan dan tokoh-tokoh korporat. Tapi dunia Anwar lain dari mereka. Amal jariah untuk anak bangsa yang miskin, pendidikan yang membuka dunia baru yang lebih mencabar kepada anak bangsa sendiri dan juga bangsa-bangsa lain, menjadi ikatan batin yang kuat pada diri Anwar. Biarlah sahabat-sahabatnya menikmati kehidupan yang mewah dan senang sebagai pegawai kerajaan dan tokoh korporat. Dia tidak kesal dengan pilihannya untuk mengabdikan diri di bidang amal jariah kepada anak-anak bangsa sendiri. Mereka yang belajar di Yayasan Anda dan berjaya meneruskan pelajaran di peringkat universiti akan

tetap mengenang jasa-jasa Anwar yang banyak menyemaikan semangat perjuangan Islam supaya mereka menjadi warganegara yang berguna dan berinteleak dalam masyarakat.

Bila Anwar dan kawan-kawannya menubuhkan ABIM banyak pihak curiga terhadap ABIM. ABIM mengadakan berbagai rancangan yang ada hubungan dengan Islam dalam dan juga luar negara. Di kalangan pembesar-pembesar negara Arab dan Islam nama Anwar sudah terkenal sebagai seorang tokoh Islam yang berwibawa dan mempunyai masa depan yang gemilang. Anwar menghadiri berbagai seminar dan perjumpaan mengenai Islam di berbagai negara, dan pernah menjadi tetamu berbagai negara Islam pula. Malah ada negara Islam yang memberi pingat kebesaran negara kerana mengenangkan jasa-jasa Anwar dalam gerakan Islam antarabangsa.

Boleh dikatakan ABIM dan Anwar tidak dapat dipisahkan. ABIM terkenal kerana pimpinan Anwar, dan Anwar menjadi seorang tokoh pemimpin Islam kerana ABIM. Melalui hubungan luar negara melalui ABIM Anwar diterima dengan penuh mesra dan hormat oleh banyak pembesar negara-negara Islam seperti Pakistan, Arab Saudi, Mesir, Libya, Iraq dan Kuwait. Apalagi Anwar pernah pula dilantik sebagai Presiden WAMY (World Assembly of Muslim Youths) di mana beliau mendapat penghormatan yang tinggi di kalangan pemimpin-pemimpin Islam sedunia.

Walaupun Anwar tidak bersekolah pondok atau menuntut pengajian Islam di Mekah atau Mesir namun tarikan pada Islam sebagai suatu *force* menjadi sebahagian dari hidupnya. Tentulah tidak wajar mengatakan pejuang-pejuang Islam hanya datang dari kalangan mereka yang mengaji pondok, Mekah, Madinah dan Mesir sahaja. Cinta pada Islam tidak dibatasi oleh sesuatu latarbelakang tertentu. Siapa saja boleh mendalami falsafah Islam dan seterusnya menjadi pemimpin Islam kerana cintanya kepada agama yang membawa rahmat di dunia dan juga akhirat. Anwar bukanlah seorang ulama seperti Tuan Guru Nik Aziz atau Ustaz Hj Hadi Awang. Anwar sendiri barangkali tidak menganggap dirinya seorang ulama samalah seperti Datuk Abdullah Badawi atau Datuk Sanusi Junid. Barangkali perjuangan dan kecintaan Islam beliau bolehlah disamakan dengan Ustaz Mustapha Ali atau Ustaz Subky Latiff tetapi dengan kelebihanannya yang tersendiri.

Kalau ada orang menjadi ahli PAS untuk memperjuangkan Islam Anwar lebih praktikal dan *down to earth*. Dia terlebih dulu membuktikan jiwa Islamnya melalui Persatuan Pelajar-pelajar Islam di kampus dan ABIM. Dengan demikian dia boleh menimba pengalaman dan pengetahuan mengenai perjuangan Islam di samping melaksanakan berbagai program untuk menyedarkan kerajaan dan masyarakat mengenai perjuangan Islam tersebut. Ertinya Anwar sudah membuktikan



keimpinannya sebagai pemimpin Islam sejak di kampus lagi. Beliau sudah menempah nama sebagai pemimpin Islam sebelum memasuki UMNO. Dengan kata lain, beliau sudah pun memulakan politik Islam sejak di kampus dan sudah mengukir nama sebagai pemimpin belia Islam yang dihormati ramai dalam dan luar negara sebelum melangkah masuk dalam parti politik UMNO.

Rekod keimpinannya sebagai pemimpin dan pejuang Islam yang harum itulah menyebabkan Tun Abdul Razak, sewaktu menjadi Perdana Menteri, menawarkan jawatan menteri kabinet kepada Anwar. Tun Razak sedar tentang potensi dan kewibawaan Anwar sebagai pemimpin. Sekiranya Anwar menjadi ahli kabinet Tun Razak bermakna dapatlah kerajaan menggunakan tenaga, fikiran dan hubungan Anwar dengan pemimpin-pemimpin Islam dalam dan luar negara untuk kepentingan Malaysia.

Pada waktu itu Anwar menolak. Beliau tidak tertarik menjadi ahli kabinet Tun Razak kerana beliau tidak bersefahaman dengan Tun Razak atas berbagai isu yang menyentuh perjuangan Islam. Kalau hanya untuk mendapat jawatan menteri Anwar sudah lama boleh jadi menteri kabinet. Di sini nampak sekali sikap Anwar yang lebih mementingkan perjuangan Islam dari menjaga kepentingan dirinya. Barangkali pemimpin-pemimpin politik yang gila pangkat dan kedudukan akan menerima dengan ta-

ngan terbuka tawaran Tun Razak tersebut. Tapi Anwar sanggup korbakan kepentingan dirinya demi meneruskan perjuangan Islam untuk menjaga kepentingan Melayu dan masa depan Islam di Malaysia.

Dia sedar bahawa kaum belia Islam di tanahair tidak mendapat bimbingan yang berkesan sebagai golongan muda harapan bangsa. Kaum belia mesti diberi kesedaran untuk mengejar ilmu pengetahuan tinggi, membina nasib sendiri dan menjadi pejuang bangsa, agama dan negara. Walaupun tujuan utama ialah menuntut ilmu pengetahuan namun, sebagai anggota masyarakat, kaum belia dan pelajar juga mesti terlibat secara langsung dengan masalah-masalah sosial, ekonomi dan politik tanahair. Mereka juga harus peka terhadap perkembangan politik tanah air yang boleh mencorakkan nasib bangsa, agama dan tanahair. Dengan kata lain, mereka tidak boleh berjiwa pasif, menyerah pada nasib dan takdir tanpa berusaha merubah nasib mereka sendiri-sendiri.

Dalam tahun-tahun tujuh puluhan kepimpinan Tun Razak mendapat cabaran hebat dari Datuk Harun Idris, Ketua Pemuda UMNO. Ada semacam "kerajaan dalam kerajaan" di waktu itu antara mereka yang menyokong kepimpinan Tun Razak dengan Datuk Harun. Setelah peristiwa 13 Mei MCA dan MIC tidak mempunyai wakil dalam kabinet Mageran Tun Razak. Kebebasan rakyat juga terbatas gara-gara pertentangan kaum tersebut. Untuk mengurangkan politiking di kalangan parti-parti politik

Melayu terutama sekali Tun Razak berjaya mempengaruhi PAS menyertai Barisan Nasional apabila beliau berjaya mendapatkan penyertaan berbagai parti politik di Malaysia menyertai Barisan Nasional. Setelah wujudnya Barisan Nasional, gagasan parti-parti politik yang dirancang oleh Tun Razak, maka kepimpinan UMNO menjadi semakin kukuh dan kuat hingga sekarang.

Tapi Anwar masih dengan semangat perjuangannya untuk menegakkan cita-cita Islam dalam masyarakat majmuk di tanahair. Melalui ABIM Anwar mengadakan berbagai seminar, usrah, projek-projek amal dan yang lain-lain untuk menyedarkan rakyat, terutama sekali orang Melayu, mengenai tanggungjawab mereka menengakkan kehidupan menurut Islam dan memerangi yang mungkar. Di peringkat antarabangsa beliau menyeru kepada perpaduan ummah dan di samping itu menjalin silaturrahim dengan pemimpin-pemimpin negara-negara Islam dengan harapan dapat mendalami masalah-masalah politik, ekonomi, sosial dan agama di negara-negara tersebut.

Kalau kebanyakan pemimpin politik negara mengenali setengah pemimpin politik dunia setelah menjadi menteri kabinet Anwar lebih mendahului mereka mengenali tokoh-tokoh dunia. Beliau selalu diundang untuk menghadiri dan memberi ceramah atau menyediakan kertaskerja dalam berbagai persidangan Islam antarabangsa setelah

menjadi Presiden ABIM. Inilah penghormatan yang diberikan kepada Anwar yang tidak pernah dimimpikan oleh kebanyakan pemimpin politik dan pemimpin masyarakat lainnya. Karisma Anwar sebagai pemimpin Islam sudah terserlah sejak beliau memimpin ABIM lagi dan penghormatan dari pembesar-pembesar negara Islam menjadikan Anwar tokoh perjuangan Islam yang membanggakan seluruh umat Islam

Kejayaan beliau adalah juga kebanggaan Melayu dan Islam. Penghormatan dan sanjungan yang diberikan oleh banyak pemimpin Islam kepadanya adalah satu tanda bahawa mereka mengakui ketokohan dan kewibawaan Anwar. Walaupun beliau pada waktu itu bukan seorang menteri kerajaan, hanya seorang pemimpin belia Islam, namun tanda-tanda ketokohan dan kepimpinannya sebagai pejuang Islam sudah pun diakui dunia Islam.

Pada zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, Tun Razak dan Tun Hussein Onn hubungan Malaysia dengan negara-negara Islam tidaklah terlalu intim dan mesra seperti sekarang. Ini kerana dasar luar Malaysia yang lebih mengutamakan negara-negara barat sebagai rakan perkongsian di bidang politik, ekonomi dan kebudayaan serta pendidikan secara tradisional. Hanya setelah Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri barulah dasar luar negara Malaysia bersifat *global* — seluruh dunia.

Dari segi diplomasi Anwar sudah pun merintis

jalan terbaik-baik dengan para pemimpin dari negara-negara Islam sejak menjadi Presiden ABIM lagi. Ada pihak mengatakan kerajaan Malaysia sebelum Dr. Mahathir agak sukar mendapat kerjasama dari setengah negara Islam oleh kerana Malaysia dianggap kurang menekankan kepentingan Islam dalam dasar kerajaannya. Tambahan pula ABIM di zaman kepimpinan Anwar selalu mengecam dasar kerajaan yang dianggap tidak mementingkan Islam dan kesejahteraan rakyat. Akibat dari tindak-tanduk Anwar di forum antarabangsa yang dianggap radikal itu ada pihak di kalangan kerajaan tidak begitu senang dengan pendirian Anwar. Ada juga yang menuduh Anwar memberi gambaran yang mengelirukan tentang dasar kerajaan Malaysia di luar negeri terutama sekali di negara-negara Islam. Berbagai fitnah dilemparkan terhadap ABIM dan Anwar oleh kerana imej Anwar di kalangan negara-negara Islam lebih terserlah dan lebih baik dari imej beberapa Perdana Menteri sebelum ini.

Anwar sedar beliau menghadapi berbagai risiko kerana menentang kerajaan sebagai pemimpin ABIM. Tapi Anwar sudah bertekad untuk melaksanakan juga tugas yang mulia dan suci itu demi kepentingan Islam. Tidak ada jalan lain yang lebih berkesan untuk menyedarkan kepentingan Islam selain dari mengkritik secara membina dasar-dasar kerajaan yang dianggap merugikan Islam dan orang Melayu. Yang penting kaum belia Islam mesti di-

bangunkan semangat perjuangan Islam itu kerana generasi muda mesti tampil ke depan untuk menuntut hak bangsa mereka. Sekiranya kaum belia menjadi liar, tidak mempunyai pedoman hidup yang murni, tidak mempunyai keyakinan diri, maka amatlah bangsa itu akan hancur lebur kelak. Hanya pemimpin-pemimpin bangsa yang bertanggungjawab yang akan berusaha membawa kaum belia ke jalan yang berfaedah dan berjuang untuk kepentingan Islam yang bakal menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Kekuatan moral yang ada pada Anwar ialah kecintaannya pada Islam dan sokongan yang padu dari sahabat-sahabat yang sealiran dengannya dalam ABIM. ABIM bukan sebuah pertubuhan belia yang mendapat bantuan dari kerajaan di masa lalu. Ia hidup subur atas sumbangan ikhlas dari para penyokongnya seluruh negara di samping pengorbanan wang ringgit, tenaga, fikiran dan masa oleh para pemimpinnya di seluruh negara. Ahli-ahli ABIM dan para penyokongnya beribu-ribu seluruh Malaysia dan luar negara yakin dengan perjuangan Islam, dan mereka juga yakin dan kagum dengan kepimpinan Anwar Ibrahim. Sokongan yang kuat dan hangat dari kaum belia Islam inilah yang mendorong Anwar dan kawan-kawannya terus berbakti, merancang dan melaksanakan daqwah Islamiah secara teratur dan sistematik walaupun ABIM mempunyai

berbagai kekurangan dan menghadapi berbagai ranjau dan onak yang sengaja ditanam oleh pihak tertentu yang tidak senang melihat kemunculan seorang tokoh pejuang Islam yang karismatik seperti Anwar di luar pengaruh kerajaan pada waktu itu.

Anwar sanggup bersusah payah mengendalikan Yayasan Anda dengan segala kesederhanaannya. Bilik-bilik kecil dan sesak menjadi tempat belajar. Pejabat pengetua Yayasan Anda, iaitu Anwar sendiri, kecil dan penuh dengan majalah, buku-buku dan fail-fail bertimbun. Anwar dan sahabat-sahabatnya di Yayasan Anda sanggup makan nasi campur dan air batu kosong. Anwar sendiri mempunyai sebuah motor buruk dan banyak antara kawan-kawannya terpaksa menaikki bas untuk mengajar di Yayasan Anda dan menjalankan tugas-tugas ABIM. Sungguhpun sederhana dan perit kehidupan mereka namun mereka mempunyai idealisma yang murni dalam perjuangan iaitu menegakkan perjuangan Islam di kalangan kaum belia dan rakyat serta menyeru kerajaan kepada nilai-nilai Islam dalam pemerintahan.

Kehidupan yang serba sederhana dan kekurangan ini tidak mematahkan semangat Anwar dan kawan-kawan. Mereka bekerja penuh semangat kerana mereka mempunyai idealisma dalam perjuangan. Mereka mahu membuktikan kepada masyarakat Melayu dan Islam bahawa para penggerak ABIM adalah terdiri dari pemuda-pemuda yang dinamik, sanggup

berkorban kerana Islam. Walaupun ada juga rasa kesalan bermain dalam fikiran sekali-sekala bila melihat teman-teman lain menjadi pegawai-pegawai tinggi dalam jabatan kerajaan namun mereka tetap berpegang kukuh pada perjuangan yang dirintis mereka. Mereka mesti menjadi contoh dan teladan yang baik kepada masyarakat sepertimana yang dikehendaki agama kita. Oleh itu mereka menguak segala lintasan fikiran frustrasi yang menjelma dalam perjuangan mereka dari masa ke masa. Biarlah mereka menabur dermabakti melalui pendidikan yang berjihad Islam, menanam keyakinan diri serta menyemaikan amal jariah di kalangan masyarakat.

Sudah jadi lumrah alam tidak semua orang bersejua dengan perjuangan Anwar dan ABIM. Banyak menganggap Anwar hanya bijak berpidato yang boleh memukau orang ramai. Juga ada yang berkata Anwar hanya mahu mencari nama dan glamour sebagai pemimpin. Ada yang berpendapat perjuangan Anwar akan selesai bilamana dia ditawarkan jawatan yang penting oleh kerajaan. Memanglah pihak kerajaan di waktu itu (sebelum Dr. Mahathir) tidak senang dengan tindak-tanduk Anwar dan ABIM yang selalu mengkritik kerajaan. Pihak kerajaan pula tidak boleh bertindak ganas dan zalim mengharamkan ABIM atau pun menahan Anwar di bawah ISA supaya dia tutup mulut. Pihak kerajaan tahu dan sedar perjuangan Anwar dan ABIM betul dan kritik-kritik mereka ada benamya.



Tapi peluang kerajaan untuk menahan Anwar tiba masanya. Bila Anwar dengan ribuan pelajar dari berbagai universiti dan penyokong-penyokong parti pembangkang mengadakan tunjuk perasaan menentang kerajaan akibat peristiwa kebuluran kaum petani miskin di Baling pada tahun 1974 maka kerajaan Hussein Onn pun bertindak. Anwar dengan beberapa orang pemimpin pelajar dan parti-parti politik pembangkang serta beberapa orang pensyarah universiti, termasuklah Dr. Chandra Muzaffar, pemimpin Aliran, ditahan di bawah ISA. Anwar ditahan kira-kira hampir dua tahun di Kemunting.

Selesailah bab pertama dalam perjuangan Anwar sebelum Kemunting. Bila kita meninjau semula liku-liku perjuangan Anwar sejak di kampus dan juga sebagai pemimpin ABIM kita merasakan bahawa dia telah meletakkan asas yang kukuh menangani masalah kaum belia Melayu dan Islam. Beliau berjaya membawa sebahagian besar para pelajar kita di sekolah menengah, kolej dan universiti ke jalan perjuangan Islam. Hanya Islam jalan yang lurus dan setiap pemeluk Islam patut mencari inspirasi dan petunjuk dari Islam.

Sungguhpun Anwar tidak mendapat didikan agama Islam secara formal di sekolah pondok atau di Mekah, Madinah atau Mesir namun itu tidak mengurangkan minat dan keyakinannya terhadap perjuangan Islam. Ada juga yang berpendapat sumbangan Anwar di bidang daqwah dan pendidikan

Islam bagi kaum belia adalah lebih bermakna dan lebih pahala dari setengah pemimpin agama dan ulama kita yang hanya memberi ceramah agama tetapi kurang berminat menerjunkan diri ditengah-tengah masyarakat untuk membantu mereka yang hilang arah tujuan hidup melalui berbagai kerja-kerja amal.

Walaupun Anwar belum masuk gelanggang politik, hanya sebagai pemimpin ABIM saja, tetapi ketokohan dan kewibawaannya sebagai pemimpin sudah diterima oleh masyarakat di Malaysia dan masyarakat Islam antarabangsa. Inilah kelebihan Anwar. Siapa sangka seorang pemuda yang berpendidikan Melayu dan Inggeris, bijak berpidato tetapi kuat azam dan keyakinannya dalam perjuangan untuk menegakkan Islam dalam kehidupan masyarakat dan kerajaan di bumi Malaysia ini,

Kalau banyak orang mengaguminya sebagai pemimpin bukanlah Anwar mendesak mereka memujanya. Dalam Islam tidak ada pemujaan manusia yang dibuat sebagai patung untuk disembah. Islam mengajar manusia mencari kebaikan, membuat kebaktian dan menuruti jalan Allah. Anwar cuba mengamalkan perintah Allah sebaik-baiknya melalui tindak-tanduknya sebagai pemimpin ABIM. Kalau dapat kekurangan dan kelemahan Anwar sebagai pemimpin Islam maka itu adalah manifestasi dari kekurangan dan kelemahan setiap insan apakah ia ulama, menteri, guru,

mufti atau pun seorang petani biasa.

Walau apa pun kelemahan dan kekurangan Anwar sebagai pemimpin Islam namun dia sudah berjasa kepada masyarakat Islam di tanahair kita dan juga masyarakat Islam antarabangsa. Inilah kenyataannya yang mesti diakui oleh setiap orang yang terbuka fikirannya. Sebagai orang Melayu kita harus berbangga dengan ketokohan Anwar yang mendapat sanjungan dari para pemimpin Islam antarabangsa walaupun beliau masih seorang pemuda yang berusia begitu muda sekali. Rupa-rupanya ada juga anak Melayu yang dapat diterima kepimpinannya di bidang pergerakan belia Islam di peringkat antarabangsa — suatu penghormatan yang sukar diperolehi. Seperti kata peribahasa Melayu benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau! Dan Anwar adalah benih yang baik itu!

# 3

## BEREHAT SEMENTARA DI KEMUNTING

---

**BANYAK** orang bimbang bila dikaitkan perjuangan dengan Kamunting. Kemunting tempat tahanan ISA di mana mereka yang dianggap sebagai "ancaman kepada keselamatan negara" ditempatkan sekurang-kurangnya dua tahun. Sebagai pemimpin belia Islam (ABIM) Anwar Ibrahim pernah merengkok di Kemunting hampir dua tahun kerana terlibat dalam tunjuk perasaan anti-kerajaan mengenai peristiwa kebuluran di Baling pada tahun 1974.

Kalau kita pelajari sejarah pemimpin-pemimpin dunia yang terkemuka dan banyak jasa kepada rakyat kebanyakan mereka pernah merengkok dalam tahanan kerana perjuangan mereka dianggap mengancam pihak berkuasa. Gandhi ditahan. Sukarno dan Hatta juga ditahan. Jose Rizal, pejuang kemerdekaan

Filipina, ditahan dan dibunuh. Kini pejuang anti rejim tentera di Myanmar, Aung San Suu Kyi, juga ditahan. Sejak zaman manusia tahu memberontak dan berjuang mencari keadilan dan kesejahteraan untuk rakyat banyak pemimpin yang ditahan dan dibelenggu kebebasannya. Bukan saja banyak pemimpin ditahan di zaman menentang penjajahan tetapi juga banyak yang ditahan dan disiksa di zaman kemerdekaan negara mereka.

Anwar Ibrahim ditahan bukan oleh penjajah tetapi oleh kerajaan yang merdeka, oleh pemimpin bangsanya sendiri. Kepada pejuang Islam seperti Anwar tahanan oleh rejim yang memerintah mungkin akan kena pada dirinya. Setiap pejuang tulen mesti bersedia untuk ditahan kerana itu adalah risiko seorang tokoh pemimpin yang bertanggungjawab kepada perjuangannya. Dia tidak boleh lari dari menghadapi risiko tersebut. Dia ditahan kerana memperjuangkan hak rakyat miskin yang lapar, yang terbiar dan yang tersisih dari pembangunan negara. Dia ditahan bukanlah kerana skandal yang memalukan seperti korupsi atau pun menyalahgunakan kuasa tetapi ditahan kerana memperjuangkan kepentingan rakyat miskin yang terbiar. Di sinilah letaknya maruah dan keunggulan seorang pemimpin yang sanggup merengkok di Kemunting kerana setia pada perjuangan murni menurut tuntutan Islam.

Oleh itu penahanannya di Kemunting men-

jadikan Anwar seorang wira Melayu dan Islam yang sanggup berkorban kerana menuntut hak rakyat miskin. Penahanannya menjadikan Anwar lebih bersemangat dalam perjuangan oleh kerana perjuangannya itu seiringan dengan cita-cita Islam, iaitu memerangi yang mungkar dan membela yang terinaya. Siapakah yang sanggup membela nasib rakyat miskin yang lapar yang tidak boleh memberi apa-apa ganjaran kepada si pembela? Memang ada pembela-pembela orang miskin tetapi jumlahnya tidak banyak, dan Anwar adalah salah seorang dari kumpulan pembela rakyat miskin yang dhaif itu di zaman pemerintahan bangsanya sendiri.

Kalau pihak yang menahan Anwar menganggap dia akan tamatkan perjuangannya selepas dibebaskan ternyata anggapan mereka salah. Anwar lebih kuat lagi memperjuangkan hak rakyat, hak Islam bukan saja dalam negeri tetapi juga di luar negara. Beliau tidak gentar menghadapi risiko oleh kerana dia benar-benar yakin perjuangannya itu betul di sisi Islam. Islam adalah roh dan juga kekuatannya dulu dan sekarang.

Dari sumber-sumber yang layak dipercayai kerajaan Malaysia pernah mendapat protes dari beberapa kerajaan Islam apabila Anwar Ibrahim ditahan. Ada negara di Asia Barat enggan memberi bantuan dan kerjasama dengan Kuala Lumpur sekiranya kerajaan Malaysia tidak membebaskan

Anwar dari tahanan. Juga dikatakan ada rombongan rasmi Malaysia ke Timur Tengah yang disoal oleh setengah pemimpin negara di sana tentang tahanan terhadap Anwar. Ini bermakna Anwar Ibrahim mempunyai reputasi yang baik di kalangan para pemimpin negara-negara Islam sehingga ada antara para pemimpin tersebut menggesa Anwar dibebaskan tanpa syarat.

Dikaji dari segi kewibawaan dan ketokohan Anwar nyatalah penahanannya di Kemunting sebagai suatu rekod kepimpinan yang sukar diatasi oleh kebanyakan pemimpin dalam UMNO sekarang. Boleh dikatakan tidak ada seorang pun menteri kabinet dari UMNO sekarang yang pernah menjadi tahanan Kemunting kerana perjuangan politik mereka sebelum menjadi menteri. Anwar telah mengalami masa tahanan dan diuji kematangan dan semangat perjuangannya untuk membela rakyat miskin dan Islam. Sekiranya ada pemimpin UMNO yang berdegang-degang menonjolkan diri mereka sebagai pemimpin yang banyak jasanya maka tanyalah kepada pemimpin tersebut apakah dia pernah ditahan di Kemunting kerana perjuangannya?

Kepada rakyat yang inginkan pemimpin dedikasi dan dinamik mereka mahu melihat sejarah dan jasa pemimpin. Sekiranya seorang pemimpin pernah ditahan kerana memperjuangkan kepentingan rakyat miskin dan Islam maka itu adalah satu rekod sejarah

yang amat baik. Kalau rakyat menerima Anwar Ibrahim sebagai pemimpin bukan kerana apa-apa tetapi kerana dia pernah ditahan oleh sebab perjuangan membela rakyat miskin di Baling dan Sik, Kedah. Pemimpin-pemimpin lain boleh juga kata mereka pejuang rakyat tapi apakah buktinya? Boleh jadi banyak tidak dapat mengemukakan bukti seperti Anwar. Bukankah ini suatu amal jariah yang disumbangkan oleh Anwar kepada bangsa dan agama untuk membela mereka yang tersisih dari pembangunan negara yang pesat?

Oleh kerana Anwar pernah ditahan menjadikan ia seorang tokoh politik yang sangat dihormati sekarang. Walaupun semasa tahanan beliau terpaksa hidup dalam sekatan dan tidak bebas serta terpisah dari rakan-rakan perjuangan dan kaum keluarga tetapi kini beliau dapat faedah yang besar dari kurungannya itu. Pemimpin-pemimpin politik yang lain dan ahli-ahli UMNO amnya tidak dapat tidak menghormati pendirian beliau yang tegas dan sanggup berkorban kerana perjuangan. Tidak semua orang sanggup berkorban sepertinya. Oleh kerana Anwar pernah menentang kerajaan bererti kehidupannya akan selalu diancam oleh tindakan kerajaan sekiranya dia tidak berhenti menentang kerajaan.

Tetapi Anwar tidak pernah menyesali penahanannya itu. Boleh jadi juga itu sebagai ujian Allah terhadapnya untuk menguji kesabarannya menghadapi rintangan hidup. Boleh jadi juga penahanan itu pun



sebagai satu ujian di pihak kerajaan apakah Anwar akan menamatkan perjuangannya setelah dibebaskan kelak. Nampaknya dia terus berjuang dan terus menentang beberapa akta dan dasar kerajaan yang dianggap merugikan rakyat. Dia terus memimpin ABIM selepas keluar dari Kemunting. Islam tetap menjadi pegangannya dan Anwar tetap berjuang atas landasan Islam sejak menjadi pemimpin pelajar di kampus hingga sekarang.

Orang selalu mengagumi seseorang pemimpin yang ditahan kerana ideologi politiknya atau kerana perjuangannya membela rakyat tertindas dan kerana fahaman ugamanya. Orang-orang seperti ini mempunyai suatu kelebihan yang kita sendiri tidak ada — iaitu keberanian untuk memperjuangkan keyakinan mereka. Anwar berani menyuarakan pendapatnya walaupun pendapatnya itu boleh menjejaskan keselamatan dirinya. Dia seolah-olah tidak takut menerima risiko dari tindakannya itu. Mengapa berlaku demikian? Kerana dia yakin bahawa perjuangannya itu diredhai Allah kerana inilah yang disemai oleh Islam kepada setiap insan yang ingin mencari jalan yang lurus.

Kalau Anwar dikagumi di kalangan generasi muda ini disebabkan Anwar pernah ditahan sebagai pemimpin belia Islam. Golongan muda menjadikan Anwar sebagai hero mereka kerana Anwar memperlihatkan keberanian yang luarbiasa sebagai pemimpin generasi muda. Anwar diang-

gap sebagai pemimpin contoh yang patut diteladani oleh setiap pemuda yang bercita-cita menjadi pemimpin masyarakat kelak. Dengan pidatonya yang memukau, rekod kepimpinannya yang baik, dua tahun merengkok di Kemunting dan Islam sebagai sumber kekuatan politiknya maka tidaklah hairan mengapa Anwar dianggap sebagai pemimpin politik yang berpotensi besar pada masa ini. Siapakah antara para pemimpin UMNO dewasa ini yang mempunyai pengalaman perjuangan yang penuh mencabar kerana pernah menentang arus dan pernah ditahan kerana tuntutan Islamnya? Barangkali tidak ada.

Ada setengah orang berpendapat sejarah tahanan ISA bukan menjadi ukuran bahawa seseorang itu boleh disanjung sebagai pemimpin. Tidak semua pejuang politik mesti ditahan di bawah ISA. Memang betul. Tetapi kalau penahanan itu adalah akibat dari perjuangannya menuntut keadilan dalam masyarakat, seperti kes Anwar memperjuangkan petani lapar di Baling dan Sik, tentulah sejarah penahanan itu menjadi suatu rekod sejarah tentang pengorbanannya. Bukankah Sukarno ditahan berkali-kali oleh penjajah Belanda? Akibatnya Sukarno menjadi lebih dikagumi rakyat Indonesia kerana perjuangannya yang terus menerus menentang Belanda hingga sanggup dipenjara. Yang penting tentulah pengabdian dan pengorbanan dalam perjuangan, dan penahanan

itu adalah risikonya yang boleh memberi keutuhan dan menambahkan penghormatan masyarakat terhadapnya.

Sekiranya kalau penahanan ISA ini tidak diambilkira untuk menilai kepimpinan dan ketokohan Anwar Ibrahim maka sumbangannya yang besar dalam pergerakan pelajar Islam dan belia Islam sejak di kampus sudah cukup memberi kredit kepadanya. Tidak banyak pemimpin politik dalam UMNO dan juga di luar UMNO segigih Anwar meneruskan perjuangan untuk meningkatkan kesedaran ummah sejak dari kampus lagi.

Sayang sekali Anwar tidak membukukan pengalamannya dalam tahanan di bawah ISA untuk menjadi renungan orang ramai. Sekiranya beliau menulis pengalamannya yang pahit getir semasa tahanan besar kemungkinan rakyat akan tahu sedikit sebanyak keadaan dalam tahanan dan juga buah fikiran beliau hasil dari tahanan tersebut. Tapi ternyata penahanan itu membuat Anwar lebih peka terhadap pergolakan dalam masyarakat, lebih mematangkannya untuk menghadapi masalah manusia dan lebih menekankan perjuangannya untuk cita-cita agama dan kemanusiaan.

Tapi apakah Anwar benci terhadap pihak penguasa yang menahannya di bawah ISA? Barangkali tidak. Mungkin pihak-pihak yang menahannya menganggap dengan penahanan itu Anwar akan hilang pedoman, insaf dan tidak mahu berjuang lagi me-

mentang kerajaan. Malah menteri yang memberi perintah menahannya kini sudah hilang jawatan menterinya. Kata orang sekali air bah sekali pasir berubah. Tapi dia sendiri telah menjadi anggota UMNO selepas keluar dari Kemunting dan selepas Dr. Mahathir Muhamad menjadi Perdana Menteri menggantikan Tun Hussein Onn. Barangkali banyak orang berasa pelik mengapa Anwar sanggup masuk UMNO selepas ditahan oleh kerajaan Barisan Nasional sebelum Dr. Mahathir Muhamad. Mengapa tawaran Dr. Mahathir untuk menjadi menteri kabinetnya diterima tetapi menolak tawaran Tun Razak sebelumnya? Memang ada sebab-sebab yang penting.

Banyak orang menyangka, terutama sekali orang-orang PAS, bahawa Anwar akan menyertai Parti Islam SeMalaysia kerana pernah menggunakan pentas PAS untuk menentang kerajaan Barisan pada suatu masa dulu. Rupa-rupanya Anwar memilih UMNO parti yang pernah ayah dan ibunya menjadi ahli. Setengah pihak yang kecewa dengan sikap Anwar menyertai UMNO berkata dia "kena beli" oleh Dr. Mahathir. Tetapi semua anggapan itu tidak benar sama sekali.

Anwar memilih UMNO kerana dia yakin perjuangan UMNO yang sederhana dapat diterima oleh semua kaum di tanahair. Di samping itu UMNO dianggap parti politik terkanan sekali dalam Barisan Nasional dan sejak tahun 1957 rakyat sudah melihat *track record*nya, naik dan turunnya pemimpin-

pemimpin UMNO hingga sekarang. Walaupun berbagai gelombang dan cabaran yang paling kritis dihadapi oleh pucuk pimpinan UMNO, teruma sekali di zaman Dr. Mahathir sekarang ini, namun UMNO dapat menanganinya dengan baik. Dan yang paling penting sekali UMNO tidak abai dalam perjuangannya untuk menegakkan cita-cita Islam.

Sekiranya Anwar berjuang dalam UMNO bermakna lebih cepat dan lebih berkesan penyebaran semangat Islam itu disampaikan kepada rakyat jelata oleh keraja UMNO adalah salah satu parti yang memerintah. Sekiranya Anwar menyertai PAS ia akan mengambil masa yang terlalu panjang (malah mungkin tidak akan tercapai peneterapan nilai-nilai Islam di kalangan rakyat jelata dan juga kerajaan) sekiranya PAS tidak berjaya memerintah kerajaan Persekutuan. Adalah baik dan berfaedah berjuang dalam UMNO yang mempunyai kuasa dari menyertai parti pembangkang yang tidak ada kuasa dan belum tahu bila akan berkuasa.

Sejak menyertai UMNO dan menjadi menteri kabinet Anwar sudah berjaya membawa angin perubahan dalam budaya pemerintahan kerajaan dan secara tidak langsung perubahan sikap dan nilai-nilai perjuangan dalam UMNO sendiri. Bukankah sekarang sudah ada Bank Islam yang teguh berdiri dan mendapat sambutan hangat dari rakyat? Bukankah sistem perbankan secara Islam yang dijalankan di Malaysia sudah mendapat perhatian istimewa dari

setengah negara-negara Islam untuk mewujudkan bank seperti Bank Islam itu? Bukankah ini salah satu usaha yang tidak kecil dari buah fikiran Datuk Seri Anwar Ibrahim dan para eksekutif yang sejiwa dengannya? Kini banyak sekolah menengah agama berasrama penuh menjadi paling popular di kalangan ibu bapa Islam untuk mendapatkan tempat bagi anak-anak mereka. Mutu pendidikan yang baik, untuk dunia dan akhirat, diajar di sekolah-sekolah tersebut dan kebanyakan dari sekolah-sekolah ini mendapat kelulusan 100% untuk SRP (PMR sekarang) dan SPM. Ini adalah salah satu aspek dari sistem pendidikan kebangsaan yang menitikberatkan soal pendidikan agama Islam yang dijalankan sekarang. Malah banyak lagi projek-projek yang menyentuh kepentingan Islam dilaksanakan oleh kerajaan Dr. Mahathir setelah Dr. Mahathir melantik Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa orang tokoh pendidikan Islam dalam kabinetnya.

Walaupun Anwar Ibrahim dianggap oleh setengah orang politik sebagai anak muda julung berkeris namun dia bukanlah seorang anak muda yang cetek pengalaman dalam perjuangan. Dia masuk dalam gelanggang politik membawa bersamanya pengalaman berorganisasi yang mantap serta para penyokongnya yang setia untuk berjuang dalam gelanggang politik UMNO yang lebih besar dan penuh cabaran itu. Inilah yang membimbangkan setengah golongan dalam UMNO

yang mahu mengekalkan politik secara kampung untuk mengekalkan kedudukan mereka. Sebenarnya mereka tahu potensi dan kemampuan serta pengaruh Anwar di kalangan rakyat. Mereka takut sekiranya Anwar ada dalam pucuk pimpinan UMNO besar kemungkinan senario politik UMNO akan jauh berubah dari politik cara orang kampung. Inilah yang menyebabkan Anwar dicurigai oleh setengah golongan dalam UMNO dan cuba disekat pengaruhnya di kalangan ahli-ahli parti.

Nampaknya politik "aku lebih dulu makan garam" masih menjadi mainan politik setengah pemimpin UMNO yang bimbang akan hilang pengaruh dan kuasa dalam parti. Usahlah hairan kalau ada terdengar ketua-ketua UMNO di tempat-tempat tertentu tidak suka menerima orang-orang muda yang berpendidikan tinggi untuk menyertai cawangan atau bahagian mereka. Mereka juga takut akan hilang kedudukan, pengaruh dan tidak kurang juga habuan dalam perjuangan.

Anwar bernasib baik kerana dia adalah pilihan Presiden merangkap Perdana Menteri Malaysia untuk terus menyertai kabinet dan oleh kerana beliau seorang pemimpin yang mendapat perhatian istimewa dari Presiden maka beliau tidak mengalami gangguan yang tidak sihat dari ketua bahagian dan juga ahli-ahli jawatankuasa di Permatang Pauh. Malah mereka menganggap ini adalah satu penghormatan

yang diberikan oleh Perdana Menteri kepada Anwar anak dari Seberang Perai.

Oleh kerana dunia sekarang semakin kecil dan dianggap sebagai sebuah kampung yang besar saja dan ditambah pula dengan pendedahan ilmu pengetahuan yang canggih serta dengan sistem komunikasi yang baik maka amat sukar bagi sesiapa pun hendak menahan pengaruh ilmu pengetahuan menyerap masuk ke dalam masyarakat, persatuan atau pun parti politik. Orang muda yang mendapat pendidikan tinggi dan terdedah pada berbagai gerakan belia, mahasiswa dan juga dunia korporat semakin banyak dan mereka ini lebih mengutamakan ilmu pengetahuan dengan segala strategi kegunaannya untuk menjadi pemimpin dalam masyarakat. Oleh kerana nilai kepimpinan dalam masyarakat juga berubah maka kini dapati sudah banyak pemimpin-pemimpin UMNO dari kalangan golongan terpelajar sudah dapat diterima oleh sebahagian besar bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan UMNO di seluruh negara. Ini suatu petunjuk bahawa akhirnya ahli-ahli parti akan tetap memilih pemimpin-pemimpin yang berkelulusan universiti untuk memimpin mereka. Ini bukanlah bermakna bahawa pemimpin-pemimpin veteran tidak laku lagi. Mereka juga akan mendapat tempat dan dihormati sebagai pemimpin sekiranya mereka peka terhadap perubahan nilai dalam masyarakat dan sanggup berkongsi pengalaman dan kepimpinan bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin muda yang



berpendidikan tinggi.

Sebenarnya pengalaman Anwar di Kemunting banyak memberi pendidikan dan pengajaran yang baik dalam hidupnya. Beliau menjadi lebih peka lagi terhadap kebebasan manusia dan erti kebebasan dalam kehidupan seorang individu dan juga rakyat. Kemunting juga mengajar Anwar untuk lebih berdisiplin lagi dalam hidup dan secara tidak langsung mengajarnya menjadi seorang yang penyabar bila menempuh berbagai cabaran dalam hidup. Di sinilah beliau mendapat peluang yang baik dan dimunafatkannya sepenuhnya untuk mendalami Islam walaupun tidaklah bertujuan hendak menjadi seorang ulama.

Setelah beliau dibebaskan dari tahanan beliau masih meneruskan perjuangannya dalam ABIM. Para penyokongnya kian bertambah. Begitu juga mereka yang bersimpati dengannya bukan saja dalam persatuan tetapi juga di kalangan kakitangan kerajaan, korporat dan tidak kurang juga dalam UMNO. Seperti kata peribahasa Melayu benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau, jatuh ke bumi membuah hasil yang baik dan jatuh ke dalam UMNO terus berakar jauh dan dekat pengaruhnya.

UMNO seharusnya berbangga dengan adanya Anwar sebagai salah seorang tokoh pemimpin parti yang terkemuka dewasa ini. Sebuah parti yang kuat mesti sanggup menerima kepimpinan tokoh-tokoh yang berwibawa dan yang dihormati ramai. Sekira-

nya UMNO menjadi seperti MIC dan PPP di mana para pemimpinnya sering berkelahi antara satu dengan lain maka sudah pasti parti-parti seperti itu hilang *credibility*nya.

Kalau UMNO mahu menjadi kuat dan terus disanjung oleh rakyat pucuk pimpinannya mesti sanggup menerima berbagai perubahan dalam menangani berbagai cabaran dunia politik sekarang ini. Pemimpin-pemimpin yang lemah, tidak mampu berfikir tentang politik secara serius dan bersifat membina, mestilah sanggup memberi jalan kepada mereka yang boleh memperkukuhkan perjuangan parti dan sanggup menyambut berbagai cabaran dalam percaturan politik sekarang. Politik sekarang lebih canggih dan kompleks dari politik limapuluh hingga tujuhpuluh. Sekiranya setengah pemimpin UMNO tidak canggih pemikirannya maka janganlah salah ahli-ahli UMNO kelak sekiranya mereka gagal mempertahankan kedudukan mereka dalam parti.

Anwar dikatakan akan menawarkan diri untuk bertanding apa saja jawatan parti yang mendapat sokongan ramai dari bahagian-bahagian UMNO nanti. Semua terserah pada kemahuan cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian. Sebagai seorang pemimpin yang meletakkan kepentingan rakyat di atas kepentingan diri tentulah Anwar meminta restu terlebih dahulu dari bahagian-bahagian. Merekalah yang menjadi hakim

untuk menilai segala sumbangan dan kebaktiannya kepada parti dan juga kerajaan. Beliau tidak boleh mengangkat diri sendiri kononnya dialah yang banyak membantu Perdana Menteri dalam serba-serbi. Ahli-ahli UMNO yang matang, bijak dan berpandangan jauh sudah dapat mengukur kemampuan Anwar dengan pemimpin-pemimpin lain kecuali Dr. Mahathir.

Sekiranya sebahagian besar dari bahagian-bahagian UMNO mencalonkan Anwar untuk merebut kerusi Timbalan Presiden dalam perhimpunan agung akan datang janganlah salahkan Anwar. Kalau beliau terpaksa menentang Encik Ghafar November ini bermakna sebahagian besar dari perwakilan dan bahagian-bahagian UMNO lebih yakin terhadap kepimpinan Anwar dari Encik Ghafar untuk menjadi Timbalan Presiden kelak. Kalau Anwar menang janganlah pula menyalahkan Anwar kerana kekalahan Encik Ghafar.

# 4

## MENGAPA DR. MAHATHIR MEMILIH ANWAR?

SEBAGAI ORANG LAMA dalam politik UMNO Dr. Mahathir Muhamad sangat faham dengan keadaan dalam UMNO. Beliau juga memainkan peranan penting menentang kepimpinan Tunku Abdul Rahman selepas 13 Mei yang menyebabkan beliau dan Datuk Musa Hitam dipecat dari UMNO. Dr. Mahathir dan Datuk Musa diterima semula menganggotai UMNO setelah Tun Razak menjadi Perdana Menteri. Sebagai seorang penganalisis masyarakat dan politik Melayu, seperti yang ditulisnya dalam buku *The Malay Dilemma* atau *Dilemma Melayu*, beliau tentulah lebih arif menanggapi masalah Melayu dan kepimpinan Melayu.

Dr. Mahathir seorang pemimpin politik yang *no nonsense* menurut orang-orang yang dekat

dengannya. Beliau kuat bekerja, banyak membaca dan banyak berfikir untuk merancang masa depan negara dan penglibatan bangsa Melayu dalam modernisasi negara. Beliau juga seorang yang mahu membawa perubahan sosio-ekonomi-budaya yang cepat dan berfikiran radikal dalam menangani isu antarabangsa. Beliau mahu melihat kejayaan dan pembangunan Malaysia dalam berbagai bidang ekonomi sesuai dengan Wawasan 2020 yang mana Malaysia akan menjadi negara industri berteknologi tinggi. Dr. Mahathir menganggap kejayaan Malaysia di bidang ekonomi dan industri akan turut memajukan bangsa Melayu dan mengangkat martabatnya sejajar dengan bangsa-bangsa yang maju dan progresif di dunia.

Kepada Dr. Mahathir dunia Melayu bukan lagi kampung halaman yang sepi dan romantik. Melayu mesti berani menentang gelombang hidup di tengah-tengah putaran dunia, bersama-sama berjuang dengan bangsa-bangsa asing, meletakkan seluruh kekuatan tenaga fikir dan strategi bagi mendapatkan kejayaan yang besar. Justru itu minda Melayu mesti berkembang dan berpandangan jauh secara *global* tanpa dikongkong oleh dogma-dogma lapuk dan tahyul-tahyul yang membekukan perspeksi hidup.

Menyedari Melayu masih serba kekurangan dan lemah untuk bersaing dengan bangsa-bangsa lain yang lebih maju ke depan maka perlu wujud revolusi

mental dalam masyarakat Melayu. Ingin maju dan daya saing serta perubahan sikap tanpa mengharapkan subsidi dari kerajaan perlu dipupuk di kalangan bangsa Melayu. Bangsa Melayu tidak akan menjadi suatu bangsa yang besar dan bermaruah serta dihormati ramai sekiranya ia tidak merevolusikan minda Melayu supaya berani menentang cabaran hidup yang kian hebat secara menyeluruh. Pada waktu ini kerajaan masih perlu memberi bimbingan dan bantuan tetapi dalam masa yang sama orang Melayu mesti sanggup bersaing dan berikhtiar untuk mencapai kejayaan yang gemilang dalam usaha-usaha mereka secara *global — global mind* mengatasi minda konservatif yang berakarumbi dari jiwa yang kerdil.

Jelas kelihatan matalamat dan kepimpinan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri jauh berlainan dari tiga tokoh pemimpin sebelumnya. Dr. Mahathir mewarisi infrastruktur politik yang stabil sejak Tun-ku Abdul Rahman hingga ke era Tun Hussein Onn. Dengan kata lain, beliau hanya memperbaiki lagi, dan menambah di mana perlu, infrastruktur politik sesuai dengan perubahan zaman, teknologi dan matalamat dan dasar pemerintahan menurut pemikiran dan pengamatan beliau. Kestabilan politik dalam negeri memberi peluang keemasan kepada Dr. Mahathir menumpukan perhatian yang lebih serius di bidang ekonomi dan perdagangan negara supaya Malaysia menjadi sebuah negara industri yang paling

maju dan dinamik menjelang tahun 2020.

Sudah pasti Dr. Mahathir seorang diri tidak mampu menjadikan idea-ideanya sebagai kenyataan tanpa kerjasama, sokongan dan pelaksanaan dari pasukannya dalam kabinet. Walaupun semua jemaah menteri dipilih oleh Dr. Mahathir namun ada antara mereka yang mendapat perhatian lebih dari Perdana Menteri. Atau boleh dikatakan lebih dekat dengan Perdana Menteri oleh kerana ada sesuatu sebab tertentu. Sewaktu Tun Daim Zainuddin dalam kabinet sebagai Menteri Kewangan beliau dikatakan paling rapat dengan Perdana Menteri dan dianggap sebagai "penasihat peribadi" kepada Dr. Mahathir. Kini orang yang dikatakan rapat dengan Perdana Menteri, selain Tun Daim Zainuddin, ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengapakah Anwar dianggap rapat dengan Dr. Mahathir? Ada pihak tertentu mengatakan beliau sebagai orang kanan kepada Perdana Menteri. Apakah itu betul? Apakah keistimiwaan Anwar yang menarik perhatian Perdana Menteri?

Hubungan Dr. Mahathir dengan Anwar bukan baru. Sewaktu Dr. Mahathir disingkir dari UMNO, setelah mengecam kepimpinan Tunku Abdul Rahman selepas peristiwa 13 Mei, beliau sering memberi ucapan di kampus Universiti Malaya. Anwar pada waktu itu masih menjadi pemimpin pelajar Islam dan pernah juga menjadi Yang Di-Pertua, Persekutuan Bahasa Melayu,

Universiti Malaya. Kedua-duanya dianggap radikal oleh pihak kerajaan dan tidak disenangi oleh pihak *establishment* berbincang mengenai politik Melayu dan nasib bangsa Melayu dan wujud semacam pengertian dan hormat-menghormat antara keduanya sebagai pemimpin. Hubungan keduanya menjadi lebih erat dan akrab oleh kerana mereka senasib dalam perjuangan iaitu sebagai pengkritik kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj.

Walaupun Dr. Mahathir masuk semula dalam parti setelah dipujuk oleh Tun Razak namun hubungan Anwar dengan Dr. Mahathir tetap biasa walaupun kedua-duanya tidak lagi menjadi sahabat senasib. Sungguhpun Anwar terus menjadi pemimpin ABIM dan menjadi pengetua Yayasan Anda dan terus menerus mengecam dasar-dasar kerajaan Tun Razak yang dianggap merugikan rakyat dan negara namun hubungan beliau dengan Dr. Mahathir tetap baik walaupun tidak selalu berjumpa.

Sewaktu Dr. Mahathir menjadi Menteri Pendidikan dalam kabinet Tun Hussein Onn Anwar ditahan di bawah ISA kerana memperjuangkan nasib petani miskin yang lapar di Baling dan Sik. Walaupun Anwar dan Dr. Mahathir sahabat seperjuangan namun Dr. Mahathir tidak mempunyai kuasa untuk membantu membebaskan Anwar dari tahanan. Boleh dikatakan kepimpinan Hussein Onn diancam oleh



berbagai unsur dalam UMNO yang mahu menggugat kepimpinannya. Isu Datuk Harun Idris, bekas Menteri Besar Selangor, yang dipenjara atas tuduhan rasuah mengganggu Hussein Onn kerana para penyokong Datuk Harun dalam UMNO terus mendesak Hussein Onn membebaskan beliau. Oleh kerana Hussein Onn dikatakan terlalu lambat membuat sesuatu keputusan (kerana beliau terlalu berhati-hati) maka sikapnya itu sedikit sebanyak menyukarkan pentadbiran negara dan juga parti. Sewaktu Dr. Mahathir dilantik oleh Datuk Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri dikatakan Dr. Mahathir tidak diberi tanggungjawab yang sewajarnya. Dikatakan Datuk Hussein Onn juga mempunyai menteri yang rapat dengan beliau iaitu Tan Seri Ghazali Shafie yang menjadi Menteri Dalam Negeri, dan Ghazali hampir dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri oleh Hussein Onn sekiranya tidak ditentang oleh tiga orang Naib Presiden di masa itu, iaitu Encik Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dr. Mahathir Muhamad.

Pengalaman Dr. Mahathir sebagai wakil rakyat, Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Menteri Pendidikan dan Timbalan Perdana Menteri sebelum beliau menjadi Perdana Menteri memberi pengalaman dan pengetahuan yang banyak kepada beliau untuk merancang strategi dan wawasan baru yang lebih dinamik setelah menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981. Pada mulanya hubungan Dr. Mahathir dengan

Datuk Musa Hitam sangat rapat hingga ada yang menyebut pemerintahan 2M. Bila Daim Zainuddin menjadi ahli kabinet Dr. Mahathir nampaknya lebih rapat dengan Daim dari menteri-menteri lain. Datuk Musa sedikit sebayaknya sudah kurang pengaruhnya dengan Dr. Mahathir. Hubungan Perdana Menteri dengan Tengku Razaleigh Hamzah agak kurang senang setelah Dr. Mahathir menyokong Datuk Musa merebut jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1981.

Setelah menjadi Perdana Menteri Dr. Mahathir cuba membuat perombakan kabinet untuk sedikit demi sedikit memilih orang-orang pilihannya. Beliau tidak dapat membuat perubahan yang mengejutkan dengan menggantikan menteri-menteri pilihan Tun Razak dan Tun Hussein Onn dengan orang-orangnya. Mahathir juga bijak. Dia tidak mahu menimbulkan krisis dalam parti sepertimana yang dialami oleh Tun Razak dan Tun Hussein Onn sebelumnya. Dengan tersingkimya Tan Sri Ghazali Shafie sebagai Menteri Dalam Negeri dari kabinet sudah membayangkan bahawa Dr. Mahathir tidak dapat menerima kehadiran King Ghaz dalam kabinetnya. King Ghaz pilihan Tun Razak dan Hussein Onn dan, walaupun beliau terkenal dalam politik antarabangsa namun sikap dan pembawaannya mungkin tidak disenangi oleh Dr. Mahathir yang mungkin menganggap King Ghaz boleh menimbulkan masalah dalam kepimpinan Dr. Mahathir.

Siapa saja yang memimpin kerajaan akan cuba meletakkan orang-orang kepercayaannya pada kementerian-kementerian tertentu. Baik Tengku, Tun Razak dan Tun Hussein Onn juga melakukannya. Bilamana Dr. Mahathir memilih Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan dan banyak menumpukan perhatian kepada Daim dari lain-lain menteri maka sudah timbul berbagai andaian dan tafsiran dari pemimpin-pemimpin parti dan kerajaan tentang klik Mahathir. Dr. Mahathir mestilah mempunyai muslihatnya sendiri mengapa dia lebih mesra dengan Daim dan tidak begitu mesra dengan setengah menteri yang lain.

Dr. Mahathir tahu banyak golongan tidak senang dengan Daim Zainuddin yang menimbulkan berbagai tandatanya sebagai Menteri Kewangan yang juga mempunyai berbagai kepentingan bisnes yang lain. Waktu Tun Razak melantik Datuk Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri ada juga yang tidak senang hati kerana Hussein Onn adalah biras Tun Razak. Namun demikian akhirnya orang terpaksa menerima saja siapa yang dipilih oleh Perdana Menteri. Sebagai ketua kerajaan wajarlah Perdana Menteri memilih pasukannya yang dianggap paling sesuai untuk membantunya. Itu adalah haknya sebagai Perdana Menteri untuk menjamin tanggungjawab bersama dalam melaksanakan semua dasar kerajaan.

Bagaimanakah pula Anwar Ibrahim dipilih oleh Dr. Mahathir dan terus dilantik sebagai menteri

kabinet? Mengapakah Anwar diberi penghormatan begitu tinggi oleh Perdana Menteri?

Ada banyak sebab mengapa Dr. Mahathir amat menyenangi kehadiran Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kabinetnya. Yang paling utama dalam fikiran Dr. Mahathir ialah perpaduan Melayu dan Islam. Sekiranya UMNO di bawah pimpinannya boleh memujuk pemimpin-pemimpin Islam menyertainya maka besar kemungkinan lebih banyak lagi orang Melayu menyokong UMNO. Kalau boleh, menurut perkiraan Dr. Mahathir, diusahakan kerjasama PAS dengan UMNO yang pernah berlaku di zaman Tun Razak dahulu tetapi kembali berpecah di masa pemerintahan Tun Hussein Onn. Sekiranya UMNO mahu dianggap sebagai parti politik Melayu yang berjiwa Islam maka ia mesti mencari jalan untuk menarik lebih banyak ulama, para cendekiawan Islam dan para pemimpin yang berjiwa Islam ke dalam UMNO.

Selepas PAS keluar dari Barisan Nasional pengaruhnya tidak berkurangan. PAS bukan semata-mata dianggotai oleh lebai-lebai pondok di kampung-kampung tetapi sudah dapat menarik perhatian mahasiswa-mahasiswa dari universiti-universiti tempatan dan juga di kalangan lepasan universiti-universiti dari Timur Tengah dan dari Britain serta Amerika. Dengan kata lain, perjuangan PAS sudah dapat diterima oleh golongan-golongan masyarakat yang tidak berpendidikan agama, dan ini merupakan suatu

kekuatan baru pada PAS. Di samping itu ada juga setengah ahli ABIM yang menjadi ahli PAS.

Untuk mengimbangi pengaruh PAS di kalangan masyarakat maka Dr. Mahathir terpaksa mencari seorang tokoh pejuang Islam yang karismatik dan berpengaruh menyertai UMNO dan menjadi orang kanan kepadanya. Di sinilah Dr. Mahathir merasai ketokohan dan kewibawaan Anwar Ibrahim sebagai pemimpin ABIM dan pejuang Islam dapat dimunafaatkan demi kepentingan UMNO dan kerajaan. Dr. Mahathir maklum Anwar pernah menentang Barisan Nasional dan menggunakan pentas PAS mengecam UMNO di masa dulu. Dr. Mahathir pun bertindak seperti itu, juga menggunakan pentas PAS, mengecam kepimpinan Tengku. Kalau Anwar menggunakan kampus sebagai kubunya untuk mengecam kerajaan maka Dr. Mahathir pun pernah memperalatkan mahasiswa dan menggunakan kampus untuk menyerang kerajaan Tengku. Memang ada persamaan dari segi perjuangan antara Mahathir dengan Anwar. Oleh itu tidaklah hairan mengapa Dr. Mahathir memilih Anwar Ibrahim menjadi anggota kabinetnya.

Apa pula alasan Anwar menyertai kabinet Mahathir? Dengan tegas beliau berkata bahawa dia menghormati kepimpinan Dr. Mahathir yang dianggapnya mempunyai simpati yang mendalam terhadap perjuangan Islam sesuai dengan mata-

lambat perjuangan Anwar sendiri. Kalau dibandingkan dengan pemerintahan Barisan Nasional sebelum Mahathir beliau berpendapat zaman Mahathir inilah perjuangan Islam mendapat kedudukan dan kemuliaan yang melebihi dari zaman-zaman pemerintahan dulu. Oleh kerana itu beliau berasa bertuah dapat memberi sumbangan terhadap perjuangan Islam di bawah pimpinan Dr. Mahathir.

Sebahagian besar rakyat Malaysia kagum terhadap Dr. Mahathir yang dinamik dan bekerja keras untuk pembangunan negara, kesejahteraan rakyat dan meletakkan bangsa Malaysia sebagai bangsa yang maju, progresif serta berna'wah. Walaupun Dr. Mahathir lembut orangnya namun dalam kelembutannya membara semangat dinamisma yang kuat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri yang kaya dan canggih sejajar dengan negara-negara maju di dunia. Oleh itu beliau tertarik dengan semangat dinamisma yang ditunjukkan dalam kepimpinan Anwar Ibrahim selaku pemimpin ABIM. Dr. Mahathir menganggap sekiranya dinamisma dan semangat perjuangan Islam yang diperlihatkan Anwar itu dapat disalurkan melalui UMNO maka Anwar boleh menjadi orang kanan kepadanya, dan ini akan meringankan bebanan politik Dr. Mahathir sendiri. Dr. Mahathir seolah-olah menganggap dinamisma Anwar adalah sama dengan hasrat dan cita-citanya untuk merevolusikan pemikiran bangsa Melayu supaya

lebih dinamik, *positive thinking*, dan sanggup mengambil risiko dalam bisnes dan perjuangan untuk memperoleh kejayaan.

Adalah wajar Perdana Menteri yang berjiwa positif dan dinamik memilih Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam regunya untuk membangunkan dunia baru dan era baru dalam kepimpinan negara dan parti UMNO. Bahawa Dr. Mahathir menghormati kemampuan, kepimpinan dan perjuangan Anwar dapat dibuktikan dari perlantikan Anwar sebagai menteri kabinet tanpa mengambil kira pangkat dan kedudukan Anwar dalam parti tersebut. Kepada Mahathir Anwar sudah mempunyai mutu kepimpinan yang cemerlang, ada kewibawaan dan ada idealisma yang berteraskan Islam. Inilah yang meyakinkan Mahathir bahawa beliau tidak salah pilih apabila beliau melantik Anwar terus sebagai menteri dalam kabinetnya.

Walaupun Anwar tidak menjadi ahli UMNO yang aktif pada masa perlintikannya sebagai menteri kabinet namun dia sudah mempunyai *track record* yang cemerlang sebagai pemimpin pelajar dan ABIM. Sebagai pemimpin pelajar dan ABIM dia sudah menunjukkan ketokohan dan terlibat dalam politik dalam menangani berbagai isu politik, sosial, pendidikan, agama dan ekonomi yang menyangkut kehidupan rakyat. *Track record* seperti ini tidak ada pada kebanyakan menteri dalam kabinet Mahathir. Kebanyakan mereka

terlibat dalam kancah politik setelah aktif dalam UMNO dan setelah dipilih sebagai menteri. Di sinilah letaknya keistimewaan Anwar sebagai menteri dan juga sebagai pemimpin politik tanah-air. Dengan kata lain, Anwar sudah memupuk dan memperlihatkan ketokohnya sebagai pemimpin politik berjiwa Islam sebelum menjadi ketua bahagian UMNO!

Memanglah kita juga menghargai jasa para pemimpin UMNO yang berjuang mati-matian merebut kemerdekaan dari British. Tokoh-tokoh veteran seperti Encik Ghafar Baba, Tan Seri Wan Mokhtar Ahmad dan ratusan yang lain tetap disanjung oleh kebanyakan ahli UMNO. Dari segi adat dan sopan santun bangsa Melayu kita tidak boleh melupakan jasa-jasa golongan veteran dalam parti. Mereka juga pernah berjasa, banyak berkorban untuk parti dan juga mendapat ganjaran yang baik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Besar Terengganu kini. Tapi seperti air bah pasir pun turut berubah maka wajarlah kalau kepimpinan parti dan kerajaan juga turut membuat perubahan supaya kepimpinan UMNO tetap kuat, dinamik dan dapat menghadapi cabaran dalam era Wawasan 2020 ini.

Demi menjayakan cita-cita Perdana Menteri menanggapi Wawasan 2020 maka Dr. Mahathir terpaksa merombak kepimpinan parti dan sekali gus kerajaan dari masa ke masa. Tentulah tidak wajar, malah melemahkan UMNO, sekiranya tokoh-tokoh



dalam Majlis Tertinggi UMNO 1993 (yang bakal dipilih kelak) terdiri dari tokoh-tokoh yang tidak dapat membantu secara berkesan hasrat dan semangat Perdana Menteri kita itu. Inilah tanggungjawab semua perwakilan nanti. Para perwakilan mestilah peka terhadap hasrat Perdana Menteri yang mahu menjadikan Malaysia sebuah negara industri terkemuka kelak, dan di samping itu, memberi tempat yang terhormat kepada kepimpinan bangsa Melayu dan orang Melayu dalam konteks Wawasan 2020 tersebut.

Ada juga orang bercakap dalam UMNO apakah Dr. Mahathir sanggup melantik Anwar sebagai menteri kabinet sekiranya Anwar seorang pemimpin pergerakan belia yang tidak ada karisma dan *track record* perjuangan Islam yang berkesan? Sudah tentu tidak. Memang banyak bekas pemimpin pelajar dan belia yang tidak mendapat perhatian istimewa dari Mahathir tak usah katakan nak beri jawatan menteri, jawatan ketua cawangan pun ada yang tak diterima ahli-ahli UMNO. Memahami jiwa Mahathir yang *no nonsense* dan sangat kuat berpegang pada kualiti kepimpinan dan kegigihan bekerja maka tidak semua orang boleh bermimpi jadi menteri kabinet dipilih oleh Dr. Mahathir. Dr. Mahathir hanya memberi keistimewaan kepada tokoh yang beliau benar-benar hargai dan memandang tinggi perjuangannya.

Dr. Mahathir melantik Anwar sebagai menteri kabinetnya kerana beliau *appreciate* perjuangan

Anwar Ibrahim dalam ABIM dan pergerakan pelajar Islam. Kalau kata Dr. Mahathir pilih kasih kerana memilih Anwar Ibrahim memanglah dia pilih kasih kerana dia sungguh-sungguh *appreciate* perjuangan Anwar. Itu bukan satu kesalahan kalau seorang pemimpin seperti Perdana Menteri memilih seorang tokoh perjuangan sebagai rakan dalam kabinetnya. Ini berlaku di mana-mana. Dalam kabinet British, Perancis, Jepun, Indonesia dan negara-negara lain pun perkara seperti ini berlaku. Siapa saja yang menjadi Perdana Menteri akan memilih orang-orang yang ia senangi, yang boleh bekerja dengannya dan tidak banyak menimbulkan masalah. Bukankah Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri memilih ahli-ahli *exco* yang terdiri dari Adun-Adun yang senang bekerja dengan mereka?

Mereka yang arif dalam politik tahu sebab-sebab Dr. Mahathir memberi perhatian istimewa kepada Anwar. Anwar, menurut banyak orang, ada karisma sebagai pemimpin. Karisma itu bukanlah dibuat-buat seperti setengah pemimpin politik yang tidak mempunyai karisma langsung. Kewibawaan sebagai pemimpin terbayang pada wajahnya, gerak-gerinya, percakapannya dan semangat perjuangan Islam yang terus menerus menjadi matalamat hidupnya. Keberanian Anwar mengemukakan idea-idea baru untuk merangsang pemikiran rakyat, golongan korporat, cendekiawan dan kaum penulis menjadikan Anwar tokoh

yang mendapat sanjungan tinggi dari berbagai golongan. Orang ramai banyak terpukau dengan idea-ideanya dan juga kewibawaan serta karisma kepimpinannya. Inilah *asset* seorang pemimpin yang berkualiti dan berkaliber yang boleh meyakinkan rakyat untuk bergerak dan menyokong kepimpinannya kelak sekiranya beliau menjadi Perdana Menteri.

Dr. Mahathir nampaknya dapat menyelami liku-liku perjuangan Anwar yang mungkin dianggapnya sejalan dengan arus perjuangan Dr. Mahathir sendiri. Sebab itu Mahathir tidak teragak-agak melantik Anwar menjadi ahli kabinetnya. Dia tahu dia tidak membuat pilihan yang salah. Sekiranya Anwar diberi jalan dan peluang untuk meneroka dunia politik yang lebih besar sebagai salah seorang tokoh penting dalam UMNO dan juga kabinet maka Anwar akan melaksanakan segala dasar dan perjuangan Dr. Mahathir dengan penuh tanggungjawab. Ini keyakinan Dr. Mahathir dan di sinilah letaknya hubungkait perjuangan Mahathir dengan Anwar Ibrahim. Dr. Mahathir, selaku Presiden parti merangkap Perdana Menteri, bukan saja mahukan seorang tokoh yang sejalan dengannya tetapi juga mahukan seorang tokoh yang mempunyai idea-idea besar yang kreatif untuk menjadikan Wawasan 2020 satu kenyataan.

Ahli-ahli UMNO tentu ingat sewaktu Anwar

Ibrahim bertanding untuk Ketua Pemuda menentang Datuk Hj Suhaimi Datuk Kamaruddin dulu. Siapa-kah yang memberi sokongan kepada Anwar? Tidak lain dan tidak bukan ialah Dr. Mahathir sendiri. Sebab itu Anwar mudah menumbangkan Datuk Hj Suhaimi kerana Anwar ada Perdana Menteri di belakangnya walau pun pada waktu itu Anwar masih lagi tidak mempunyai pengaruh yang kuat dalam pergerakan Pemuda. Lepas itu Syed Hamid Albar pula cuba menentang Anwar sebagai Ketua Pemuda. Gagal juga Syed Hamid hendak merebut jawatan itu oleh kerana Perdana Menteri masih terus memberi sokongan kepada Anwar. Dr. Mahathir faham dan sedar sekiranya Anwar dapat dikalahkan oleh Syed Hamid bermakna kedudukan Anwar dalam UMNO akan tergugat. Kalau tergugat bererti kepimpinan Mahathir juga secara tidak langsung terjejas kerana bukankah Dr. Mahathir yang membawa Anwar dalam kabinet? Dr. Mahathir mahu pastikan Anwar menang untuk menjadi Ketua Pemuda kerana ia ingin memberi tanggungjawab yang lebih besar kepada Anwar untuk mencari pengalaman dan, bila sampai masanya, memikul tanggungjawab sebagai Presiden merangkap Perdana Menteri Malaysia kelak.

Sebenarnya Dr. Mahathir mahu melihat dari dekat apakah Anwar dapat menjadi tokoh pemimpin parti yang boleh diamanahkan oleh parti menjadi bakal Perdana Menteri kelak. Sebab itulah Perdana Menteri menyokong Anwar untuk merebut jawatan

Ketua Pemuda. Beliau mahu Anwar berjinak-jinak dulu dengan pergerakan Pemuda dan mahu melihat apakah Anwar dapat memimpin dan membawa Pemuda pada tahap kecemerlangannya. Dr. Mahathir juga mahu lihat apakah Anwar mahu mengamalkan dasar "kerajaan dalam kerajaan" seperti yang dilakukan oleh Allahyarham Syed Jaafar Albar dan juga Datuk Harun Idris. Perdana Menteri berpihak kepada Anwar kerana dia mahu Anwar menunjukkan kepimpinannya sebagai tokoh politik pula. Sekiranya ahli-ahli pergerakan Pemuda dapat menerima kepimpinan Anwar, dan Anwar pula dapat menggembelngkan tenaga Pemuda untuk membantu kepimpinan Mahathir sudah tentulah harapan Mahathir terhadap Anwar sebagai tokoh pemimpin UMNO menjadi semakin meyakinkan. Dengan demikian masa depan politik Anwar akan lebih cerah lagi.

Hubungan yang mesra dan hormat-menghormati antara Dr. Mahathir dan Anwar baik dalam kabinet mahupun parti menimbulkan pula berbagai tafsiran dan kritik di kalangan setengah pemimpin yang bimbang terhadap kehadiran Anwar dalam Pemuda. Anwar boleh dikatakan secara mendadak dapat merebut kepimpinan Pemuda dari tokoh-tokoh yang lebih lama darinya dalam pergerakan itu. Ini juga suatu petunjuk bahawa majoriti perwakilan Pemuda akur dengan sokongan Mahathir itu, dan mereka juga mahu pergerakan Pemuda dipimpin oleh tokoh yang dinamik dan berjiwa Islam. Para pemimpin Pemuda

juga tahu tentang ketokohan dan kewibawaan Anwar dalam ABIM.

Sejak Anwar memimpin Pemuda sasaran kegiatan Pemuda tidak lagi mengecam kepemimpinan parti dan menimbulkan berbagai krisis dalam parti. Anwar mengisikan program-program Pemuda dengan berbagai projek yang memperlihatkan tanggungjawab Pemuda sebagai barisan depan dalam UMNO. Yayasan Gerakbakti ditubuhkan untuk melibatkan Pemuda dengan bidang perniagaan supaya memperkukuhkan ekonomi Pemuda. Pemuda lantang menyuarakan protes dan bantahan terhadap golongan yang cuba menggugat keutuhan kekuasaan Melayu dan Islam. Anwar juga meningkatkan imej Pemuda di bidang hubungan antarabangsa di mana rombongan Pemuda menemui dan berbincang dengan berbagai pemimpin negara-negara asing.

Kewibawaan Anwar sebagai Ketua Pemuda semakin terserlah oleh kerana dia juga seorang menteri kabinet dan, di samping itu, dia juga mempunyai hubungan rapat dengan Presiden merangkap Perdana Menteri. Inilah kelebihan Anwar sebagai tokoh politik kerana dia mendapat kepercayaan dan sokongan bulat dari Presiden. Gerakan Pemuda juga menjadi landasan yang ampuh kepada perjuangan Mahathir untuk mewujudkan jiwa baru yang dinamis dalam kepemimpinan parti dan juga di kalangan ahli-ahli parti supaya mereka dapat menyesuaikan diri dan jiwa dengan perubahan serta perkembangan politik,

ekonomi, pendidikan, sosial dan lain-lain yang mempengaruhi kehidupan rakyat sekarang.

Pengalaman dalam organisasi yang dibuat pada ABIM dilaksanakan pula dalam pergerakan Pemuda. Anwar mahu Pemuda bergerak pantas, cergas, gagah dan berilmu serta bertanggungjawab. Oleh itu berbagai kegiatan ke arah pencapaian tersebut dilaksanakan. Kader-kader Anwar terus dipupuk dan diasuh untuk menjadi bakal pemimpin yang berkaliber di masa depan. Boleh dikatakan dari peringkat cawangan, bahagian, negeri dan pusat orang-orang Anwar wujud, dan mereka banyak memainkan peranan membantu kepimpinan Anwar dan sekali gus kepimpinan Dr. Mahathir. Boleh dikatakan Anwarlah yang banyak sekali membawa perubahan sikap dan dinamisme dalam Pemuda kalau dibandingkan dengan bekas-bekas ketua pergerakan itu. Dr. Mahathir sebenarnya tidak membuat pilihan yang salah bila beliau melantik Anwar sebagai menteri kabinet dan menyokong Anwar merebut jawatan Ketua Pemuda. Anwar membuktikan kepada Presiden dan juga kepada ahli-ahli UMNO yang lain bahawa dia mempunyai kaliber, dedikasi serta kemampuan untuk menjadi seorang tokoh politik bertaraf kebangsaan dan juga antarabangsa.

Bilamana Anwar berjaya membawa perubahan yang besar dalam pergerakan Pemuda untuk membantu kepimpinan Dr. Mahathir maka keyakinan dan

kepercayaan Perdana menteri terhadap Anwar menjadi semakin kuat. Kedudukan Anwar sebagai menteri kabinet menjadi semakin kuat dan berpengaruh oleh kerana dia mampu *deliver the goods for the President* banyak tanggungjawab dari seorang menteri di Jabatan Perdana Menteri dia menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan lepas itu sebagai Menteri Pertanian pula. Tujuan Perdana Menteri hendak memberi pendedahan dan pengalaman yang berbagai-bagai kepada tokoh muda yang dianggap sebagai "anak mas" Perdana Menteri itu. Barangkali, Perdana Menteri berfikir, sekiranya Anwar berjaya dalam ujian politik memimpin pergerakan Pemuda dan menjadi menteri sekali gus maka masa depan Anwar dalam UMNO dan kerajaan adalah lebih terang seperti bintang di langit.

Apakah kesan yang diperolehi dari kepimpinan Anwar dalam pergerakan Pemuda dan sebagai menteri kabinet itu? Kalau ada orang beranggapan Anwar hanya layak memimpin persatuan pelajar dan ABIM yang tidak ada kuasa maka pandangan tersebut adalah tidak benar. Walaupun persatuan pelajar dan ABIM tidak ada kuasa politik namun pengalaman yang berharga sebagai pemimpin kedua pertubuhan itu memberi keyakinan kepada Anwar bahawa dia boleh dan mampu memimpin pergerakan politik seperti Pemuda UMNO. Ini terbukti benar dan beliau dapat menjadikan Pemuda UMNO sebuah organisasi politik yang dinamik untuk memperjuangkan cita-



cita kepimpinan parti dan kerajaan.

Banyak orang beranggapan Anwar ada karisma sebagai pemimpin apalagi sebagai pemimpin politik. Orang tertarik kepada ucapannya serta personaliti-nya yang sangat mengesankan para pendengar. Lagi pula semangat Islam yang menjadi sumber kekuatan perjuangannya menyebabkan orang ramai sangat tertarik kepada ketokohnya. Kalau karisma Anwar sebagai pemimpin belia Islam menjadi tarikan kaum belia lebih-lebih lagi bila dia menjadi pemimpin Pemuda UMNO yang terkenal selalu mencetuskan berbagai kontroversi dan konflik dalam parti. Di sinilah letaknya kekuatan Anwar sebagai tokoh politik yang menyebabkan Dr. Mahathir memilih beliau menjadi menteri kabinet dengan harapan Anwar akan memainkan peranan yang lebih penting dan utama dalam kerajaan dan juga parti.

Kini beliau menjadi salah seorang Naib Presiden UMNO dengan mendapat suara yang terbanyak di antara tiga orang Naib Presiden setelah sekali saja beliau mencubanya, iaitu pada tahun 1990. Dari segi kedudukannya dalam kabinet Anwar telah diamanahkan oleh Perdana Menteri menjadi Menteri Kewangan — satu kementerian yang amat penting dalam kabinet kecuali Jabatan Perdana Menteri. Melihat dari *track record* kepimpinan dan kemampuannya, baik dalam parti mahupun kabinet, ternyata harapan Perdana Menteri tidak meleset. Beliau dapat mengendali-

kan kewangan negara dengan baik dan memuaskan dan dua kali *budget* yang dikemukakan kepada Parlimen memperlihatkan keprihatinannya terhadap golongan yang tidak berada, dan seboleh-bolehnya beliau tidak mahu membebankan golongan yang tidak berada dengan berbagai jenis cukai.

Apakah Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu melangkah naik setangga lagi dalam hirarki parti dan mencuba nasib untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden? Kita sama-sama boleh melihat pembukaan senario politik yang baru pula.



Anwar Ibrahim, tokoh ABIM yang terkenal, bukan saja di Malaysia tetapi juga di luar negara, pernah menjadi penghuni Kemunting kerana perjuangannya dan seorang pemimpin UMNO yang berkaliber yang sanggup meneruskan perjuangan Dr. Mahathir hingga Wawasan 2020 tercapai.

# 5

## PEJUANG ISLAM YANG PRAGMATIS

**BILA** orang sebut tentang perjuangan Anwar Ibrahim orang akan mengaitkannya dengan perjuangan Islam. Memang benar. Anwar tidak akan terkenal sebagai pemimpin Melayu kalau tidak kerana perjuangan yang berasaskan Islam dari persatuan pelajar di kampus hinggalah kepada perjuangan ABIM. Dengan ABIM dia lebih popular dan selaku Presiden ABIM inilah Anwar membina tapak yang kuat berbakti dalam perjuangan Islam.

Perjuangan Islam Anwar lain dari Darul Arqam yang orang-orangnya mesti berjubah untuk mencari identiti Islam yang lain dari orang lain. Anwar lebih pragmatis dalam perjuangan Islam dan menyesuaikan perjuangannya menurut keadaan semasa. Dia melihat Islam itu boleh diterapkan dalam berbagai bidang, tempat dan masa dengan syarat para pejuangnya tidak terlalu dogmatik dan berfahaman

kolot bila membuat sesuatu tafsiran mengenai sesuatu isu yang menyangkut hal agama. Kalau PAS lebih banyak orang berserban, berjanggut dan berketayap dan memakai kain pelekat dalam ABIM pimpinan Anwar semua ahlinya bebas untuk berpakaian tetapi bersopan. Dan Anwar serta pemimpin-pemimpin ABIM yang lain berpakaian kemeja dan seluar panjang yang biasa tanpa memperlihatkan suatu identiti luaran mengenai Islamnya.

Kepada Anwar yang penting bukanlah pakaian tetapi jiwa yang jujur dan ikhlas untuk memperjuangkan semangat Islam dalam amalan hidup dan juga dalam kepimpinan. Sebab itulah beliau menekankan tentang kepentingan rasa kemanusiaan di kalangan rakyat, membela nasib mereka yang miskin dan dhaif di samping menghapuskan korupsi dan penyelewengan dalam masyarakat. Memanglah tidak mudah melaksanakan semuanya sekali gus. Korupsi dan penyelewengan terus berlaku juga dalam masyarakat selagi ada manusia yang rakus dan haloba. Namun demikian, sedikit sebanyaknya, ada juga kekurangan dan segan silu di kalangan masyarakat dan pegawai-pegawai kerajaan untuk melakukannya secara terbuka seperti yang berlaku di setengah negara di rantau ini sekiranya masyarakat sering diperingatkan dengan seruan-seruan keagamaan.

Tentulah tidak adil menyalahkan Anwar sekiranya pelaksanaan sistem pemerintahan Islam secara keseluruhan tidak berlaku di Malaysia. Perubahan

sesuatu sistem pemerintahan mengambil masa yang panjang dan tidak boleh ditukar sistem pemerintahan itu seperti orang menukar maju dan seluar saban hari. Negara kita bukan seperti Saudi Arabia di mana sistem perundangan Islam boleh dilaksanakan tanpa banyak bantahan oleh kerana semua penduduknya beragama Islam dan hanya satu bangsa saja — bangsa Arab.

Malaysia mempunyai berbagai bangsa yang menganut berbagai agama dan adat resam yang berlainan. Oleh itu sukar hendak melaksanakan keseluruhan sistem perundangan Islam seperti yang dituntut oleh PAS dan golongan fanatik yang tidak mengambil kira masyarakat berbilang kaum dan agama di sini. Sungguh pun demikian masih dapat juga diterapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan rakyat dan kerajaan yang tidak menimbulkan kontroversi di kalangan rakyat majmuk. Sebagai contoh — Bank Islam. Bukan saja Bank Islam di Malaysia berjaya melaksanakan sistem perbankan secara Islam tetapi kini sistem itu sudah dapat diterima oleh bank-bank yang lain juga. Ini bermakna sistem perbankan Islam sudah dapat diterima juga oleh golongan bukan Islam dan mereka juga melakukan transaksi bisnes menurut sistem ini. Ini satu kejayaan besar di pihak kerajaan, dan sedikit sebanyaknya kejayaan itu adalah sumbangan dari idea Perdana Menteri dan juga Datuk Seri Anwar Ibrahim. Kejayaan Bank Islam kini sudah menarik perhatian berbagai negara Islam yang

lain untuk menjadi contoh dalam pelaksanaannya di negara-negara mereka pula. Ini satu sumbangan kerajaan Malaysia yang besar dari segi pelaksanaan sistem perbankan secara Islam yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Kerajaan sekarang lebih mengutamakan kesejahteraan rakyat berbilang kaum dari melaksanakan dasar yang boleh menimbulkan konflik berpanjangan antara berbagai suku kaum di bumi Malaysia ini. Setiap Muslim tidak mempertikaikan hukum Allah dan tidak juga mempertikaikan hukum syarak. Namun begitu Islam juga mengajar manusia dan hambanya berikhtiar dan berusaha mencari jalan perdamaian dan kebaikan untuk semua. Sikap liberalisma dalam Islam ini yang sepatutnya dijadikan titik tolak dalam merumuskan dasar-dasar politik dan negara. Sebagai contoh kita menerima konsep politik demokrasi berparlimen a la barat dan setiap lima tahun sekali rakyat keluar mengundi memilih kerajaan baru. Semua parti politik di Malaysia bersetuju mengambil bahagian termasuk PAS. Sistem ini sebenarnya bukanlah berdasarkan sistem pemilihan dalam Islam seperti yang dijalankan pada zaman Nabi Muhamad s.a.w dan para sahabat baginda hinggalah ke zaman kerajaan Arab Saudi sekarang. Oleh kerana sistem demokrasi berparlimen ini baik untuk menjaga kepentingan rakyat maka kita mengamalkannya di sini. Ini menunjukkan kita lebih liberal dalam melaksanakan dasar negara yang secara tidak langsung ada

juga nilai-nilai Islamnya iaitu melaksanakan suatu sistem pemerintahan yang menjamin pemilihan rakyat serta kesejahteraan bagi rakyat.

Atas dasar liberalisma dalam Islam inilah Anwar menitikberatkan isu-isu pendidikan dan ke-trampilan manusia berilmu dan berakhlak mulia untuk menjamin kesejahteraan ummah dan kebaikan Islam. Sebab itu sewaktu beliau menjadi Menteri Pendidikan Anwar sangat menitikberatkan soal pembelajaran yang memupuk aqalbuldi yang mulia dan kecintaan ilmu pengetahuan yang tidak terbatas sebagai bekalan hidup masyarakat yang juga menjadi khazanah bangsa, agama dan negara.

Kecintaan kepada ilmu pengetahuan ini juga mendorong Anwar menjadi tokoh dalam berbagai persidangan bertaraf kebangsaan dan juga antarabangsa. Buah fikirannya yang bernas,awasannya dalam berbagai isu yang menyangkut bidang pendidikan dan agama serta pembentukan manusia berjiwa mulia dan yang bersifat kemanusiaan selalu menjadi bahan perbincangan dan perbincangan di mana-mana saja. Sewaktu menjadi Menteri Pendidikan Anwar pernah dilantik sebagai pengerusi persidangan UNESCO di Paris. Ini adalah suatu penghormatan yang diberikan oleh badan dunia yang menitikberatkan bidang pendidikan, kebudayaan dan sosial di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Inilah suatu



penghargaan yang diberikan oleh badan dunia itu yang mengakui Anwar sebagai salah seorang pemimpin dunia yang terkemuka — suatu anugerah yang jarang-jarang diberikan kepada pemimpin dari Dunia Ketiga. Sebagai rakyat Malaysia kita juga turut berbangga dengan kejayaan beliau yang diiktiraf kepimpinannya oleh UNESCO. Dan sebagai ahli UMNO dan orang Melayu tentulah kita lebih berbangga lagi kerana Anwar diakui oleh badan dunia sebagai seorang tokoh pemimpin yang berkaliber sehingga dilantik sebagai pengerusi persidangan UNESCO.

Anwar adalah seorang pemikir masyarakat yang mencari kekuatan intelek dari ajaran Islam yang dipelajarinya dari buku-buku pengetahuan, pergaulan dengan sahabat handai dari berbagai latarbelakang termasuk agama dan juga dari temuannya dengan para pemikir masyarakat dan tokoh-tokoh Islam di peringkat antarabangsa seperti Hasan Thaurabi, Prof Syed Hossein Nasr, allahyarham Prof Ismail Faruqi, allahyarham Bapak M. Natsir dan lain-lain. Sebagai pemikir masyarakat yang cintakan Islam Anwar cuba memadukan ajaran Islam dengan keadaan sosio-politik dan budaya yang beragam di tanahair kita. Ini lebih praktikal dan lebih pragmatis memandangkan bahawa penduduk-penduduk bukan Islam dan bukan Melayu hampir separuh dari penduduk Malaysia.

Sepertimana yang diketahui umum perjuangan Islam pada Anwar bukanlah baru, iaitu setelah menjadi menteri kabinet, tetapi sudah mula disemai sejak di Maktab Melayu, Kuala Kangsar lagi. Bila menuntut di Universiti Malaya barulah horison Islamnya menjadi semakin luas setelah beliau berjaya menjadi Presiden, Persatuan Pelajar-pelajar Islam dan selepas itu menjadi Presiden ABIM. Ketokohan beliau sebagai pemimpin Islam bukan saja diakui di Malaysia tetapi juga oleh berbagai negara Islam yang lain bilamana Anwar memperlihatkan kewibawaannya sebagai pejuang Islam dalam berbagai persidangan dan forum antarabangsa mengenai pergerakan Islam. Lebih-lebih lagi bila beliau dilantik menjadi Presiden WAMY (World Assembly of Muslim Youth) bagi Asia. Suara Anwar lantang dalam forum-forum antarabangsa membincangkan berbagai masalah dan projek-projek dan berbagai jenis bantuan untuk membantu perjuangan Islam di seluruh dunia terutama sekali di negara-negara di mana golongan Muslim menjadi golongan minoriti. Dengan hanya bermodalkan ketaqwaan pada Allah, pengorbanan dan kejujurannya untuk menyebarkan syi'ar Islam, tanpa wang ringgit dan kekayaan, Anwar membawa suara perjuangan Islam dari Malaysia ke berbagai persidangan Islam antarabangsa supaya para pemimpin Islam lainnya mengenali semangat dan perjuangan Islam dari Malaysia. Inilah yang menyebabkan Anwar terkenal di negara-negara Islam

sebagai seorang pemimpin Islam yang terkemuka dan yang berwibawa.

Kekuatan UMNO terletak pada sikap pragmatisme para pemimpinnya yang mengendalikan parti dan juga kerajaan sejak zaman Tunku lagi. Mereka sedar dan faham bahawa masyarakat berbilang kaum di Malaysia adalah satu kenyataan hidup dan ia akan terus menjadi kenyataan hidup selama-lamanya di sini. Oleh itu dasar politik, ekonomi, pendidikan, agama dan sebagainya mestilah mengambilkira kenyataan masyarakat berbilang kaum. Sungguhpun demikian, karakter Melayu dan Islam mesti diperlihatkan sebagai identiti negara Malaysia dan ini dipertahankan oleh kerajaan Dr. Mahathir sekarang.

Kalau sebelum menjadi menteri Anwar pernah membantu para pelajar miskin melalui Yayasan Anda di mana penekanan terhadap nilai-nilai Islam dijadikan kemestiaan maka apabila menjadi menteri Anwar terus meneruskan memberi perhatian kepada masyarakat miskin. Salah satu ideanya ialah pemberian saham ASB kepada orang-orang termiskin di tanah-air dengan nilai kira-kira sebanyak RM500 juta dengan tujuan memberi peluang kepada golongan miskin menikmati juga kemakmuran negara. Ini adalah satu usaha yang baik sejajar dengan ajaran Islam agar kekayaan dan kemewahan negara itu diagih-agihkan juga kepada mereka yang kurang bernaib baik. Usaha PNB ini adalah restu dari kerajaan Dr. Mahathir yang membuktikan bahawa keadilan sosial

yang dituntut oleh Islam itu dilaksanakan juga supaya tidak menimbulkan jurang perbezaan yang luas antara yang kaya dengan yang miskin seperti mana yang jelas kelihatan di setengah negara seperti India, Thailand, Filipina, Indonesia dan lain-lain lagi.

Apa yang Anwar dapat lakukan adalah tertakluk pada kuasa yang ada padanya sebagai Menteri Kewangan. Di mana perlu dan sekiranya boleh beliau akan menggunakan kuasanya untuk melaksanakan dasar yang boleh membawa kebaikan kepada rakyat. Tentulah beliau tidak boleh menunaikan hajat semua golongan masyarakat, individu-individu tertentu. Ini tidak mungkin dilakukan oleh manusia. Tetapi kalau ditinjau dari segi agama apa saja tindakan yang baik untuk individu atau golongan tertentu adalah dianggap menunaikan seruan Illahi. Anwar cuba, dengan kuasa yang ada padanya dan restu yang diberikan oleh Perdana Menteri, untuk membahagiakan sebanyak mungkin masyarakat melalui berbagai dasar kerajaan.

Sebagai seorang menteri yang meletakkan kepentingan rakyat miskin pada tempat yang tinggi Anwar menyeru syarikat-syarikat korporat yang membuat keuntungan berpuluh, malah beratus juta ringgit, agar menyumbangkan sebahagian dari keuntungan mereka kepada rakyat yang tidak berada. Seruan beliau mendapat sambutan positif dari beberapa korporat yang besar. Banyak

syarikat menyumbangkan ratusan ribu dan ada juga berjuta-juta untuk tabung membasmi kemiskinan. Berbagai syarikat yang lain memberi derma berjuta-juta lagi untuk berbagai projek amal sebagai pernyataan simpati dan sokongan mereka kepada cita-cita kerajaan itu.

Baru-baru ini pula Tenaga Nasional telah memperuntukkan RM40 juta bagi biasiswa para pelajar kita yang menuntut diberbagai sekolah, kolej dan universiti. Ini juga hasil dari seruan Anwar dan sumbangan ini sangat besar bagi keperluan pendidikan di tanahair. Ini juga sebahagian dari amal jariah yang dapat disumbangkan Anwar untuk masyarakat melalui kuasa yang ada padanya.

Sejak kepimpinan Dr. Mahathir kepentingan Islam menjadi semakin meluas diamalkan. Kini sekolah-sekolah agama mendapat sambutan luarbiasa dari para pelajar kerana mutu pendidikannya sangat baik dan pencapaian akademik pula sangat tinggi. Kini pendidikan di sekolah agama tidak hanya menjuruskan pelajar ke bidang agama semata-mata. Sebaliknya melalui sistem sekolah agama para pelajar juga boleh melanjutkan pengajian mereka di bidang kedoktoran, kejuruteraan, undang-undang dan sebagainya di luar negara dan juga dalam negara. Malah mereka juga boleh menjadi pegawai pentadbir. Bukankah ini membuktikan bahawa pimpinan Dr. Mahathir lebih banyak memberi perhatian kepada cita-

cita Islam dari setengah kerajaan Islam di dunia ini? Mengapakah ini boleh berlaku? Tak lain dan tak bukan kerana adanya tokoh-tokoh politik yang berjiwa Islam dan berkaliber seperti Anwar Ibrahim dan beberapa orang yang lain lagi yang membantu untuk menyemaikan seruan Islam dalam berbagai dasar kerajaan. Oleh itu pendekatan kepada cita-cita Islam bukanlah sebagai omong kosong tetapi dilaksanakan dalam berbagai bidang hidup masyarakat dan kerajaan sekarang ini.

Ada juga orang membuat tuduhan bahawa Anwar menjadi alat Dr. Mahathir untuk menghapuskan kekebalan raja Melayu yang menjadi ketua adat istiadat Melayu dan agama Islam di negeri masing-masing. Setengah golongan berpendapat sekiranya kekebalan raja dihapuskan maka masa depan bangsa Melayu dan agama Islam juga terjejas. Apakah hujah ini berasas? Pihak kerajaan berpendapat institusi raja perlu dipertahankan tetapi perilaku setengah raja yang menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka hingga menimbulkan halangan dalam pentadbiran setengah negeri maka itu patut diambil tindakan. Walaupun raja-raja itu menjadi ketua agama Islam di negeri masing-masing namun kemajuan yang dicapai di bidang pendidikan Islam dan kesejahteraan rakyat Melayu tidaklah dapat dikatakan memuaskan. Malah ada juga raja yang tidak menunjukkan perilaku sebagai pemimpin agama yang baik seperti pembaziran wang rakyat membina istana, berjudi

dan minum arak dan sebagainya. Ada juga setengah raja yang suka mencampuri urusan pentadbiran negeri hingga menimbulkan kesulitan kepada setengah Menteri Besar. Kata peribahasa Melayu raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah. Sekiranya kebanyakan raja-raja Melayu insaf tentang kedudukan mereka yang sebenar dalam konteks perlembagaan negara dan juga hubungan mereka dengan rakyat jelata nescaya mereka tidak akan memperlihatkan perilaku yang kurang baik. Tanggungjawab raja sebagai pemimpin agama di negeri masing-masing bukanlah enteng dan dibuat secara sesuka hati sahaja. Sebagai pemimpin agama raja-raja patutlah menjadi contoh yang baik serta patuh pada ajaran Islam yang boleh dijadikan panduan oleh rakyat di negeri masing-masing. Malangnya kebanyakan raja tidak menghayati tuntutan Islam dengan baik hingga meletuslah peristiwa-peristiwa penyalahgunaan kuasa dan kebuasan dalam perilaku.

Banyak orang berpendapat tindakan Dr. Mahathir meminda perlembagaan menghapuskan kekebalan raja itu kena pada masanya dan dianggap bijak. Islam lebih giat dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan melalui Pusat Islam, badan-badan daqwah lainnya, pendidikan dan sebagainya dari apa yang dilaksanakan oleh raja-raja di negeri masing-masing. Kalau Anwar Ibrahim bersama Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba mahu kekebalan raja dihapuskan maka tindakan mereka itu adalah mencerminkan

pandangan majoriti rakyat Malaysia. Kalau dikatakan Anwar menjadi alat rakyat yang mahu kekebalan raja dihapuskan maka itu bolehlah diterima kerana majoriti rakyat tidak senang dengan perilaku setengah dari raja-raja itu.

Anwar juga berpendapat Malaysia tidak boleh melaksanakan undang-undang Islam sepertimana yang berlaku di Arab Saudi. Sebenarnya ini juga adalah dasar UMNO. Oleh itu apa yang boleh dilakukan ialah penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan rakyat dan juga pentadbiran kerajaan yang juga merupakan sebagai nilai-nilai universal. Sebab itu tidak ada golongan yang bising bila setiap pejabat kerajaan diadakan surau, atau dalam setiap taman perumahan ada tapak untuk surau atau pun masjid. Rakyat bukan Islam juga menerima hakikat yang Malaysia adalah sebuah negara Islam yang mengamalkan dasar liberalisma untuk menjaga kepentingan golongan-golongan bukan Islam juga.

Bukankah pada masa sekarang ini berbagai seminar dan persidangan mengenai agama Islam diadakan di Malaysia, dan kegiatan-kegiatan Islam semakin banyak kalau dibandingkan dengan zaman sebelum kerajaan Dr. Mahathir? Walau pun sistem kerajaan kita bukan seperti Arab Saudi namun Malaysia boleh berbangga kerana kita berjaya menerapkan nilai-nilai Islam dalam berbagai kehidupan rakyat dan juga kerajaan tanpa menimbulkan konflik seperti yang berlaku di setengah negara lain di dunia.



Kita patut bersyukur kepada Allah kerana penerapan nilai-nilai Islam secara bijak dan beransur-ansur dapat diterima baik oleh rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam.

Kejayaan ini terletak pada kepimpinan UMNO sekarang yang lebih tegas menerapkan nilai-nilai Islam yang boleh diterima baik oleh bukan Islam. Yang patut difikirkan ialah kesederhanaan dalam tindakan dan pelaksanaan sesuatu dasar Islam supaya tidak menimbulkan salah faham dan kebimbangan di kalangan bukan Islam kelak. Misalnya bukan Islam suka pada perjudian dan minuman keras. Tentu-lah susah bagi kerajaan menghapuskan tabiat berjudi dan meminum minuman keras oleh kerana sebilangan besar dari rakyat bukan Islam suka kepadanya. Oleh itu kerajaan hanya melarang orang Islam dari berjudi dan meminum minuman keras melalui undang-undang tertentu. Sekiranya kerajaan mengharamkan perjudian dan minuman keras boleh jadi ini akan menimbulkan kebimbangan dan ketakutan di kalangan bukan Islam bahawa pihak kerajaan mahu menghapuskan adat budaya dan kebiasaan bukan Islam. Kerukunan antara kaum akan terjejas sekiranya kerajaan dianggap bertindak membelakangkan kepentingan bukan Islam pula.

Sikap pragmatisma kerajaan pimpinan Dr. Mahathir inilah yang mengekalkan kerukunan antara kaum, dan secara langsung, membolehkan penerapan nilai-nilai Islam dalam masyarakat. Ini bukanlah

bermakna kerajaan tunduk kepada kemahuan bukan Islam atau takut kepada mereka atau pun lemah bila berhadapan dengan bukan Islam. Dalam Islam juga disebut tentang kerukunan antara sesama jiran, termasuk jiran yang bukan Islam. Keadilan dan kesejahteraan ummah juga bermaksud membawa kesejahteraan mereka yang bukan tergolong dalam Islam. Toleransi dan hormat-menghormati antara sesama manusia, walaupun berlainan agama dan adat resam, mestilah dipertahankan menurut Islam. Dengan mengambil kira semua faktor ini maka amatlah baik kerajaan mengambil sikap pragmatis kerana sikap ini lebih sesuai dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Pragmatisma di bidang penerapan nilai-nilai Islam ini juga menjadi inti perjuangan Datuk Seri Anwar dan para pejuang agama yang lain. Mereka inilah yang membantu Dr. Mahathir dalam bidang pengisian nilai-nilai Islam dalam kerajaan dan juga dalam masyarakat. Datuk Seri Anwar misalnya sangat mengambil berat tentang pengisian jiwa Islam dan amalan Islam di kalangan kaum belia kita dan juga di kalangan para pemimpin. Bangsa Melayu akan hancur sekiranya pegangan dan amalan Islamnya kurang kuat. Islamlah yang menjadi akar tunjang yang menegakkan kekuatan bangsa kita. Oleh kerana itu Anwar selalu mengingatkan para pemimpin dan ahli-ahli parti, juga para pendidik, kaum penulis dan juga

usahawan-usahawan Bumiputra agar mengingatkan ajaran Islam dalam amalan hidup mereka dan juga tugas harian mereka.

UMNO menjadi kuat dan gagah sekarang ini, walaupun digugat oleh parti-parti pembangkang, oleh kerana pucuk pimpinan parti berpegang kuat pada ajaran Islam. Sekiranya UMNO tidak dipimpin oleh tokoh yang kurang kuat berpegang pada agama Islam maka besar kemungkinan ia akan hancur kelak. UMNO akan digugat oleh berbagai golongan yang berkepentingan dalam parti itu sendiri sekiranya Presiden tidak kuat berpegang kepada agama. Kita bersyukur kerana Dr. Mahathir bukan saja seorang pemimpin kerajaan dan parti yang berkaliber dan kaya dengan idea tetapi juga berpegang kuat pada ajaran Islam dan sanggup berjuang di forum antarabangsa untuk menjaga kepentingan umat Islam di Bosnia dan juga di negara-negara lain.

Semangat Islam yang ada pada Dr. Mahathir juga menjadi suatu perangsang dalam perjuangan Anwar untuk melipatgandakan lagi usaha-usaha ke arah penerapan nilai-nilai Islam dalam kerajaan dan juga masyarakat. Sebab itulah Anwar cukup peka mengenai isu-isu Islam kerana Perdana Menteri sendiri memberi galakan kepada kegiatan-kegiatan ke arah Islam. Bolehlah dikatakan apa saja usaha Anwar yang membawa kepada usaha-usaha ke arah kemajuan dan kebaikan adalah mendapat restu dari Perdana Menteri.

Perdana Menteri ialah yang memberi ilham kepadanya untuk berusaha menjayakan setiap projek atau kegiatan yang munafaat kepada rakyat dan ummah. Sudah tentu sekiranya Perdana Menteri kurang berminat mengenai agama maka tentulah Anwar tidak akan mendapat kedudukan yang begitu baik dalam kabinet dan juga parti oleh kerana semua orang tahu Anwar seorang pejuang Islam.

Sepanjang pengetahuan saya tidak ada pun kegiatan Anwar untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam parti dan juga kerajaan yang ditentang oleh Dr. Mahathir. Apa saja usaha Anwar yang baik untuk parti dan kerajaan mendapat sokongan penuh dari Perdana Menteri. Ada yang berpendapat Dr. Mahathir sangat suka melihat para pemimpin parti, terutama sekali yang berjawatan menteri, merancangkan berbagai kegiatan dan projek yang boleh menguntungkan rakyat dan membawa kebaikan kepada kerajaan. Anwar seperti seorang "mubaligh" selalu berikhtiar untuk memprojeksikan imej kerajaan yang cinta pada Islam dalam ucapan-ucapannya dan juga dalam berbagai kegiatan atau projek yang diceburinya. Dengan cara begini dapatlah Anwar menyemai benih keIslaman di kalangan rakyat, para belia dan pelajar dan juga kalangan korporat dan ahli-ahli parti. Oleh kerana itu Dr. Mahathir sangat senang dengan pendirian dan sikap Anwar

yang terus terang mempertahankan kewibawaan kerajaan dalam berbagai isu kerajaan sejak beliau menjadi menteri kabinet. Malangnya setengah menteri dan pemimpin UMNO tidak berani memperjuangkan sesuatu isu dengan cara bersungguh-sungguh.

Dasar pragmatisma dalam amalan politik UMNO inilah yang membawa kesejahteraan dan kedamaian dalam masyarakat berbilang kaum, dan ini adalah apa yang dikehendakki juga dalam Islam. Kepada Anwar perjuangan menegakkan cita-cita Islam secara pragmatisma yang dijalankan oleh Dr. Mahathir itu adalah lebih berkesan dari sikap radikal yang tidak menyicah di bumi Malaysia dari perjuangan PAS. Landasan perjuangan Islam UMNO ini lebih banyak munafaatnya kepada rakyat Melayu yang beragama Islam kerana bukan Islam dapat melihat keunggulan Islam dari segi toleransi dan sifat muhibbahnya yang mengambilkira nasib bukan Islam di negara ini. Walaupun UMNO mahu melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam dalam masyarakat dan mahu melaksanakan hukum-hukum Islam namun pucuk pimpinan UMNO tidak terburu-buru memaksa hukum-hukum Islam kepada bukan Islam. Kegagalan kerajaan PAS membentangkan bil hudud di Dewan Undangan Negeri Kelantan baru-baru ini membuktikan bahawa kerajaan PAS sendiri tidak yakin yang masyarakat majmuk di Kelantan boleh menerimanya dengan dada terbuka.

Inilah salah satu sebab mengapa Anwar tidak memilih PAS sebagai parti untuk perjuangan politiknya. Sikap radikal PAS untuk memaksa masyarakat berbilang kaum menerima pemerintahan 100% Islam akan membawa mudarat lebih dari kebaikannya. Mestilah ada pertimbangan-pertimbangan lain selain dari cita-cita Islam supaya keamanan dan kesejahteraan hubungan antara kaum dapat dikekalkan. Anwar mengambil sikap pragmatisma UMNO kerana beliau yakin penerapan nilai-nilai Islam secara berperingkat-peringkat itu akan lebih membawa munafaat kepada semua pihak termasuk juga bukan Islam. Anwar tidak mahu bukan Islam membuat tafsiran yang mengelirukan tentang agama Islam oleh kerana mereka menilai Islam dari cara orang-orang PAS mahu melaksanakan nilai-nilai Islam yang dianggap bertentangan dengan budaya dan cara hidup bukan Islam di negara ini.

Kalau Anwar pernah berucap di atas pentas PAS sebelum aktif dalam UMNO kemudiannya maka tindakan tersebut lebih banyak dipengaruhi oleh suasana politik di zaman Tunku dan Tun Razak yang dianggap oleh Anwar kurang memberi keutamaan pada cita-cita Islam dalam pemerintahan mereka. Dr. Mahathir juga pernah menggunakan corong PAS waktu beliau dipecat dari UMNO oleh Tunku dan tindakan beliau juga disebabkan oleh keadaan suasana politik pada waktu itu. Dr. Mahathir juga tidak berminat menjadi ahli PAS walaupun pernah

menggunakan pembesar suara PAS menentang Tun-ku.

Kedua-dua pemimpin ini sedar bahawa perjuangan Islam cara PAS tidak akan disokong oleh majoriti rakyat Malaysia yang berbilang agama dan adat resam. Mereka juga berpendapat PAS dengan sikap konfrontasinya terhadap bukan Melayu tidak akan membolehkan parti itu memerintah kerajaan Pusat sampai bila-bila. Ia tetap akan menjadi parti pembangkang, dan sebagai pembangkang, ia tidak ada kuasa apa-apa untuk menukar sejarah pemerintahan kerajaan.

Oleh kerana Dr. Mahathir dan Anwar juga cinta pada Islam dan mahu memperjuangkan Islam secara beransur-ansur maka mereka memilih UMNO tempat berjuang. Penerapan nilai-nilai Islam yang baik hanya boleh dilakukan oleh parti yang memerintah, dan UMNO, parti yang paling dominan dalam Barisan Nasional, akan memainkan peranannya yang penting ke arah penerapan nilai-nilai Islam tersebut. Sekarang semua orang sudah melihat bukti kejayaannya. Malah banyak pemimpin dari negara-negara Islam lain pun menghormati dan mengagumi kebijaksanaan Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim menyerapkan nilai-nilai Islam di kalangan masyarakat dan kerajaan tanpa menimbulkan reaksi kurang baik dari bukan Melayu dan Islam.

Walaupun Anwar bukan seorang ulama namun beliau dipandang tinggi dan dihormati oleh

pemimpin-pemimpin Islam di peringkat antarabangsa sebagai seorang pejuang dan pemimpin Islam yang tegas dalam pendirian Islamnya. Pemimpin-pemimpin Islam luar negara berpendapat Anwar dapat memberi sumbangan yang banyak untuk membela Islam di Malaysia oleh kerana beliau telah banyak menabur jasa dan sumbangan di bidang daqwah Islamiah bukan saja dalam persidangan antarabangsa tetapi juga dalam Malaysia sendiri. Sikap pragmatisma dan toleransinya dalam penyebaran nilai-nilai Islam dan ketokohnya sebagai pemimpin Islam taraf antarabangsa menjadikan Anwar *a leader to be reckoned with* — seorang pemimpin yang mesti diberi perhatian serius.

Anwar sama berpendapat dengan Dr. Mahathir iaitu Melayu tidak akan dapat *survive* kalau tidak berpegang teguh pada Islam. Menegakkan Islam dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat Melayu terutama sekali akan memberi jaminan hidup bukan saja di dunia tetapi juga akhirat. Melayu akan hanyut dan akan hilang kuasa politik di masa depan kalau para pemimpinnya tidak berpegang pada agama Islam. Oleh itu segala dayausaha dijalankan untuk memperkemaskan lagi pentadbiran agama Islam supaya ia dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam masyarakat majmuk. Sepertimana yang disebut dalam hadith Nabi Muhammad s.a.w bahawa Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu



kaum kalau kaum itu sendiri tidak mengubahnya maka inilah yang mendorong Dr. Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim terutama sekali berusaha sedaya upaya supaya orang Melayu dan Bumiputra Islam lainnya mendapat rahmat dan inspirasi dari perjuangan mereka itu. Oleh kerana Dr. Mahathir sendiri sangat mengambil berat dalam hal Islam maka seluruh menteri kabinet (tidak termasuk bukan Melayu) turut sama merintis jalan ke arah penerapan nilai-nilai Islam dalam berbagai bidang hidup.

Berbagai golongan Islam berpendapat Anwar Ibrahim dapat membantu kepimpinan Mahathir untuk menerapkan nilai-nilai Islam dengan lebih berkesan oleh kerana Anwar mndapat berbagai *feedback* dari berbagai pihak yang cintakan Islam. Dr. Mahathir tentulah mahukan menteri-menterinya dan juga pemimpin-pemimpin parti yang berjiwa Islam untuk memperkuat UMNO supaya ia terus menerus menerajui kerajaan Malaysia sampai bila-bila. Dengan adanya Anwar dalam kabinet, dan Anwar pula sangat terbuka menerima idea-idea yang baik, maka sudah tentu beliau boleh menjadi orang kanan Perdana Menteri. Dr. Mahathir sangat senang kerana setiap dasar kerajaan yang dicadangkannya terus diambilalih oleh Anwar untuk dihebahkan kepada rakyat dan beliau pula boleh memberi ulasan dan tafsirannya menurut semangat dan cita-cita Perdana Menteri.

Sebenarnya Dr. Mahathir sangat beruntung ke-

rana mendapat pejuang Islam yang berfikiran sederhana seperti Datuk Seri Anwar dalam UMNO. Boleh dikatakan kebanyakan ulama yang menjadi ahli UMNO sederhana dan liberal sikap mereka, dan pendirian mereka itu sesuai sekali dengan sikap kerajaan yang mahu menerapkan nilai-nilai Islam secara perlahan-lahan. Walaupun ada banyak ulama dalam UMNO tetapi tidak ada seorang pun yang ketokohnya boleh diterima baik oleh berbagai golongan rakyat Islam dalam Malaysia. Setengahnya hanya dikenali dalam sesebuah negeri sahaja, dan ada juga yang duduk dalam kabinet tetapi tidaklah popular dan dapat diterima orang banyak seperti Anwar. Memandang dari kedudukan menteri-menteri UMNO dalam kabinet dapat dikatakan Perdana Menteri lebih suka pada pendirian dan perjuangan Anwar Ibrahim dari orang-orang lain.

Kedudukan Anwar sebagai Menteri Kewangan sangat penting untuk beliau mendapatkan berbagai pengalaman di bidang pengurusan kewangan negara dan perancangan kewangan supaya memudahkan tugasnya bilamana beliau memperolehi jawatan yang lebih tinggi dari sekarang. Keyakinan Dr. Mahathir memberi jawatan Menteri Kewangan kepada beliau membuktikan kepada seluruh rakyat yang Perdana Menteri mempunyai harapan yang gemilang untuk Anwar. Sejak Anwar dilantik menjadi menteri kabinet hingga sekarang dapat sudah dilihat perubahan sikap orang-orang bukan Melayu terhadap Anwar. Dulu

mereka cap Anwar sebagai seorang pelampau atau ultra Melayu dan Islam. Sekarang bukan Melayu sudah mengerti dan memahami dengan lebih baik lagi selepas melihat kejayaan Anwar mengendalikan berbagai kementerian yang mana menunjukkan bahawa Anwar bukanlah seorang pelampau Melayu atau Islam. Sekarang mereka menganggap Anwar seorang pemimpin Melayu dan Islam yang liberal seperti juga pendirian Perdana Menteri.

Beberapa orang sahabat Anwar dari Kolej Melayu Kuala Kangsar berkata Anwar tidak pernah mempunyai sikap militan dalam perjuangan Islam. Keluarganya, menurut sahabat-sahabat Anwar, bukanlah tergolong keluarga Islam yang fanatik. Oleh sebab itu dalam perjuangan Anwar tidak timbul niat untuk menjadikan ABIM yang dipimpinnya di masa dulu sebagai sebuah pertubuhan belia Islam yang fanatik seperti Darul Arqam. Anwar menjadikan ABIM sebagai persatuan yang menampung berbagai pandangan Islam yang bertujuan untuk meningkatkan lagi semangat daqwah Islamiah yang liberal supaya diterima oleh berbagai golongan dalam masyarakat Islam di tanahair. Itulah sebabnya dalam ABIM soal pakaian jubah, serban, janggut yang panjang tidak begitu dipentingkan sangat seperti dalam Darul Arqam. Begitu juga dalam soal pakaian untuk kaum perempuan yang hanya menutup aurat tetapi tidaklah berpurdah hingga melemaskan mereka yang dipaksa memakainnya.

Selain dari itu kegiatan ABIM-Outreach yang bertujuan membimbing saudara-saudara baru berjaya menarik saudara-saudara baru dari berbagai bangsa menyertai kursus daqwahnya dan juga terbuka juga kepada bukan Islam yang mahu tahu lebih banyak lagi mengenai Islam. Di sini juga pendekatan yang dibuat ialah memperkenalkan Islam sebagai satu agama yang mudah diamalkan dan tidak bersifat fanatik yang boleh menakutkan mereka yang bukan Islam yang mahu berjinak-jinak dengan Islam. Inilah hasil dari usaha-usaha Anwar Ibrahim sejak beliau menjadi Presiden ABIM dulu, dan terus dilaksanakan pendekatan Islam secara liberal dan modern itu hingga sekarang.

Sikap Anwar yang liberal dalam penerapan nilai-nilai Islam yang juga menjadi pegangan Dr. Mahathir dan UMNO akan memudahkan beliau diterima baik oleh majoriti rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini. Sekiranya sikap liberal ini diteruskan oleh para pemimpin UMNO maka banyak orang meramalkan Anwar Ibrahim akan memainkan peranan yang lebih penting lagi dalam parti dan kerajaan dalam tahun-tahun yang akan datang ini. Kalau rakyat Malaysia boleh menerima dengan penuh semangat kepimpinan Dr. Mahathir Muhamad sebagai Perdana Menteri Malaysia maka tidak ada sebab mengapa rakyat tidak boleh menerima Anwar Ibrahim sebagai bakal Perdana Menteri kelak. Apa saja dasar

kerajaan yang baik yang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir sekarang akan terus dilanjutkan oleh Anwar untuk menjaga kepentingan rakyat, bangsa dan negara kita di samping menjadikan UMNO sebagai parti politik yang dominan dalam Barisan Nasional. Inilah wawasan politik dan agama Anwar Ibrahim bagi menjamin kesinambungan perjuangan UMNO sebagai parti politik yang terkemuka dan meneruskan kekuasaannya seperti mana yang diamalkan oleh Perdana Menteri sekarang. Untuk menjamin kekuasaan UMNO dalam kerajaan dan sekiranya mahu mengekalkan pengaruh UMNO di kalangan rakyat berbilang kaum maka penerapan nilai-nilai Islam mestilah secara beransur-ansur seperti yang berlaku sekarang ini. Dan Datuk Seri Anwar Ibrahim juga yakin dengan sepenuhnya pendirian seperti itu.



Suaranya lantang dalam berbagai persidangan antarabangsa memperjuangkan nasib dan kepentingan Dunia Ketiga. Itulah Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad, Perdana Menteri Malaysia dan Presiden UMNO kita yang dikagumi dan disayangi oleh majoriti rakyat Malaysia.



Sebagai pemimpin UMNO dan BN Dr. Mahathir sangat dihormati kerana ketegasan dan keberanian beliau memimpin parti dan kerajaan mempertahankan keyakinannya. Beliau tidak takut menghadapi cabaran kerana idea-ideanya sendiri amat mencabar untuk memperjuangkan keyakinannya. Demikianlah lahirnya Wawasan 2020.



**Dua orang tokoh politik UMNO yang dikatakan paling rapat dengan Perdana Menteri sekarang — Tun Daim Zainuddin dan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Walaupun Tun Daim tidak menjadi menteri kabinet tetapi masih banyak memberi sumbangan berharga untuk parti dan negara. Datuk Seri Anwar diramalkan akan menjadi bakal Perdana Menteri selepas Dr. Mahathir kelak. Insya-Allah!**





**Apakah yang dimenungkan oleh Encik Ghafar Baba? Memikirkan sebahagian besar wakil rakyat UMNO menyokong Anwar untuk menentanginya sebagai Timbalan Presiden November ini? Atau memikirkan tentang hutang negara atau hutang peribadi?**

# 6

## ANTARA ANWAR DENGAN GHAFAR

KALANGAN POLITIK UMNO dan juga korporat berpendapat Anwar Ibrahim adalah orang kanan Dr. Mahathir atas beberapa sebab dan peristiwa. Pengikut-pengikut Anwar yang setia tentulah menganggap pemimpin mereka itu orang kepercayaan Perdana Menteri dan banyak membantu Perdana Menteri menangani berbagai isu politik dalaman dan juga politik nasional. Golongan yang tidak suka dengan populariti Anwar dalam masyarakat dan parti menganggap Anwar sengaja membesar-besarkan peranannya dalam parti dengan tujuan untuk melenyapkan tentangan terhadap dirinya.

Orang yang melihat perkembangan politik UMNO setelah Dr. Mahathir menjadi Presiden dan Perdana Menteri dapat mengesan hanya dua orang tokoh politik yang diberi tempat istimewa oleh beliau menyertai kabinetnya. Yang pertama ialah Tun Daim

Zainuddin dan yang kedua ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim. Kedua-dua mereka diberi kepercayaan menjadi Menteri Kewangan — suatu kementerian yang penuh dengan cabaran, tanggungjawab dan hanya orang-orang yang dipercayai Perdana Menteri sahaja menyandang jawatan tersebut.

Waktu Tun Daim dalam kabinet Dr. Mahathir selalu berunding dan mendapatkan *feedback* dari Daim dan juga Anwar. Kedua-dua dianggap orang penting oleh Dr. Mahathir. Malah di kalangan UMNO dan korporat pun banyak berpendapat Daim dan Anwar adalah sahabat rapat dan orang kanan Perdana Menteri. Kalau Daim lebih banyak memberi perhatian kepada hal-hal ekonomi dan kewangan negara (selaku Menteri Kewangan) Anwar pula menjadi orang penting dalam isu-isu politik. Setelah Tun Daim berhenti dari kabinet maka Datuk Seri Anwar pula menjadi orang kanan Dr. Mahathir dalam urusan kewangan negara dan juga politik.

Tidak dinafikan bahawa menteri-menteri lain juga masuk dalam berbagai perbincangan oleh kerana Perdana Menteri ingin juga mendengar pandangan-pandangan orang lain. Misalnya Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba juga dibawa berunding sama. Tetapi, dalam banyak perkara, Anwar selalu terlibat untuk menjelaskan pandangan parti atau kerajaan kepada berbagai pihak dan kumpulan.

Ada juga kalangan orang berpendapat Dr.

Mahathir kurang yakin dengan kemampuan Encik Ghafar memandangkan Encik Ghafar cuma berpendidikan sekolah rendah. Apa lagi, kata mereka, dalam usaha Perdana Menteri hendak melaksanakan Wawasan 2020 ini. Masalah kerajaan menjadi lebih rumit kerana ia melibatkan isu-isu antarabangsa, pembangunan ekonomi yang bersepadu dan kompleks serta kemampuan intelek yang besar bagi memahami masalah-masalah negara. Dalam keadaan yang serba kompleks itu, kata mereka, Ghafar dianggap kurang mampu untuk menanggapi isu-isu tersebut walaupun kata mereka Ghafar seorang yang berpengalaman di bidang politik.

Banyak pihak beranggapan sangat wajar Dr. Mahathir memberi pendedahan yang lebih meluas dan berbagai-bagai kepada Datuk Seri Anwar supaya mudah bagi beliau menangani isu-isu politik, ekonomi dan lain-lain yang serba mencabar itu. Dengan cara demikian akan memudahkan Anwar meneruskan cita-cita Dr. Mahathir kelak demi menjadikan Wawasan 2020 satu kenyataan. Oleh kerana Anwar masih muda maka beliau lebih mampu untuk melaksanakan tanggungjawab parti dan kerajaan sekiranya Dr. Mahathir tidak lagi aktif dalam politik dan kerajaan.

Memanglah Anwar juga perlu banyak mencari pengalaman dalam politik dan juga kerajaan sekiranya beliau mahu memainkan peranan yang lebih

penting dan berkesan dalam kerjaya politiknya. Dr. Mahathir juga memahami kekurangan Anwar itu. Oleh sebab itu beliau banyak memberi peluang kepada Anwar mengendalikan berbagai masalah parti dan melaksanakan dasar kerajaan menurut budi bicaranya supaya Perdana Menteri boleh menilai sejauhmana Anwar dapat melaksanakan dasar-dasar kerajaan dan mengatasi berbagai masalah politik dalaman.

Kalau dilihat dari segi kementerian yang disandang oleh Anwar nyatalah bahawa Perdana Menteri benar-benar mahu membina ketokohan Anwar sebagai bakal Perdana Menteri. Dua kementerian penting yang disandang oleh Anwar ialah Kementerian Pendidikan dan kini Kementerian Kewangan pula. Banyak menteri mengidamkan kementerian-kementerian tersebut tetapi tidak diberi peluang oleh Dr. Mahathir atas sebab-sebab tertentu. Mereka juga harus faham mengapa mereka tidak ditawarkan kementerian-kementerian yang penting tersebut. Dengan kata lain, tidak semua menteri layak menyandang kedua kementerian tersebut.

Barangkali juga Dr. Mahathir mahu menguji lagi kemampuan dan kegigihan Datuk Seri Anwar sebagai Menteri Pendidikan. Kementerian Pendidikan selalu mendapat peruntukan kewangan yang paling besar setiap tahun memandangkan pendidikan adalah asas pelaburan tenaga rakyat untuk mengisi keperluan negara di bidang pentadbiran, perindustrian,

perdagangan dan sebagainya. Mengikuti sejarah menteri-menteri yang pernah menjadi Menteri Pendidikan berakhir sebagai Perdana Menteri tetapi tidak semuanya. Perdana Menteri yang pernah memegang jawatan Menteri Pendidikan ialah Tun Razak, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri.

Barangkali juga Dr. Mahathir menganggap oleh sebab Anwar perlu menambah pengalaman lagi di bidang pengurusan kewangan negara memandangkan dia baru berusia 46 tahun maka kini Anwar menjadi Menteri Kewangan pula. Kementerian ini lebih mencabar lagi kerana dia dianggap menteri yang bertanggungjawab menentukan agihan perbelanjaan negara, dan di samping itu, bertanggungjawab pula merancang strategi kewangan negara supaya kedudukan ekonomi negara kukuh selalu. Ini tanggungjawab yang besar. Tidak semua menteri diberi tawaran seperti itu. Hanya menteri yang mendapat *confidence* Perdana Menteri sahaja yang diberikan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Sejak menjadi Menteri Kewangan Anwar nampaknya berjaya mengemudikan bahtera ekonomi Malaysia dengan baik. Setiap kali beliau membentangkan *budget* di Parlimen berbagai golongan masyarakat menyambut baik *budget* beliau. Strategi kewangannya dikatakan tidak membebankan rakyat dan lebih berat menjaga kepentingan golongan yang kurang berada. Dengan kata lain, Datuk Seri Anwar lebih bersimpati dengan golongan yang kurang

berada dalam pertimbangan *budget* tahunannya. Memandangkan kedudukan ekonomi Malaysia kukuh dan berkembang pesat maka wajarnya, pada hemat Anwar, rezeki negara yang lebih itu dinikmati juga oleh golongan yang kurang berada. Inilah jiwa penyayang dan kecintaan kepada rakyat miskin dan kurang berada yang diperlihatkan dari kepimpinan Datuk Seri Anwar selaku Menteri Kewangan.

Sebenarnya Datuk Seri Anwar amat bertuah kerana mendapat sokongan dan kepercayaan dari Perdana Menteri yang mahu melihat beliau menjadi seorang pemimpin parti dan negara yang paling baik. Dalam percaturan dan cabaran politik sekarang di mana setiap tindakan politik mestilah diambilkira berbagai kepentingan dalam dan luar negeri maka oleh itu amatlah penting pengganti Perdana Menteri kelak seorang tokoh yang benar-benar berjiwa besar dan banyak pengalaman dalam pentadbiran negara.

Sejak aktif dalam UMNO dan menjadi menteri dalam kabinet Dr. Mahathir Anwar terus meneruskan menunjukkan kesetiiaannya untuk berganding bahu bersama Perdana Menteri. Ada juga setengah golongan yang membenci Anwar menganggap dia hanya sebagai echo Mahathir. Mereka menuduh bahawa Anwar mahu bermuka-muka dengan Perdana Menteri oleh kerana beliau ingin sesuatu tempat yang lebih tinggi dalam hirarki parti.

Yang menjadi persoalan apakah salah Anwar

menyokong dan membantu Perdana Menteri untuk membela sesuatu tindakan kerajaan yang dianggap baik? Mestikah menteri-menteri lain membisu bila Perdana Menteri diserang oleh pihak pembangkang dan golongan tertentu? Anwar lebih berpegang pada konsep *collective responsibility* (tanggungjawab bersama) dalam apa-apa tindakan. Perdana Menteri, selaku ketua kerajaan, mempunyai idea-idea tertentu untuk menangani sesuatu masalah politik dan negara. Apa saja tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri demi kepentingan kerajaan dan negara maka semua menteri mesti sokong. Dalam hal sokongan dan bantuan moral kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak pernah berdiam diri seperti setengah menteri-menteri kabinet yang mempunyai kepentingan tertentu.

Kalau Perdana Menteri lebih mesra dan lebih banyak memberi perhatian kepada Anwar Ibrahim maka itu disebabkan Anwar selalu tampil ke depan untuk menyuarakan sokongannya terhadap tindakan Perdana Menteri. Dia tidak sangsi atau teragak-agak membela setiap tindakan politik Dr. Mahathir. Dia sanggup berhujah dan bertukar-tukar fikiran lebih dahulu dengan Dr. Mahathir supaya tindakan yang dibuat olehnya tidak bercanggah dengan hasrat dan matalamat Perdana Menteri.

Krisis-krisis yang serius yang melibatkan kepentingan dan kewibawaan politik Dr. Mahathir, seperti



krisis UMNO pada tahun 1987 waktu Tengku Razaleigh dan Musa Hitam menentang kepimpinan Mahathir, Anwar tetap di barisan depan membela Perdana Menteri. Pada waktu itu banyak pemimpin UMNO yang mendiamkan diri kerana kepentingan dan muslihat politik masing-masing. Mereka hanya sebagai penonton yang mahu melihat terlebih dahulu siapakah yang akan menang dalam persaingan antara Team A dengan Team B. Mereka takut menunjukkan sikap mereka, takut kalau mereka tidak mendapat tempat sekiranya team yang mereka sokong itu kalah. Ada juga setengah pemimpin yang menyokong kedua-dua team dengan harapan mereka akan mendapat faedah tidak kira team mana yang menang kelak.

Inilah sikap pemimpin yang oportunist dalam UMNO, talam dua muka, yang tidak berani duduk di barisan depan menyuarakan pendirian mereka dengan tegas. Ada juga setengah pemimpin berpura-pura menyokong kepimpinan Dr. Mahathir tetapi dengan diam-diam memberi sokongan dan bantuan kepada musuh-musuh politik Perdana Menteri. Bila team B kalah dan team A menang mereka pun berjumpa dengan Perdana Menteri dan bergambar dengan Perdana Menteri kononnya hendak tunjuk kepada rakyat yang mereka itu penyokong kuat Dr. Mahathir.

Tapi Anwar Ibrahim tidak bersikap talam dua muka bila UMNO mengalami krisis kepimpinan-

nya pada tahun 1987. Dia terus menerus menyokong kepimpinan Dr. Mahathir dari mula hingga akhir. Boleh dikatakan beliau salah seorang menteri yang menentang habis-habisan kumpulan yang membenci kepimpinan Mahathir. Di mana-mana pun dia tetap mempertahankan keunggulan kepimpinan Mahathir dan tidak gentar menerima cemuhan dan kritik dari pihak-pihak yang tidak senang dengan Dr. Mahathir.

Inilah salah satu sebab mengapa Perdana Menteri mempunyai *soft spot* kepada Anwar. Dalam masa beliau menghadapi tekanan politik yang amat kritikal, yang boleh menjejaskan masa depan politiknya sekiranya dia kalah, maka dia mendapat sahabat dan penyokong yang paling lantang membela kepimpinannya. Dr. Mahathir tidak boleh melupai jasa-jasa Anwar tersebut. Dalam krisis 1987 inilah Dr. Mahathir dapat menilai siapakah sebenarnya kawan-kawannya yang baik dan setia, dan siapakah pula yang berpura-pura sebagai sahabat atau menjadi musuhnya hingga sekarang.

Kalau pada waktu mula melantik Anwar Dr. Mahathir mempunyai kesangsiaan tentang kebolehan dan kemampuan Anwar sebagai pemimpin politik dan menteri yang boleh membantunya dengan memuaskannya maka bila Anwar menunjukkan sokongannya yang kuat pada Mahathir maka tahulah Mahathir yang Anwar setia padanya. Inilah salah satu jasa Anwar kepada Mahathir yang menjadikan

hubungannya dengan Perdana Menteri seperti isi dengan kuku yang sangat tidak disenangi oleh berbagai golongan dalam UMNO sekarang.

Anwar juga sedar sekiranya Dr, Mahathir kalah mempertahankan kerusi Presiden parti pada tahun 1987 dia juga akan turut bersama-sama Mahathir menjadi mangsa politik. Dia dianggap sebagai anak mas Perdana Menteri dan musuh ketat kepada beberapa tokoh UMNO tertentu. Tidak ada peluang bagi Anwar untuk menjadi menteri lagi sekiranya Dr. Mahathir kalah pada tahun 1987. Sungguh besar risiko politik yang diambil oleh Anwar. Tetapi Anwar tidak peduli segala risiko kepadanya oleh kerana dia menganggap kepimpinan Dr. Mahathir masih diperlukan oleh UMNO dan rakyat Malaysia berbilang kaum. Hanya Dr. Mahathir dengan kepimpinannya yang berpandangan jauh serta yang ada visi pembangunan negara yang baik sahaja yang boleh memimpin UMNO untuk mencapai sejarah yang gemilang baginya. Tidak boleh pemimpin lain menggantikan Dr. Mahathir lagi pada waktu itu dan juga hari ini. Tanpa pimpinan Dr. Mahathir, pada pendapat Anwar, maka masa depan UMNO dan bangsa Melayu dan Islam akan menjadi bertambah gelap, dan boleh jadi juga Melayu dan Islam akan hilang kuasa politiknya. Inilah pandangan Datuk Seri Anwar dari mula menjadi menteri kabinet hingga sekarang bila bercakap

tentang kepimpinan Dr. Mahathir. Sebab itulah dia tidak berpaling tadah seperti setengah pemimpin UMNO yang lain.

Orang tua-tua berkata kalau mahu memilih sahabat yang betul tengoklah kelakuan dan pendiriannya bila anda dalam kesusahan. Kalau sahabat itu lari dan tidak membantu anda itu bukanlah sahabat yang sebenar. Tapi kalau sahabat itu membantu dan bersusah payah untuk anda maka itulah sebenarnya seorang sahabat yang jujur dan mulia. Maka sokongan serta perjuangan Anwar membela kepimpinan Dr. Mahathir pada tahun 1987 itu benar-benar membuka mata Dr. Mahathir siapakah sebenarnya sahabatnya yang jujur dan setia dalam perjuangan. Sebab itu Dr. Mahathir ada *soft spot* terhadap Anwar.

Dr. Mahathir bukanlah bodoh dalam memilih pemimpin-pemimpin politik UMNO untuk menjadi pemimpin-pemimpin pelapis. Dia tidak mahu mengisytiharkan dari masa ke masa siapakah pemimpin-pemimpin parti yang patut menjadi barisan kedua dan ketiga. Walaupun Encik Ghafar Baba dipilih oleh Dr. Mahathir menjadi Timbalan Perdana Menteri selepas Datuk Musa Hitam menentang kepimpinan Mahathir pada tahun 1987 banyak kalangan UMNO berpendapat Encik Ghafar tidak dianggap layak menjadi Perdana Menteri menggantikan Dr. Mahathir. Oleh kerana Malaysia sekarang sedang membangun sebagai

sebuah negara industri menurut Wawasan 2020 banyak orang berpendapat bakal Perdana Menteri kelak mestilah seorang tokoh yang betul-betul wibawa, dihormati oleh rakyat Malaysia dan dianggap mempunyai kelulusan universiti serta mempunyai personaliti yang menarik dan kemampuan intelek yang tinggi sebagai pemimpin negara.

Sungguhpun Encik Ghafar seorang pemimpin perintis UMNO, banyak pengalaman politik dan juga kerajaan sejak zaman Tunku hinggalah sekarang tetapi kebanyakan ahli UMNO, dan juga rakyat yang berpendidikan menengah dan tinggi, berat sedikit hendak menerima Encik Ghafar sebagai bakal Perdana Menteri. Rakyat khuatir Encik Ghafar susah hendak merancang dan melaksanakan berbagai dasar negara yang canggih sebagai cabaran kepada perkembangan sains dan teknologi dunia. Banyak orang berpendapat kedudukan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden parti sudah cukup tinggi bagi seorang pejuang veteran seperti Encik Ghafar, dan beliau patut bersyukur kepada Tuhan kerana beliau dapat jawatan yang begitu tinggi walaupun pelajarannya cuma peringkat sekolah rendah saja.

Kalangan korporat dan sebilangan besar ahli-ahli parti menganggap sekiranya Encik Ghafar menjadi Perdana Menteri selepas Dr. Mahathir besar kemungkinan, menurut mereka, beliau tidak

terdaya hendak melaksanakan Wawasan 2020 se-pertimana yang dirancangkan oleh Dr. Mahathir. Ini kerana Wawasaan 2020 itu adalah hasil dari renungan dan falsafah perjuangan Dr. Mahathir yang mahu menjadikan negara Malaysia dan rakyatnya terkenal sebagai negara dan rakyat berjaya progresif dan dinamik dalam konteks pembangunan industri canggih. Apakah Encik Ghafar Baba dapat melaksanakan visi Dr. Mahathir dengan jayanya kalau dia menjadi Perdana Menteri? Banyak orang kurang yakin tentang kemampuannya itu.

Dr. Mahathir juga sedar beliau tidak boleh mengharapkan Timbalan Perdana Menteri melaksanakan visi falsafah politiknya menurut Wawasan 2020 itu walaupun Encik Ghafar selalu menyeru rakyat menghayati wawasan tersebut. Lagi pula umur Encik Ghafar pun sudah lanjut seperti Perdana Menteri juga. Oleh itu Dr. Mahathir perlu mencari seorang tokoh pelapis yang banyak pengalaman dan diuji kemampuan dan kebolehannya untuk menerajui kerajaan dan juga parti. Tokoh tersebut tidak boleh seorang pemimpin yang sudah lanjut umur. Dia juga mestilah seorang yang berani dan mesti setia pada perjuangan Dr. Mahathir. Kalau Dr. Mahathir mahu Wawasan 2020nya itu berjaya dilaksanakan maka beliau mesti memberi peluang kepada tokoh yang dipercayainya untuk menjadi bakal Perdana Menteri kelak.

Ada satu lagi isu besar yang menunjukkan Dr. Mahathir mahu menguji kewibawaan dan kebijaksanaan Anwar Ibrahim menyelesaikan masalah kekebalan raja-raja Melayu. Isu raja-raja ini memang hangat diperkatakan orang dan juga akhbar-akhbar. Perdana Menteri menegaskan bahawa beliau masih mahukan institusi raja itu kekal, dan yang beliau tidak setuju ialah kelakuan setengah raja yang banyak menyalahgunakan kuasa hingga menjejaskan pentadbiran setengah negeri di mana Menteri Besar sangat takut pada raja mereka. Perdana Menteri juga tahu kalau tidak ada lagi institusi raja maka hilanglah maruah Melayu dan identiti bangsa pribumi kita itu.

Untuk berunding dengan raja-raja itu Perdana Menteri menugaskan Encik Ghafar dan Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama-sama beliau berusaha mendapatkan kerjasama raja-raja Melayu. Untuk rundingan selanjutnya dengan raja-raja hanya Encik Ghafar dan Anwar saja yang mengambil bahagian selain dari Peguam Negara. Apakah Perdana Menteri kurang yakin dengan kemampuan Encik Ghafar seorang berunding dengan raja-raja itu? Boleh jadi juga. Tetapi setengah pihak dalam UMNO berkata Dr. Mahathir mahu Anwar ikut sama dalam rundingan itu untuk memberi pengalaman kepada beliau macam mana mahu berunding dengan raja-raja Melayu kelak sekiranya timbul krisis antara kerajaan dengan raja-raja bilamana Anwar menjadi Perdana Menteri nanti. Sungguhpun Encik Ghafar dan Anwar

berasal dari Melaka dan Pulau Pinang di mana tidak ada raja Melayu tetapi, dalam isu kekebalan raja, Dr. Mahathir lebih yakin pada Datuk Seri Anwar untuk membawa penyelesaian yang menguntungkan kerajaan dan rakyat. Sebagai seorang menteri yang patuh dan setia kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab supaya raja-raja Melayu sedar kembali bahawa mereka hanya raja-raja berperlembagaan dan tidak mempunyai kuasa politik untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kemahuan kerajaan dan juga perlembagaan.

Boleh jadi Encik Ghafar tidak suka Anwar juga diberi tanggungjawab bersamanya untuk menyelesaikan isu raja-raja itu. Kalau boleh barangkali Encik Ghafar mahu buktikan kepada Dr. Mahathir yang ia sendiri boleh menyelesaikannya tanpa Anwar Ibrahim terlibat sama. Pada akhirnya Encik Ghafar dan Peguam Negara yang menyelesaikan perkara itu dan Anwar tidak campur lagi setelah beliau diberi peluang berbincang bersama-sama raja-raja dalam pertemuan sebelumnya. Soal siapakah yang berhasil menyelesaikan isu raja tidaklah perlu dipertikaikan. Encik Ghafar juga diberi peranan itu selain Anwar. Kalau Encik Ghafar berjaya menyelesaikannya itu pun bererti dia melakukan itu atas arahan Perdana Menteri juga. Yang patut ditanya mengapakah Anwar juga diberi tanggungjawab untuk berunding bersama Timbalan Perdana Menteri? Apakah kerana



Perdana Menteri kurang yakin tentang kemampuan Encik Ghafar?

Encik Ghafar banyak juga bercakap mengenai isu raja ini mempertahankan pendirian kerajaan. Siapa pun tidak boleh menafikannya. Sungguh pun demikian nampaknya Dr. Mahathir masih lagi mempercayai kepada Datuk Seri Anwar untuk bersamasama dengan Encik Ghafar. Oleh kerana Encik Ghafar sama usia dengan Dr. Mahathir boleh jadi juga beliau dianggap tidak akan terdaya memikul tanggungjawab sebagai Perdana Menteri. Sebagai seorang pemimpin yang banyak idea dan banyak membaca buku-buku pengetahuan berbagai bidang ilmu Dr. Mahathir mungkin juga beranggapan Encik Ghafar hanya layak sebagai timbalan tetapi bukan sebagai Perdana Menteri.

Waktu Tun Hussein Onn mahu melantik Timbalan Perdana Menteri dulu pun nama Encik Ghafar tidak dipertimbangkan oleh Hussein Onn. Antara Naib Presiden beliau hanya menimbangkan dua orang sahaja — iaitu Tengku Razaleigh Hamzah dan Dr. Mahathir Muhamad. Kedua-dua tokoh ini dianggap mempunyai kaliber dan mendapat pendidikan universiti. Dr. Mahathir pun, pada mulanya bila menjadi Perdana Menteri tidak memilih Encik Ghafar sebagai timbalannya. Beliau memilih Datuk Musa Hitam apabila Datuk Musa menang dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1981. Kalau

Dr. Mahathir sungguh-sungguh anggap Encik Ghafar layak menjadi bakal Perdana Menteri mengapa tidak dia meminta Encik Ghafar merebut jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1981? Mengapa Dr. Mahathir menyokong Datuk Musa menentang Tengku Razaleigh Hamzah? Ini patut direnung oleh semua ahli UMNO supaya mereka tidak dikelirukan oleh pihak-pihak tertentu.

Encik Ghafar hanya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri setelah Datuk Musa meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan menentang Dr. Mahathir pada tahun 1987. Oleh kerana tidak ada tokoh lain yang lebih baik dari Encik Ghafar maka Dr. Mahathir terpaksa juga melantik beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dan merangkap Timbalan Presiden UMNO. Jelaslah kepada ahli-ahli UMNO yang Encik Ghafar hanya dianggap sebagai "bidan terjun" setelah Datuk Musa meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri. Dengan kata lain, kalau Dr. Mahathir boleh dapat tokoh UMNO yang sama kaliber dengan Datuk Musa ataupun lebih bagus dari ketua UMNO bahagian Segamat itu tentulah Encik Ghafar tidak dipilih oleh Dr. Mahathir. Orang banyak berkata Encik Ghafar cuma sebagai pengisi kekosongan yang terdesak dan bukanlah kerana ada keistimewaan tertentu. Kata orang tua-tua tak ada rotan akar tua pun berguna.

Oleh kerana peranan Encik Ghafar sebagai pengisi kekosongan yang terdesak jadi dia tidak-

lah dianggap pilihan utama Dr. Mahathir hingga sekarang. Sungguhpun Encik Ghafar lama memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri tetapi berapa kalikah beliau dilantik sebagai Pemangku Perdana Menteri bila Perdana Menteri melawat negara-negara asing? Perdana Menteri pernah ke luar negara lebih dari dua minggu dan tentulah Encik Ghafar dilantik sebagai Pemangku Perdana Menteri tetapi malangnya perkara itu tidak berlaku. Pemimpin-pemimpin UMNO dan korporat berpendapat Perdana Menteri mungkin sangsi tentang kemampuan Encik Ghafar sebagai Pemangku Perdana Menteri dan barangkali juga beliau kwatir Encik Ghafar tidak dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang diinginkannya. Oleh kerana itu Encik Ghafar tidak boleh membuat sesuatu keputusan yang penting untuk negara tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Perdana Menteri.

Apakah keadaan begini akan berlanjutan? Banyak orang berkata sekiranya ada tokoh yang dapat dipercayai Dr. Mahathir untuk mengambilalih kedudukan Encik Ghafar sebagai Timbalan Presiden merangkap Timbalan Perdana Menteri maka Encik Ghafar akan terus di tempat nombor dua hingga ada penggantinya. Dr. Mahathir sudah pun mempunyai calon untuk mengganti Encik Ghafar tetapi beliau masih diberi pendedahan yang seluas-luasnya di bidang pentadbiran negara dan politik supaya

memantapkan lagi kualiti kepimpinannya. Sejak Datuk Seri Anwar diberi kepercayaan oleh Perdana Menteri nampaknya beliau telah membuktikan kemampuannya dari segi idea-idea yang baik dan bernas dan juga banyak membantu Perdana Menteri melaksanakan berbagai dasar negara sesuai dengan semangat Wawasan 2020. Nampaknya sedikit demi sedikit Perdana Menteri memberi lebih banyak dan lebih berat tanggungjawab kepimpinan negara dan parti kepada Datuk Seri Anwar dari Encik Ghafar. Walau bagaimana pun Perdana Menteri tetap menghormati Encik Ghafar sebagai pemimpin veteran walaupun beliau tidak diberi tanggungjawab yang lebih kompleks dan lebih mencabar seperti yang diberikan kepada Datuk Seri Anwar.

Kalangan politik berpendapat sekiranya Datuk Seri Anwar Ibrahim diberi peluang mencabar Encik Ghafar merebut kerusi Timbalan Presiden dalam perhimpunan agung tahun ini banyak orang berkata Datuk Seri Anwar mungkin menang. Ini berdasarkan kepada sokongannya yang kuat di kalangan ahli-ahli UMNO seluruh negara dan juga secara tidak langsung sokongan Perdana Menteri terhadap kepimpinan Anwar selama ini. Banyak orang berkata walaupun mereka menghormati kepimpinan Encik Ghafar sebagai pemimpin parti tetapi parti lebih memerlukan seorang tokoh yang berwibawa dan berpandangan jauh untuk menentukan sejarah politik negara.

Politik UMNO mesti canggih kerana keperluan masyarakat majmuk banyak berubah dari zaman kepimpinan alahyarham Tunku dan Tun Razak. Selera politik orang Melayu dan Bumiputra lain pun sudah banyak berubah, dan mereka juga inginkan perubahan yang menyeluruh dalam kepimpinan parti dan juga kerajaan. Stail politik lima puluhan dan enam puluhan dengan membuat janji-janji yang karut marut, projek-projek ber-billion-billion sudah tidak laku lagi kerana rakyat luar bandar pun sudah celik dan tahu projek-projek begitu tidak mungkin dilaksanakan oleh kerajaan.

Hari ini generasi muda dan golongan veteran yang berpandangan jauh inginkan para pemimpin yang berjiwa dinamik yang sanggup merancang strategi politik dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan sesuai dengan perubahan zaman. Mahu tidak mahu ahli-ahli UMNO, baik yang lama mahupun yang muda, mesti sanggup menghadapi cabaran politik yang berlainan dari masa Tunku atau pun Tun Razak dan Tun Hussein Onn. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, telah meletakkan asas yang kukuh di bidang politik dan ekonomi yang akan membawa era baru industrialisasi yang paling hebat menjelang tahun 2020. Tidak boleh mana-mana tokoh politik UMNO berpaling tadah dari matalamat ini, kerana sekiranya berpaling tadah, bererti kepimpinan Melayu akan menjadi lemah dan bangsa Melayu dan

Bumiputra lainnya akan turut terjejas dalam menghadapi saingan-saingan hebat dari kaum-kaum lain.

Mengapakah Datuk Seri Dr. Mahathir berasa yakin dan senang dengan sikap kepimpinan Anwar? Anwar cepat menanggapi citarasa politik Dr. Mahathir dan, setelah beliau menghayati cita-cita Perdana Menteri dan setelah bertukar-tukar fikiran dengan Perdana Menteri, beliau terus menggerakkan seluruh masyarakat untuk menyokong cadangan Perdana Menteri itu. Beliau mengambil dayautama sendiri tanpa dipaksa-paksa oleh sesiapa pun dan dengan lantang dan tegas Anwar menyebarkan idea-idea Perdana Menteri kepada khalayak ramai. Walaupun lain-lain menteri juga menyebarkan idea-idea Perdana Menteri tetapi sikap dan cara mereka menangani kemahuan Perdana Menteri itu tidaklah dianggap sebaik seperti Anwar.

Anwar sanggup mengambil risiko politik pada dirinya kerana memperjuangkan kepimpinan Dr. Mahathir sejak beliau dilantik menteri oleh Dr. Mahathir hingga sekarang. Beliau tetap *consistent* menyuarakan aspirasi Dr. Mahathir walaupun beliau tahu ada pihak tertentu dalam UMNO tidak begitu senang dengan hubungan baiknya dengan Perdana Menteri serta mengatakan yang dia terlalu ghairah hendak menjadi pengganti Dr. Mahathir kelak. Dr. Mahathir juga sedar ada golongan tertentu dalam parti tidak suka hubungan yang mesra antara beliau dengan Anwar. Tetapi

beliau tidak peduli dengan sikap negatif dari setengah golongan itu. Yang penting kepada Dr. Mahathir beliau mempunyai seorang pemimpin parti yang boleh diamanahkan dengan tugas yang lebih mencabar, dan lebih berat untuk mengambil alih kepimpinan parti dan kerajaan kelak. Oleh itu Anwar juga tidak perlu peduli apa orang lain kata kepadanya. Yang penting beliau mesti terus menerus membuktikan kepada Dr. Mahathir dan juga kepada rakyat Malaysia berbagai kaum yang dia adalah tokoh politik UMNO yang boleh menjamin kelanjutan perjuangan Mahathir melalui Wawasan 2020 itu.

Dengan meletakkan Anwar sebagai Menteri Kewangan menggantikan Tun Daim Zainuddin, sahabat karib Perdana Menteri, menunjukkan Dr. Mahathir yakin tentang potensi dan kewibawaan Anwar. Ada banyak menteri yang lebih lama dalam kabinet dari Anwar yang boleh dipilih oleh Perdana Menteri kalau dia mahu. Tetapi mengapa Perdana Menteri tidak memilih salah seorang dari mereka, dan sebaliknya memilih Anwar Ibrahim pula? Anwar pun bukan seorang ahli perniagaan seperti Tun Daim. Dia pun tidak pernah bekerja dengan mana-mana syarikat, bank atau pun menjadi pegawai tinggi kerajaan di mana dia boleh mendapat pengalaman sedikit sebanyak. Walaupun dia tidak mempunyai sedikit pengalaman di bidang pengurusan kewangan namun Perdana

Menteri tetap memilih Anwar juga.

Secara tidak langsung Dr. Mahathir ingin menunjukkan kepada setengah pemimpin UMNO dan juga golongan korporat bahawa Anwar mempunyai masa depan yang cerah di bawah bimbingan Mahathir. Beliau mahu menunjukkan kepada setengah pemimpin yang Anwar adalah istimewa orangnya, kuat bekerja dan sanggup dan berani menghadapi apa saja rintangan atau halangan untuk mencapai cita-cita Mahathir. Mahathir memang suka pemimpin-pemimpin yang bercita-cita tinggi, yang banyak idea dan berani mengambil risiko politik untuk membela aspirasi beliau.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa Anwar sudah berjaya menangani berbagai masalah kewangan negara dan dengan bijaksana mengawal inflasi dengan melaksanakan berbagai dasar untuk menggesa rakyat berjimat-cermat dalam perbelanjaan, dan banyakkkan simpanan. Sebagai orang baru di kementerian ini beberapa dasar yang dilaksanakan itu membayangkan Anwar boleh mengendalikan Kementerian Kewangan, satu kementerian yang penting, dengan baik dan lebih dari memuaskan hati rakyat dan juga Perdana Menteri. Inilah yang meyakinkan Dr. Mahathir lagi bahawa beliau tidak kecewa melantik Anwar Ibrahim sebagai menteri kabinet kerana dia tahu Anwar Ibrahim mempunyai watak dan kegigihan berjuang seperti dirinya juga. Inilah yang tidak ada pada pemimpin-pemimpin yang lain.





Dulu banyak orang sangsi tentang kemampuan Anwar sebagai Menteri Kewangan. Sejak beliau berjaya merancang strategi kewangan negara dengan baik yang prihatin terhadap golongan miskin dan kurang berada barulah rakyat sedar bahawa Anwar Ibrahim benar-benar seorang tokoh yang peka terhadap golongan miskin sesuai dengan ajaran Islam untuk membantu saudara-saudara yang dhalif.

# 7

## TOKOH POLITIK YANG KONTROVERSIAL?

SEJAK ANWAR IBRAHIM menjadi menteri dalam kabinet Dr. Mahathir dan menjadi seorang tokoh politik yang paling terkemuka maka timbul pula berbagai kecaman yang negatif terhadap kewibawaannya. Berbagai pihak yang tidak senang melihat bintang Anwar menjadi semakin terang menabur berbagai fitnah di kalangan ahli-ahli UMNO terutama sekali dengan membuat berbagai tuduhan liar dengan harapan Anwar malap dalam politik. Ada juga dari kalangan UMNO veteran tidak suka melihat pemimpin muda dalam kabinet Mahathir lebih popular darinya kerana dia berasa takut dengan bayang-bayang sendiri tentang keaburan masa depan kepimpinannya. Sikap negatif terhadap Anwar menjadikannya seorang tokoh politik yang kontroversial,

dan sudah tentu ini bukanlah kemahuan Anwar sendiri.

Sudah menjadi lumrah alam bahawa seorang pemimpin yang mahu memberi sumbangan yang besar kepada parti dan kerajaan dianggap mahu menggelapkan masa depan rakan-rakan dalam parti dan kerajaan yang tidak begitu menonjol sumbangan mereka. Kalau boleh biarlah Anwar seperti mereka juga — menjaga kedudukan dalam kabinet dan parti, tidak mahu bersusah payah untuk merancang strategi yang baik dan berkesan untuk masa depan bangsa, agama dan negara, dan sangat takut pada perubahan. Kalau boleh biarlah Perdana Menteri seorang sahaja yang memikirkan masa depan negara, bangsa dan agama.

Tetapi Anwar Ibrahim, sebagai orang perjuangan, tidak boleh mengambil sikap seperti golongan yang takut pada perubahan itu. Sebagai pemimpin politik yang bertanggungjawab terhadap masa depan bangsa, agama dan negara Malaysia beliau mesti bekerja keras dan berusaha supaya masa depan bangsa, agama dan negara menjadi bertambah baik dan bergemilang. Beliau mesti membuktikan kepada Perdana Menteri bahawa beliau mempunyai kemampuan dan serius untuk melaksanakan dasar kerajaan Mahathir. Selain dari itu beliau juga mesti membuktikan kepada ahli-ahli UMNO dan rakyat bahawa beliau benar-benar berabdi untuk rakyat oleh kerana

rakyat telah memberikan mandat kepada Barisan Nasional.

Oleh kerana beliau dianggap sebagai anak mas Perdana menteri kerana Perdana Menteri melantik Anwar terus sebagai menteri penuh dan kini memberi jawatan sebagai Menteri Kewangan pula maka hal ini tidak menyenangkan beberapa orang tokoh parti tertentu. Mereka berpendapat kalau Perdana Menteri memberi kepercayaan yang besar kepada Anwar berti kedudukan mereka dalam hirarki UMNO akan tergugat kelak. Jawatan Menteri Kewangan yang disandang Anwar adalah jawatan menteri kanan, dan kementerian ini sangat penting di antara berbagai kementerian yang lain. Siapa saja yang menjadi Menteri Kewangan mempunyai kuasa politik yang penting, dan selalunya orang yang menjadi Menteri Kewangan adalah orang yang sangat dipercayai oleh Perdana Menteri. Zaman Tunku Tun Tan Siew Sin menjadi Menteri Kewangan dan beliau amat rapat dengan Tunku. Waktu Tun Razak pula yang menjadi Menteri Kewangan ialah Tengku Razaleigh Hamzah dan begitu juga di zaman Tun Hussein Onn. Bila Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri beliau menggantikan Tengku Razaleigh dengan Daim Zainuddin dan selepas itu Datuk Seri Anwar pula menggantikan Tun Daim Zainuddin.

Sepertimana yang dinyatakan sebelum ini golongan yang tidak mahu UMNO mempunyai perubahan sikap yang lebih maju sudah tentu tidak suka

melihat ketampilan Anwar sebagai pemimpin muda yang karismatik. Anwar ada karisma yang menarik perhatian orang ramai, yang membuat orang ramai suka kepadanya. Beliau juga seorang pemidato yang memukau selain dari perjuangannya yang berlandaskan Islam. Walaupun ada pemimpin UMNO lain yang mahu bercakap tentang perjuangan Islam namun ahli-ahli UMNO dan rakyat tidak begitu tertarik dengan tokoh-tokoh tersebut. Masalahnya mereka yang cuba mencari modal dari perjuangan Islam tidak pun mempunyai rekod kepimpinan dalam pergerakan Islam seperti Anwar. Dengan demikian *credibility* mereka sebagai pejuang Islam dipertikaikan rakyat. Misalnya kalau Encik Ghafar bercakap mengenai perjuangan Islam dan beliau sebagai pejuang Islam barangkali susah kebanyakan ahli UMNO hendak menerimanya oleh kerana Encik Ghafar tidak dikenali sebagai pemimpin gerakan Islam sebelum menjadi Timbalan Perdana Menteri. Tetapi kalau Anwar bercakap tentang perjuangan Islam dan dirinya sebagai pejuang Islam maka orang ramai mengakui pendiriannya itu kerana beliau terkenal sebagai pemimpin ABIM sebelum menjadi menteri kabinet.

Tetapi mereka yang tidak senang dengan perjuangan politik Anwar tentulah berkata Anwar memeralatkan Islam untuk mencari popularitinya dalam parti dan juga di kalangan rakyat. Tapi apakah seorang pemimpin yang pernah berjuang dalam gerakan belia Islam dan ditahan di bawah ISA kerana

berjuang untuk membela rakyat lapar sebelum menjadi menteri kabinet dianggap memperalatkan Islam juga? Bukankah Islam menyeru kepada perjuangan untuk mendapatkan keadilan, membasmi kemiskinan dan mencari keredhaan Allah? Kalau Anwar selalu bercakap mengenai Islam dalam ucapan-ucapannya itu bukanlah bermakna yang dia memperalatkan Islam untuk kepentingan politiknya. Perjuangan Islam yang dipikulnya sudah ada dalam dadanya sejak di kampus lagi hinggalah sekarang. Dari dulu hingga sekarang beliau tidak pernah menyimpang dari perjuangan Islam walaupun beliau mengalami berbagai cabaran dan gugatan untuk mempertahankan keyakinannya itu.

Memang betul di zaman Tunku, Tun Razak dan Tun Hussein Onn penerapan nilai-nilai Islam itu tidaklah sehebat sekarang — zaman Dr. Mahathir. Oleh itu kurang sekali peranan dan tanggungjawab politik yang dimainkan oleh pejuang-pejuang Islam dan juga alim ulama. Walaupun Tan Seri Wan Mokhtar Ahmad, selaku ulama, dilantik sebagai Menteri Besar Terengganu dan pernah menjadi salah seorang Naib Presiden UMNO namun peranan beliau dalam perancangan penerapan nilai-nilai Islam ataupun sebagai pencetus pemikiran Islam yang dapat diterapkan oleh kerajaan di masa lampau boleh dikatakan tidak ada ataupun, kalau ada pun, boleh jadi tidak dapat perhatian Perdana Menteri di masa dulu. Baik Tunku, Tun Razak mahu pun Tun Hussein Onn

mereka lebih mementingkan semangat kebangsaan Melayu sebagai kekuatan politik UMNO oleh kerana nasionalisma inilah yang memberi kemenangan kepada UMNO sejak pilihan raya tahun 1957. Hanya setelah berlaku konflik kaum yang mengorbankan ratusan nyawa pada tahun 1969 maka barulah ada usaha untuk mengadakan kerjasama antara UMNO dengan PAS dalam wadah Barisan Nasional. Kemasukan PAS dalam Barisan Nasional lebih merupakan sebagai usaha untuk memperkuatkan barisan Melayu nasionalis dengan Melayu yang berjuang atas kekuatan Islam untuk menghadapi cabaran dari bukan Islam.

Dr. Mahathir, selaku Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO, berpendapat UMNO tidak boleh *survive* hanya berjuang atas landasan kebangsaan Melayu. Beliau berpendapat oleh kerana orang Melayu semuanya beragama Islam maka wajarlah UMNO juga menjadikan Islam sebagai sumber kekuatan politiknya. Walaupun sekarang ini bukan Islam Bumiputra boleh menjadi ahli UMNO namun prinsip perjuangan UMNO hingga sekarang masih berpegang kepada nasionalisma Melayu dan Islam sebagai akar tunjang perjuangannya. Atas prinsip perjuangan inilah yang memungkinkan tokoh seperti Anwar Ibrahim diterima sebagai pemimpin yang berkualiti dalam UMNO dan terus diangkat sebagai menteri oleh Dr. Mahathir. Atas prinsip inilah juga yang membolehkan tokoh-tokoh seperti Datuk Dr.

Yusof Nor dan Datuk Dr Hamid Othman diterima dalam kabinet Mahathir dan diberikan jawatan penting pula. Wujudnya Pusat Islam sebagai bahagian yang penting dalam Jabatan Perdana Menteri membuktikan bahawa Dr. Mahathir amat mengambil berat soal penerapan nilai-nilai Islam di samping menyebarkan daqwah Islamiah di seluruh pelusuk negara. Selain dari itu kerajaan juga membina ber-puluh-puluh sekolah agama yang berasrama penuh untuk menampung para pelajar Islam di mana kerajaan telah membuka peluang yang banyak dalam pentadbiran negara dan iktisas bagi mereka yang berpendidikan dari sekolah agama.

Kalau orang berkata Anwar Ibrahim memperalatkan Islam untuk tujuan politiknya apa pula tuduhan mereka terhadap Dr. Mahathir yang dengan jelas melaksanakan berbagai projek seperti Bank Islam, pembinaan sekolah-sekolah agama dan maktab, Universiti Islam Antarabangsa, pengwujudan mahkamah syariah yang lebih luas kuasanya, koordinasi berbagai kegiatan Islam melalui Pusat Islam dan lain-lain lagi yang tidak pernah dimimpikan sebelum ini? Apakah ini pun dianggap memperalatkan Islam juga?

Sebagai seorang pemimpin politik yang berjiwa Islam Anwar banyak membantu Perdana Menteri dalam merealisasikan penerapan nilai-nilai Islam itu. Sejak Anwar menjadi Menteri Pendidikan banyak sekolah-sekolah asrama penuh



didirikan. Sukatan pelajaran yang khusus untuk sekolah-sekolah agama dikeluarkan supaya mutu pendidikan di sekolah agama ini sama taraf dengan sekolah-sekolah kebangsaan lainnya. Malah dengan adanya mata pelajaran bahasa Arab dan agama Islam yang jadi mata pelajaran utama di samping mata-mata pelajaran lainnya sangat besar ertinya pada pembelajaran dunia dan akhirat. Ini dilakukan di zaman Anwar supaya anak-anak Melayu dan Islam lainnya mendapat faedah yang besar dari aliran agama ini. Ini adalah usaha yang baik yang patut dipuji, dan bukanlah Anwar jadinya sebagai modal politiknya. Ini adalah dasar kerajaan pimpinan Dr. Mahathir sekarang dan setiap langkah dan usaha di bidang pemu-pukan Islam patutlah disokong oleh ahli-ahli UMNO dan rakyat Malaysia amnya.

Ada juga setengah golongan yang anti Anwar membuat tuduhan bahawa Anwar mahu "mengabim-kan" UMNO. Kononnya oleh kerana Anwar pernah menjadi pemimpin ABIM maka beliau sekarang mahu meletakkan orang-orang ABIM yang menjadi penyokong kuat Anwar di berbagai tempat dalam pentadbiran kerajaan, badan-badan berkanun dan juga dalam bidang korporat. Soalnya apakah perkara ini salah dari segi undang-undang ataupun apakah salah bagi Anwar atau siapa saja pemimpin politik memilih penyokong-penyokongnya untuk mengisi berbagai kekosongan dalam pentadbiran, badan berkanun dan

korporat? Ini adalah amalan umum di mana saja bukan saja di Malaysia tetapi juga dalam politik Britain dan Amerika juga di Jepun. Yang lebih penting dan patut disoal apakah Encik Ghafar, Datuk Abdullah Badawi, Datuk Sanusi Junid dan pemimpin-pemimpin lain, termasuk Perdana Menteri sendiri, tidak meletakkan orang-orang kepercayaan mereka di berbagai jawatan dalam kerajaan, badan berkanun dan sebagainya? Kepada rakyat yang penting ialah mereka mendapat faedah dan negara menjadi semakin maju serta keamanan terjamin untuk semua kaum. Kalau betul kebanyakan orang ABIM mendapat kedudukan yang baik dalam pentadbiran negara, badan berkanun dan korporat maka itu adalah satu hal yang baik memandangkan mereka adalah belia Islam yang seharusnya kuat berpegang pada prinsip Islam. Besar kemungkinan penyelewengan yang berleluasa tidak akan berlaku kelak.

Janganlah menjadikan isu orang ABIM mendapat kedudukan penting dalam kerajaan sebagai suatu isu untuk menjatuhkan Anwar Ibrahim. Golongan-golongan yang anti Anwar sepatutnya berterima kasih kerana dengan adanya Anwar sebagai menteri kabinet merangkap sebagai Naib Presiden UMNO maka beliau berjaya membawa banyak pejuang-pejuang Islam ke dalam kerajaan dan UMNO. Bagaimanakah penerapan nilai-nilai Islam dapat dilaksanakan dalam pentadbiran kerajaan, perbadanan dan juga korporat kalau tidak ada ketua-ketua atau

pemimpin berjiwa Islam dalam badan-badan tersebut? Ini adalah satu rahmat. Malah pemimpin-pemimpin lain dalam UMNO dan kabinet pun boleh meletakkan orang-orang mereka yang berjiwa Islam dalam pentadbiran negara kalau mereka benar-benar cintakan perjuangan Islam. Dengan menempatkan mereka yang berjiwa Islam dalam berbagai kementerian dan jabatan kerajaan, perbadanan dan juga korporat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim maka dapatlah lagi melicinkan perjalanan pentadbiran dengan suatu etika kerja yang baik iaitu berasaskan Islam. Inilah tujuan beliau sebenarnya tetapi sengaja disalahmengertikan oleh setengah golongan dalam parti dan kerajaan yang tidak mahu beliau lebih terkemuka dan lebih popular dari mereka.

Kebimbangan golongan-golongan tertentu dalam UMNO terhadap ketokohan dan ketonjolan Anwar dalam parti dan kerajaan wujud kerana mereka tidak mempunyai strategi politik yang canggih untuk membina kepimpinan mereka. Kebanyakan dari mereka ada badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan tertentu yang dinaungi mereka. Malangnya, kerana pengurusan pentadbiran dan organisasi yang tidak mantap, serta tidak mempunyai penyokong-penyokong yang gigih dan berwibawa, maka mereka masih berasa waswas tentang sokongan dari berbagai pertubuhan dan badan yang mereka naungi itu. Tetapi para penyokong Anwar yang kebanyakannya terdiri dari

ahli-ahli ABIM sudah dibajai jiwa mereka dengan perjuangan Islam dan mereka inilah yang bergerak cergas dalam jentera kerajaan, badan-badan berkanun dan juga korporat untuk menyebarkan pengaruh ketokohan Datuk Seri Anwar. Mereka lebih gigih memperjuangkan cita-cita politik Anwar dari orang-orang Encik Ghafar yang kononnya memperjuangkan kepentingannya.

Kebanyakan penyokong-penyokong Anwar terdiri dari golongan terpelajar, cendekiawan dan juga kalangan korporat yang bukan saja kagum dengan perjuangan Anwar tetapi mereka juga mahu melihat Anwar mendapat kedudukan yang lebih penting dalam kerajaan dan juga dalam UMNO. Mereka yakin Anwar boleh membawa perubahan yang lebih besar lagi untuk menjaga kepentingan negara, Islam dan bangsa Melayu. Di bawah bimbingan Perdana Menteri sekarang mereka yakin Anwar akan mendapat pengalaman yang mendalam dan luas dalam bidang pentadbiran negara dan juga UMNO. Oleh itu tidaklah perlu terkejut kalau orang-orang Anwar ada di mana-mana untuk meneruskan perjuangan pemimpin mereka yang dikagumi itu. Memandangkan kedudukan Anwar sebagai Menteri Kewangan yang sangat berkuasa dari lain-lain kementerian kecuali Jabatan Perdana Menteri maka ini menjadikan kedudukan Anwar dalam kerajaan dan UMNO semakin teguh dan sangat dicemburui oleh golongan-golongan tertentu. Akibatnya Anwar dilempar berbagai tuduhan

dan fitnah oleh golongan-golongan yang irihati ini oleh kerana mereka sedar bahawa mereka tidak mampu untuk menggelapkan ketokohan Anwar sebagai tokoh politik yang dihormati dan yang mempunyai masa depan yang cerah pada masa ini dan juga masa akan datang.

Kehebatan Anwar sebagai pemimpin bukan saja dikagumi oleh para penyokongnya dalam UMNO dan di luar UMNO tetapi juga di pentas antarabangsa terutama sekali di kalangan negara-negara Islam. Ini diperolehi Anwar bukan sewaktu menjadi menteri kabinet tetapi sudah dibina olehnya sejak memimpin ABIM lagi. Oleh hal yang demikian ia telah memupuk hubungan yang baik dengan pemimpin-pemimpin Islam di luar Malaysia dan ini menambah keyakinan kepadanya bila menjadi tokoh penting dalam perjuangan UMNO pula. Malangnya pemimpin-pemimpin UMNO seperti Encik Ghafar, Datuk Abdullah Badawi dan Datuk Sanusi Junid hanya terdedah pada pentas antarabangsa setelah menjadi menteri kabinet. Ini menunjukkan Anwar lebih berwibawa dan lebih berpengaruh dari tokoh-tokoh tersebut di peringkat antarabangsa. Lebih-lebih lagi sekarang ini Perdana Menteri sendiri menggalakkan penerokaan bisnes yang bersifat *global* supaya mengharumkan nama Malaysia sebagai negara yang progresif, dinamik dan berpandangan jauh. Dengan mempunyai pengalaman yang luas di bidang antarabangsa sejak zaman kepimpinan ABIM dan dengan kedudukannya sebagai

Menteri Kewangan sekarang maka peranan yang dimainkan oleh Anwar adalah lebih besar dan lebih penting lagi dari tokoh-tokoh politik yang lain kecuali Perdana Menteri. Ini menyebabkan Anwar dicemburui.

Mengapa mesti pemimpin-pemimpin tertentu mencemburui kemampuan dan kebolehan Anwar? Sebenarnya siapa saja boleh menjadi pemimpin yang disegani dan berkaliber sekiranya mereka banyak menyumbangkan idea, sanggup berkorban dan bijak berpolitik, jujur dan ikhlas untuk menjadi pemimpin rakyat dan negara. UMNO membuka pintunya seluas-luasnya untuk setiap ahli membuktikan kemampuan dan kebolehan masing-masing. Mereka mesti buktikan kepada rakyat dan juga ahli-ahli parti yang mereka itu ada kebolehan yang luarbiasa sebagai pemimpin. Kalau pemimpin juga mahu dipimpin dan tidak mempunyai idea-idea yang bemas untuk dijadikan sumber kekuatan dalam kepimpinan bagaimana-kah ahli-ahli parti mahu menyokong mereka mendapatkan kedudukan yang lebih penting dalam hirarki parti?

Kata peribahasa Melayu kalau takut bermain ombak jangan berumah di tepi pantai. Sebagai pemimpin yang berjiwa besar dan berpandangan jauh dia harus berani menghadapi segala risiko dalam perjuangannya. Anwar membuktikannya sebelum menjadi menteri kabinet lagi. Beliau sanggup ditahan di bawah ISA kerana cintanya kepada rakyat yang

termiskin. Walaupun itu satu pengorbanan yang besar dan membawa penderitaan pada diri Anwar namun beliau tidak menyesal ditahan. Hari ini rakyat dan ahli-ahli UMNO boleh menguji kesetiiaannya dalam perjuangan kerana dia sudah ada rekod sebagai pejuang yang gigih dan *consistent*. Orang-orang lain tidak ada pengalaman seperti Anwar. Di samping itu Anwar juga menyuarakan perjuangan Islam di forum antarabangsa di zaman ABIM untuk menyedarkan ummah tentang kebangkitan Islam. Tidak ada pemimpin UMNO yang setaraf dengan Anwar menyuarakan perjuangan Islam di dunia antarabangsa sewaktu menjadi pemimpin belia sebelum memasuki dunia politik. Memang Anwar juga mengambil risiko politik dalam perjuangan Islam di luar negara sebagai pemimpin ABIM kerana sedikit sebanyaknya beliau tegur juga tindak-tanduk kerajaan Malaysia di waktu itu tentang "kelemahannya" dalam menerapkan nilai-nilai Islam di bidang pentadbiran negara dan juga di kalangan masyarakat.

Sebagai orang perjuangan yang yakin dengan iqtiqatnya untuk menunaikan cita-cita Islam maka Anwar tidak boleh menjadi penonton yang beku melihat perubahan yang terlalu lambat untuk menerapkan nilai-nilai Islam. Beliau mesti tampil ke depan membantu Perdana Menteri melaksanakan dasar dan nilai-nilai Islam itu secara menyeluruh melalui idea-idea, projek-projek dan juga dasar pendidikan dan lain-lain agar rakyat turut sama membantu

menjayakan matalamat kerajaan tersebut. Sebagai orang perjuangan Anwar terdedah pada perhatian orang ramai, dan beliau selalu mendapat jemputan dari berbagai institusi, pertubuhan dan badan-badan kerajaan dan juga swasta untuk memberi ucapan sebagai tetamu dan meluahkan buah fikirannya. Ini juga menjadi bahan kritik setengah golongan kerana mereka tidak diberi sambutan yang begitu hebat seperti Anwar. Soalnya bukan Anwar yang mendesak pihak-pihak tertentu mengundangnya untuk memberi ucapan. Mengapa pula Anwar disalahkan dan dilempar berbagai tuduhan yang bukan-bukan? Barangkali Anwar mempunyai tarikan karisma yang mungkin tidak ada pada tokoh-tokoh tertentu dalam parti barangkali. Oleh kerana Anwar seorang tokoh politik yang paling popular hari ini selain Perdana Menteri ada golongan dalam parti yang menganggap Anwar memperalatkan media-massa untuk menonjolkan ketokohnya sehingga beliau menjadi lebih terkenal dan lebih luas pendedahan dalam media cetak dan media elektronik dari menteri-menteri yang lain kecuali Perdana Menteri. Mereka mengatakan pembelian saham NST dan TV3 yang bernilai RM800 juta dari Renong itu adalah atas dayausaha Anwar yang bertujuan untuk kontrol media-massa supaya menjadi corongnya. Kononnya empat eksekutif NST yang menjadi tuanpunya syarikat MRCB yang kini kontrol NST dan TV3 itu sangat terhutang budi kepada Anwar yang kononnya membantu mereka



dari belakang. Itulah, kata mereka, mengapa banyak sangat terdapat berita-berita dan laporan-laporan tentang Anwar dalam NST dan TV3. Di Utusan Melayu pula Anwar meletakkan orangnya untuk menjaga kepentingan politiknya.

Kalau media-massa lebih memberi perhatian kepada Perdana Menteri dan Anwar ini adalah kerana kedua-dua tokoh tersebut dianggap banyak menyumbangkan idea-idea dan buah fikiran yang bemas untuk dijadikan bahan berita atau pun laporan. Lagi pula media-massa memanglah menjadi alat kerajaan oleh kerana ada pihak yang memegang amanah UMNO dalam Kumpulan NST, Utusan Melayu dan TV3. RTM kepunyaan kerajaan tentulah lebih banyak memberi liputan kepada kegiatan-kegiatan dan dasar kerajaan. Walaupun sekarang ini sebahagian besar saham NST dan TV3 dipegang oleh empat orang eksekutif NST mereka juga memegang amanah untuk UMNO di samping menjadi jutawan segera. Dengan demikian media-massa yang dikontrol oleh orang-orang pro UMNO tentulah akan menjaga kepentingan parti juga dan tokoh-tokohnya yang banyak mencorak sejarah parti dan kerajaan melalui kepimpinan mereka. Kalau ada setengah pemimpin UMNO tidak mendapat tempat selalu dalam media cetak dan media elektronik boleh jadi mereka tidak banyak menyumbangkan idea-idea yang baik atau menjalankan projek-projek yang biasa saja. Sekiranya tokoh-tokoh politik kita banyak menyumbangkan

buah fikiran yang baik hingga menarik perhatian orang ramai sudah tentulah mereka mendapat liputan yang baik dalam media-massa. Memang tidaklah wajar media-massa terlalu banyak memberi pendedahan kepada seseorang tokoh kerana pendedahan media yang keterlaluan boleh pula menimbulkan reaksi negatif dari orang ramai. Oleh itu para pemimpin politik tanahair harus berhati-hati supaya tidak jadi *over-exposure* yang boleh merugikan mereka kelak.

Anwar dianggap pemimpin politik yang banyak menimbulkan kontroversi oleh pihak-pihak tertentu oleh kerana dia dianggap sebagai orang baru dalam politik UMNO yang dengan cepat sekali menonjol ke atas hingga ada pemimpin UMNO veteran terkuak ke tepi. Golongan veteran dan pihak-pihak lain yang tidak senang dengan populariti Anwar mahu supaya Anwar tidak cepat naik dalam hirarki parti, dan patut memberi ketutamaan kepada pemimpin-pemimpin veteran dan abang-abang lain dalam UMNO untuk menerajui parti dan juga kerajaan. Mereka tidak mengambil kira apakah mereka itu popular atau tidak dalam UMNO. Yang diutamakan mereka ialah *seniority* atau "ketuaan" mereka dalam UMNO apakah "ketuaan" itu membawa perubahan atau sebaliknya kepada parti tidak dijadikan ukuran. Golongan-golongan ini lupa yang majoriti ahli UMNO mahukan perubahan dalam kepimpinan

parti. Mereka sudah bosan dengan pemimpin-pemimpin yang menyanyikan lagu-lagu lama yang sudah basi. Kebanyakan ahli mahu tokoh-tokoh pemimpin yang dapat membawa UMNO menghadapi cabaran dalam abad kedua puluh satu. Oleh itu pemimpin-pemimpin parti yang berjiwa kerdil, yang mempunyai perasaan rendah diri, yang tidak mempunyai kemampuan intelek untuk bersaing dengan bukan Melayu dan bangsa-bangsa asing tentulah tidak dapat hendak membawa UMNO ke mercu kegemilangannya sekiranya mereka menerajui UMNO selepas Dr. Mahathir. Kalau kebanyakan ahli UMNO menganggap Anwar layak memimpin UMNO selepas Dr. Mahathir maka itu adalah manifestasi dari penghargaan ahli-ahli parti terhadap kewibawaan dan kemampuan Anwar sebagai tokoh yang berkaliber. Bukanlah salah Anwar sekiranya majoriti cawangan dan bahagian memilihnya sebagai tokoh politik untuk mendapat kedudukan yang lebih tinggi dan penting dalam parti dan kerajaan kelak. Anwar juga tidak boleh disalahkan sekiranya Dr. Mahathir mempunyai keyakinan terhadap kepimpinan Anwar dan oleh itu memberi peluang yang lebih luas kepada Anwar untuk membuktikan kemampuannya di bidang pengurusan dan kewangan negara.

Ada juga orang menuduh Anwar sanggup berkawan dengan tauke judi untuk menjaga

kepentingan politiknya seolah-olah tauke judilah yang menentukan nasib beliau bukan ahli-ahli UMNO. Tauke judi yang dimaksudkan oleh mereka yang anti Anwar ialah Vincent Tan yang memiliki saham dalam Sports Toto. Tentulah tidak masuk akal mengaitkan Vincent Tan dengan Anwar Ibrahim seolah-olah Vincent Tan menjadi *financier* Anwar. Vincent Tan mempunyai berbagai jenis bisnes seperti tekstil, hotel dan resorts, hartanah, perkilangan, bisnes kelab golf, kelab menunggang kuda di samping Sports Toto. Dia juga sahabat baik dengan Perdana Menteri dan menjalankan berbagai projek pembangunan di Langkawi, Pulau Redang, Pulau Tioman dan lain-lain tempat. Dengan kata lain, Vincent Tan tidak semata-mata mencari keuntungan dari Sports Toto sahaja tetapi juga mendapat keuntungan beratus juta ringgit dari berbagai projek yang disebutkan di atas. Semua orang tahu bahawa Vincent Tan seorang *businessman* jutawan. Dia juga seorang dermawan yang terkemuka dan jumlah dermanya untuk berbagai institusi dan orang perseorangan berjumlah berjuta-juta ringgit sejak beliau menjadi jutawan dan dermawan.

Soalnya apakah salah kalau Datuk Seri Anwar berkenalan dengan Vincent Tan seorang tokoh korporat yang terkemuka di tanahair? Apakah Menteri Kewangan tidak boleh berkenalan dengan tokoh-tokoh korporat? Tentulah tidak wajar dan

pelek kalau Menteri Kewangan tidak mahu berkenalan dengan tokoh-tokoh korporat. Bukankah tokoh-tokoh korporat dari berbagai bangsa, dan termasuk juga mereka yang bukan warganegara Malaysia, yang menjadi nadi dalam pembangunan industri di tanahair kita? Menteri Kewangan dan juga menteri-menteri yang lain mesti memahami dan selalu bertukar-tukar fikiran dan pendapat dengan berbagai jenis korporat untuk membuat berbagai kajian dan strategi mengenai kementerian masing-masing. Mereka tidak boleh menjadi musuh golongan korporat kerana itu bertentangan dengan dasar Wawasan 2020 yang mahu menjadikan Malaysia negara industri berat yang terkemuka kelak. Perdana Menteri sendiri menggalakkan dialog dan kerjasama yang erat dengan kumpulan ini.

Soalnya Anwar Ibrahim sebagai Menteri Kewangan mengenali beratus-ratus orang korporat dan usahawan. Mengapa nama Vincent Tan saja yang dijadikan bahan momokan terhadap Anwar seolah-olah Anwar mempunyai kepentingan tertentu dengan taikun itu? Tapi Anwar sedar tujuan pengkritik-pengkritiknya yang mahu mengaitkan bisnis judi Vincent Tan dengan sikapnya sebagai seorang pejuang Islam. Kalau soal judi itu mahu dijadikan isu politik untuk mendiskreditkan Anwar mengapa tidak jadikan isu judi kasino Genting dengan bapa mertua Tun Razak, Tan Seri

Noah, yang pernah menjadi salah seorang pengarah syarikat Genting Berhad? Di masa Tunku juga ada loteri kebajikan masyarakat yang mengeluarkan derma berjuta-juta ringgit untuk berbagai projek dalam masyarakat. Itu juga judi. Vincent Tan juga menjalankan perjudian sebagai salah satu projek bisnesnya seperti juga dengan taikun Cina yang lain yang menjalankan perjudian Empat Ekor dan Kelab Lumba Kuda. Mengapa pula dikaitkan dengan Anwar yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan bisnes dalam apa-apa syarikat Vincent Tan apa lagi Sports Toto. Sebagai pemimpin politik nasional dan Menteri Kewangan adalah menjadi tanggungjawab Anwar mengenali dan bertukar-tukar fikiran dengan semua golongan masyarakat termasuk golongan korporat. Vincent Tan hanya seorang dari ratusan tokoh-tokoh korporat yang mendampingi Anwar. Vincent Tan tidak mempengaruhi Anwar dalam kerjaya politiknya. Anwar juga tidak campurtangan dalam urusan bisnes Vincent Tan. Sepertiimana yang tersurat dalam Surah Alkafirun yang mengatakan kau dengan agama kau, dan aku dengan agama aku maka demikianlah hubungan Anwar dengan Vincent Tan.

Vincent Tan juga bersahabat baik dengan Perdana Menteri dan juga Tun Daim Zainuddin. Apakah Perdana Menteri juga tidak boleh bersahabat dengan taikun-taikun rakyat Malaysia seolah-olah

semua taikun jahat dan putar alam? Nabi Muhammad s. a. w juga pernah bersahabat dengan orang Yahudi tetapi baginda tidak pula menjadi pengikut agama Yahudi. Pokok pangkal pada diri sendiri dan tidaklah adil melemparkan tuduhan kepada Perdana Menteri atau Anwar mengatakan seolah-olah mereka bersubahat dengan tauke judi. Sebagai seorang tokoh korporat Vincent Tan, seperti juga usahawan-usahawan lainnya termasuk Bumiputra, akan berusaha mendampingi dengan menteri-menteri tertentu. Ini bukan rahsia umum. Tetapi tidak semua orang boleh begitu rapat dengan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Vincent Tan juga tahu batas dalam perhubungannya itu kerana dia juga sedar dan menghormati *sensivity* orang Melayu yang beragama Islam mengenai perjudian.

Ada juga orang melemparkan fitnah bahawa Anwar begitu rapat dengan Vincent Tan hingga menjadi ahli kelab menunggang kuda di Bukit Kiara. Kononnya Anwar mendapat layanan yang istimewa di kelab ini dan itulah yang menyebabkan Anwar terhutang budi kepada taikun tersebut. Ini dongeng yang ditaburkan oleh mereka yang tidak suka pada Anwar. Memang betul Anwar jadikan menunggang kuda sebagai riadahnya. Kebetulan kelab menunggang kuda di Bukit Kiara itu paling dekat dengan rumahnya dan kebetulan pula Vincent Tan memiliki kelab tersebut. Siapa saja boleh menjadi ahli di kelab itu.

Perdana Menteri juga suka menunggang kuda dan pernah ke sana juga. Kalau Encik Ghafar mahu belajar menunggang kuda beliau juga boleh jadi ahli di Bukit Kiara. Keahlian terbuka kepada sesiapa juga yang berminat — menteri, pegawai kerajaan, usahawan mahupun orang Arqam. Walaupun Anwar menunggang kuda di situ tidaklah dia menunggang bersama Vincent Tan kerana taikun tersebut dikatakan tidak gemar menunggang kuda. Oleh itu tidaklah adil melemparkan fitnah terhadap Anwar hanya kerana dia menjadi ahli kelab Bukit Kiara kepunyaan taikun Vincent Tan.

Sebagai seorang tokoh politik intelektual Anwar selalu mendapat perhatian orang ramai dan menerima jemputan untuk berucap dalam berbagai seminar, perjumpaan dari berbagai pertubuhan. Kalau dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin lain mutu ucapan dan buah fikiran yang diberikan oleh Anwar adalah lebih menarik perhatian orang ramai. Ini bakat semulajadi pada Anwar yang menjadikannya lebih terkenal dan lebih popular dari setengah orang. Dia bukan saja boleh menyesuaikan isi ucapannya menurut penonton yang di depannya tetapi juga dapat menjadikan ucapannya sangat menarik siapa yang mendengarnya. Oleh itu ucapannya tidak membosankan orang, tidak seperti setengah pemimpin yang walaupun lama dalam arena politik tetapi sangat membosankan ucapan mereka mendengarnya.

Ini pun dijadikan satu masalah kepada golongan



tertentu yang merasakan diri dan kepimpinan mereka tergugat oleh kehebatan ketokohan Anwar. Anwar seolah-olah dapat memukau para hadirin bila mendengar ucapannya, dan ini sukar dilakukan oleh setengah pemimpin politik veteran. Maka timbullah perasaan irihati dan kebencian terhadap Anwar yang dianggap mereka cuba mengatasi dan menghapuskan pengaruh orang-orang tertentu yang lebih lama dari Anwar berjuang dalam politik UMNO. Seelok-eloknya para pemimpin UMNO patut berterima kasih kepada Anwar kerana beliau dapat bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin lain menaikkan imej UMNO di mata rakyat. Perasaan irihati yang tidak sihat patutlah dihapuskan kerana ini akan menimbulkan berbagai masalah dalam kepimpinan parti yang boleh menggugat kedudukannya dalam kerajaan. UMNO akan hancur sekiranya pemimpin-pemimpin atasannya tidak bersatu, dan ini akan membawa padah yang buruk dalam kestabilan politik negara.

Bukanlah pula bermakna Anwar tidak ada kelemahannya. Seperti manusia biasa tidak ada manusia yang tidak sunyi dari membuat kesilapan, dan tidak ada manusia yang serba sempurna. Bagi UMNO yang penting para pemimpin mesti bekerjasama, tolong menolong antara satu dengan lain demi kepentingan parti dan keunggulan UMNO sebagai parti politik yang dihormati dan disegani ramai. Baik Perdana Menteri, Anwar, Encik Ghafar dan lain-lain pemimpin parti patutlah berikhtiar untuk mengu-

rangkan konflik sesama pemimpin agar UMNO tidak retak dan keyakinan rakyat tidak berbelah bagi.

Sebagai seorang pemimpin politik yang masih muda barangkali Anwar ada melanggar batas larangan tradisi orang Melayu dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Eloklah beliau ditegur tetapi janganlah dilemparkan fitnah kerana beliau terlalu jauh ke depan. Budaya muafakat dan tolong-menolong adalah sebahagian dari kehidupan bangsa Melayu. Mengapa pula budaya ini tidak diamalkan di kalangan para pemimpin kita untuk mencari perpaduan yang kukuh? Elok juga rasanya Datuk Seri Anwar bertukar-tukar fikiran dengan para pemimpin parti yang lain supaya dapat melenyapkan buruk sangka dan salah anggapan antara sesama pemimpin parti. Sekiranya semua pemimpin parti sanggup bertukar fikiran secara bebas dan terus terang sesama mereka, dan tidak hanya mendengar "nasihat" dan buah mulut orang-orang sekeliling mereka yang mempunyai kepentingan tertentu maka tentulah politik dalam UMNO akan berkurangan, dan ini tentulah akan menguntungkan ahli-ahli parti dan juga rakyat Malaysia yang menyokongnya sekarang.

Anwar juga dikatakan banyak memberi saham Tenaga Nasional Berhad kepada kunci-kuncunya kononnya untuk mengekalkan kesetiaan mereka kepadanya. Di samping itu dikatakan ada juga Anwar memberi saham-saham tersebut kepada pemimpin-

pemimpin politik tertentu dengan tujuan yang sama. Dari sumber-sumber yang layak dipercayai sebenarnya tuduhan itu terlalu liar dan tidak betul. Menurut sumber kami Anwar memberi arahan supaya semua syarikat Bumiputra yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa (MITI), kira-kira sebanyak 780 syarikat hendaklah diberikan saham Tenaga antara 10 hingga 15 lot setiap syarikat. Menurut sumber kami tidak ada syarikat yang berdaftar dengan salah sebuah kementerian ini yang tidak mendapat pemberian saham. Menurut sumber kami tidak semua syarikat yang berdaftar itu kepunyaan orang-orang UMNO. Ini bermakna adalah dusta segala tuduhan setengah pihak yang mengatakan Anwar menabur saham Tenaga hanya kepada orang-orang UMNO dan penyokong-penyokongnya semata-mata.

Ini adalah risiko yang dialami oleh seorang tokoh politik yang berkaliber tetapi tidak disenangi oleh satu golongan kecil pemimpin parti yang takut pada bayang-bayang sendiri. Perlulah sedar yang membuat pilihan ialah ahli-ahli parti dan para perwakilan. Mereka lebih arif siapa yang patut diberi kedudukan yang lebih tinggi dalam UMNO pada perhimpunan agung November akan datang. Ada pemimpin tertentu terpaksa hilang kedudukannya dalam hirarki parti oleh kerana ada lagi tokoh yang lebih baik dan lebih berwibawa yang difikirkan lebih sesuai untuk memimpin parti dan duduk di tempat yang lebih

penting dalam parti. Hidup adalah seperti roda — ada masa di bawah dan ada masa naik ke atas. Tapi yang lebih penting ialah nawaitu. Kejujuran dalam perjuangan dan kecintaan pada bangsa, agama dan negara janganlah dijadikan barang mainan politik yang liar sehingga hilang kepercayaan rakyat dan ahli-ahli parti terhadap seseorang tokoh.



Siapa sangka seorang bekas guru sekolah rendah boleh jadi Timbalan Perdana Menteri? Tuah Ghafar sebenarnya. Tapi mungkinkah Ghafar dapat meneruskan Wawasan 2020 dengan segala perjuangan *global* itu? Banyak orang tak yakin tentang kemampuan Ghafar. Apalagi kalau kepala berserabut dengan hutang yang belum langsa. Berapa puluh juta ringgit lagi hutang Ghafar yang berbaki? Harap Encik Ghafar beritahu kepada rakyat Malaysia. Jangan-jangan ada orang ikut belakang kalau tak lagi menjadi TPM.

# 8

## GHAFAR PENGGANTI MAHATHIR?

**KALAU MENGIKUT TRADISI UMNO** apabila Presiden meletakkan jawatan, bersara atau pun meninggal dunia maka Timbalan Presiden akan memangku jawatan Presiden sehingga diadakan pemilihan Majlis Tertinggi lagi sekali. Ini pernah berlaku di masa Tun Razak yang meninggal dunia secara mengejut dan Timbalan Presiden di waktu itu, Datuk Hussein Onn, terpaksa memangku jawatan Presiden sehingga beliau dipilih oleh perwakilan dalam perhimpunan agung UMNO untuk mengekalkan jawatan itu.

Waktu Datuk Hussein Onn memangku jawatan Presiden tidak timbul apa-apa masalah dalam UMNO kerana majoriti ahli-ahli parti menerima Datuk Hussein dengan baik memandangkan beliau seorang yang berpendidikan tinggi dan juga anak tokoh pejuang dan pemimpin UMNO yang pertama — Datuk Onn Jaafar. Sudah layak bagi Datuk Hussein

Onn memegang jawatan Presiden itu apalagi beliau pula seorang peguam. Di samping itu peribadinya baik tanpa ada skandal yang boleh menjejaskan imejnya. Datuk Hussein juga dianggap seorang tokoh politik yang *no nonsense* dan tidak korap.

Keadaan UMNO sekarang agak berlainan sedikit dari UMNO zaman Tun Razak dulu. Ada pihak yang berpendapat sekiranya Datuk Seri Dr. Mahathir bersara dari politik penggantinya sudah tentu Timbalan Presiden sekarang iaitu Encik Ghafar Baba. Inilah tradisi UMNO kata golongan yang mahu Encik Ghafar sebagai pengganti Presiden. Ada pihak lain yang menganggap walaupun itu tradisi UMNO tetapi mereka sangsi tentang kemampuan Encik Ghafar menerajui parti dan kerajaan dalam konteks politik global sekarang dan akan datang. Walaupun Datuk Seri Dr. Mahathir memilih Encik Ghafar menjadi Timbalan Perdana Menteri menggantikan Datuk Musa Hitam yang meletakkan jawatannya namun pemerhati-pemerhati politik berpendapat pemilihan itu dibuat sebagai keadaan terdesak pada masa itu walaupun Dr. Mahathir sedar beberapa kelemahan tertentu pada Encik Ghafar. Barangkali juga Encik Ghafar tidak menyangka beliau akan dipilih oleh Dr. Mahathir sesudah Datuk Hussein Onn menyisihkannya untuk diambil sebagai Timbalan Perdana Menteri sebelum ini walaupun beliau menjadi Naib Presiden nombor satu. Encik

Ghafar sedar beliau tidak dipilih oleh Datuk Hussein kerana Datuk Hussein mahukan seorang Timbalan Perdana Menteri yang berpendidikan tinggi. Encik Ghafar hanya lulusan sekolah rendah sahaja.

Kalau Encik Ghafar dianggap tidak layak oleh Datuk Hussein mengapa pula Dr. Mahathir melantik Encik Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri? Tanya golongan yang pro Encik Ghafar, Dr. Mahathir menerima Encik Ghafar kerana beliau dianggap seorang tokoh yang boleh diterima semua golongan yang berpuak-puak di waktu Datuk Musa Hitam berhenti dari kabinet. Kedudukan Dr. Mahathir sebagai Presiden agak kurang stabil setelah Datuk Musa dan Tengku Razaleigh Hamzah mencabar kepimpinan beliau. Orang yang dianggap boleh menjadi "perantara" antara berbagai puak dalam UMNO pada waktu itu ialah Encik Ghafar.

Selain dari itu ada lagi satu faktor mengapa Dr. Mahathir menerima Encik Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri. Selepas Encik Ghafar tidak dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh Datuk Hussein Onn beliau meletakkan jawatan sebagai menteri kabinet dan menumpukan perhatian dalam bisnes. Banyak orang menganggap Encik Ghafar merajuk kerana kesal tidak dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri memandangkan bahawa beliau mendapat undi terbanyak antara tiga Naib Presiden di masa itu.



Bisnes Encik Ghafar memanglah besar melibatkan modal berjuta-juta ringgit, dan dikatakan pada masa itu Encik Ghafar mempunyai saham yang banyak dalam Pegi dan Dunlop, dua buah syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Tetapi agak malang bagi Encik Ghafar kerana beliau dikatakan mengalami kerugian yang besar dalam bisnesnya dikatakan hutangnya beratus juta ringgit. Sebenarnya bukanlah Encik Ghafar saja yang mengalami kerugian berjuta-juta ringgit dalam bisnes pada waktu itu. Lain-lain saudagar, tak kira bangsa dan latarbelakang, juga menderita kerana keadaan ekonomi yang merosot.

Bila Dr. Mahathir mahu mengambil Encik Ghafar semula ke dalam kabinet sebagai Timbalan Perdana Menteri nasib beliau menjadi tersangat cerah. Ada orang berkata Encik Ghafar tidak pernah mengharap jawatan Timbalan Perdana Menteri kerana beliau sendiri sedar tentang latarbelakang pendidikannya yang rendah itu. Bahawa beliau pernah menjadi menteri sejak pemerintahan Tunku dan Tun Razak sudah memberi kepuasan kepadanya kerana tidak ada pun seorang yang berpendidikan rendah sepertinya yang boleh mencapai kejayaan sebagai menteri kabinet. Ini adalah satu rahmat yang tidak boleh beliau lupakan seumur hidup. Oleh itu bila ditawarkan jawatan Timbalan Perdana Menteri sekali lagi

Encik Ghafar menjadi tersentak dari lamunannya. Tawaran Dr. Mahathir itu bolehlah dianggap sebagai orang tidur disurungkan bantal, dan ada pula yang berkata Encik Ghafar seperti pengembara di gurun pasir yang dahaga tiba-tiba diberi air oleh Dr. Mahathir!

Semua orang mengakui jasa-jasa Encik Ghafar pada UMNO dan sumbangannya dalam kerajaan. Tetapi orang-orang pun tidak kurang jasa mereka pada UMNO dan kerajaan. Soalnya sekarang kerajaan pimpinan Dr. Mahathir lain stail dan wawasannya dari kerajaan-kerajaan sebelum beliau. Dulu Tunku, Tun Razak dan Tun Hussein Onn boleh menumpukan perhatian kepada pembangunan dalam negara dan perpaduan kaum. Zaman Dr. Mahathir beliau terpaksa bekerja lebih keras lagi dan lebih agresif lagi untuk menempatkan Malaysia di antara negara-negara termaju di dunia. Dr. Mahathir bercakap tentang dasar politik, ekonomi, dan cita-cita negara yang *global* sifatnya selain dari soal-soal pembangunan wilayah dan negeri masing-masing. Dr. Mahathir bercakap tentang *survival* Malaysia dalam konteks percaturan politik antarabangsa, bukan lagi soal lembu pawah, jambatan gantung dan jamban curah.

Sebagai perancang pembangunan negara melalui Wawasan 2020 tentulah Dr. Mahathir memikul tanggungjawab yang berat dan besar sekali. Kini beliau berumur 68 tahun sama dengan usia

Encik Ghafar. Ini bererti seorang yang lebih muda tetapi bertanggungjawab serta yakin dengan konsep Wawasan 2020 mesti melanjutkan gagasan fikiran dinamis Dr. Mahathir itu. Besar kemungkinan Encik Ghafar juga tidak dapat memikul tanggungjawab yang sangat besar dan penting untuk membangunkan negara Malaysia menjadi sebuah negara industri berat lagi canggih. Walaupun kini beliau menjadi Timbalan Presiden merangkap Timbalan Perdana Menteri namun ini tidaklah bermakna Encik Ghafar dapat melaksanakan sepenuhnya gagasan tersebut memandangkan usianya yang lanjut.

Sebagai Perdana Menteri yang berpandangan jauh dan berjiwa dinamik beliau tidak mahu melihat Wawasan 2020 terkubur di tengah jalan lantaran orang nombor duanya kurang mampu melaksanakannya menurut kemahuan dan cita-cita Perdana Menteri. Oleh kerana itu beliau terpaksa memilih tokoh-tokoh muda dalam parti dan kabinet yang mempunyai potensi dan semangat sejalan dengan Perdana Menteri. Nampaknya peranan dan tanggungjawab yang semakin berat diberikan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim seolah-olah memberi petunjuk bahawa Anwar adalah pilihan Perdana Menteri. Boleh dikatakan apa saja persidangan atau pertemuan yang penting dan bersejarah untuk Malaysia selalunya kelihatan Anwar bersama-sama Perdana Menteri. Bukankah ini suatu petunjuk yang Perdana Menteri

mahu memberi pengalaman serta pendedahan yang lebih meluas kepada Anwar sebagai persiapan diri sebelum menjadi bakal Perdana Menteri? Inilah kesan sebilangan besar rakyat Malaysia bila melihat kesibukan Anwar dalam berbagai acara dan peristiwa yang penting dalam negara kita.

Ada juga orang bertanya di kalangan rakyat sekiranya Perdana Menteri memberi keyakinan penuh kepada Encik Ghafar untuk mentadbir negara mengapakah Encik Ghafar tidak dilantik sebagai Pemangku Perdana Menteri sewaktu Dr. Mahathir melawat ke luar negara lebih dari dua minggu? Waktu di zaman Tun Razak Datuk Hussein Onn pernah memangku jawatan Perdana Menteri bila Tun Razak melawat negara-negara asing. Begitu juga Tun Dr. Ismail pernah memangku jawatan Perdana Menteri bila ketiadaan Tun Razak. Dr. Mahathir juga pernah memangku jawatan Perdana menteri di masa pemerintahan Hussein Onn. Tapi mengapa Dr. Mahathir agak keberatan memberi jawatan pemangku Perdana Menteri sewaktu Perdana menteri ke luar negara berminggu-minggu? Apakah Perdana Menteri kurang yakin dengan kepimpinan Ghafar? Apakah Perdana menteri anggap tidak penting melantik Ghafar sebagai pemangku? Barangkali Encik Ghafar juga terkilan bila Dr. Mahathir tidak memberi penghormatan kepadanya dan melantiknya sebagai pemangku Perdana Menteri walaupun buat suatu masa yang pendek.

Di kalangan korporat ada juga cakap-cakap yang agak negatif terhadap kepimpinan Encik Ghafar. Banyak berpendapat sekiranya atau takdirnya Encik Ghafar menjadi bakal Perdana Menteri Malaysia maka imej negara mungkin terjejas terutama sekali di bidang pelaburan dan korporat. Mereka berpendapat adalah kurang wajar Encik Ghafar dilantik sebagai bakal Perdana Menteri memandangkan beliau sendiri masih dibebani hutang berjuta-juta ringgit akibat kegagalannya dalam bisnes sebelum dilantik oleh Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri. Imej Encik Ghafar sebagai seorang usahawan Bumiputra yang dikatakan bertapak dengan hutang menimbulkan reaksi negatif terhadap kepimpinannya.

Sebagai seorang tokoh politik yang terkemuka dan seorang Timbalan Perdana Menteri eloklah sekiranya Encik Ghafar menjadi contoh kepada usahawan-usahawan Bumiputra yang lain sebagai seorang yang berjaya dalam bisnes. Malangnya Encik Ghafar gagal dalam berbagai bisnes yang pernah beliau ceburi sebelum dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Bagaimanakah seorang Timbalan Perdana Menteri boleh memberi nasihat tentang kejayaan dalam bisnes kalau beliau sendiri tidak berjaya dalam bisnes? Tanya beberapa orang tokoh bahagian UMNO yang menilai kemampuan Encik Ghafar sebagai tokoh politik dalam abad yang mencabar sekarang. Dalam hal ini *credibility* Encik Ghafar sebagai

seorang pengusaha Melayu sudah terjejas dan ini menimbulkan tandatanya tentang masa depan politiknya dalam konteks Wawasan 2020.

Sebahagian besar pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat cawangan dan bahagian kurang yakin terhadap kepimpinan Encik Ghafar sekiranya beliau ditakdirkan menjadi bakal Perdana Menteri. Walaupun di zaman lampau beliau dianggap seorang tokoh yang serba boleh namun, dalam keadaan politik yang mencabar dewasa ini, peranan beliau tidaklah boleh dikatakan terlalu penting. Beliau dianggap sebagai seorang menteri yang setia dan turut perintah tetapi bukanlah seorang menteri yang banyak idea yang boleh merancang sesuatu projek yang berkesan untuk negara. Banyak golongan berpendapat Encik Ghafar sudah cukup berjaya sebagai seorang Timbalan Perdana Menteri yang tidak boleh dimimpikan oleh siapa saja yang berpendidikan rendah seperti beliau. Tetapi banyak berpendapat Encik Ghafar tidaklah sesuai untuk menjawat jawatan Perdana Menteri menggantikan Dr. Mahathir.

Alasan yang cukup kuat mengapa Encik Ghafar tidak dianggap layak menjadi Perdana Menteri ialah berasaskan kepada tanggungjawab yang diberikan oleh Dr. Mahathir kepadanya untuk menguatkan pengaruh UMNO di Sabah. Encik Ghafar dilantik oleh Dr. Mahathir sebagai Ketua Perhubungan

UMNO Sabah dengan harapan beliau boleh menawan Sabah untuk penubuhan kerajaan UMNO/BN di Kota Kinabalu selepas pilihan raya negeri akan datang. Pada masa Tun Razak mahu menggulingkan kerajaan USNO pimpinan Tun Datu Mustapha yang dianggap menentang kerajaan Persekutuan Encik Ghafar menjadi perancang penubuhan Parti Berjaya untuk menumbangkan kuasa Tun Datu Mustapha. Akhirnya USNO tumbang dan Parti Berjaya pimpinan Tun Fuad Stephens menubuhkan kerajaan baru di Sabah. Inilah salah satu jasa Ghafar kepada UMNO.

Setelah PBS keluar dari Barisan Nasional selepas pilihan raya tahun 1990 Dr. Mahathir dan Majlis Tertinggi UMNO mengarahkan Encik Ghafar menubuhkan UMNO di Sabah dengan tujuan untuk merebut teraju kerajaan dari PBS dalam pilihan raya akan datang. Parti USNO yang diasaskan oleh Tun Datu Mustapha rela mengorbankan kepentingan USNO dengan menggalakkan ahli-ahlinya menyertai UMNO. Tun Mustapha sendiri rela menjadi Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Sabah walaupun beliau pernah pada suatu waktu dulu menjadi seorang Ketua Menteri yang paling berkuasa dan ditakuti rakyat. Walaupun Tun Mustapha yang mendirikan USNO tetapi beliau sanggup mengorbankan kedudukannya sebagai Presiden USNO untuk menjadi ahli UMNO Sabah. Sebagai Presiden USNO dipilih anak Tun Mustapha sendiri — Datuk Amir Kahar.

Tapi yang mendukacitakan Dr. Mahathir dan seluruh ahli UMNO ialah ketidakmampuan Encik Ghafar melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh parti kepadanya untuk memperkuatkan pengaruh UMNO di Sabah supaya mudah menumbangkan kerajaan PBS sekarang. Apa yang terjadi baru-baru ini amat memeranjatkan seluruh pucuk pimpinan parti dan UMNO. USNO yang dipimpin oleh Datu Amir Kahar dengan beberapa orang pemimpin lainnya telah menyebelahi PBS dan sanggup mengadakan kerajaan campuran dengan PBS. USNO juga sanggup dipecat dari Barisan Nasional demi menjaga kepentingan parti itu.

Apakah Encik Ghafar tidak dapat sesuatu riak dan tanda bahawa ada pakatan sulit antara beberapa orang pemimpin USNO dengan PBS? Kalau Encik Ghafar berkata dia tidak tahu menahu tentang rancangan USNO untuk berpaling tadah dari UMNO maka ini bermakna Encik Ghafar mungkin sudah tidak peka lagi dengan perasaan dan sentimen majoriti ahli USNO. Kalangan USNO menganggap pihak Ghafar tidak begitu mementingkan sangat tentang nasib USNO oleh kerana beliau hanya mahu memeralatkan USNO untuk tujuan politiknya. Juga dikatakan cara Encik Ghafar menghadapi masalah orang-orang USNO itu dianggap agak kasar dan seolah-olah tidak mempunyai masa dan simpati untuk mendengar segala rintihan dan keperluan mereka.

**Kalangan USNO berpendapat Encik Ghafar**



tidak mahu bersusah payah dengan USNO kerana USNO tidak boleh menjamin kekukuhan politiknya dalam UMNO. Ghafar dikatakan lebih mengutamakan pemimpin-pemimpin UMNO Sabah oleh kerana UMNO Sabah mempunyai 220 perwakilan ke perhimpunan agung November ini. Akhirnya USNO dianaktirikan dan PBS yang beruntung kerana dapat memujuk sebahagian dari exco USNO berpihak kepadanya dan menubuhkan kerajaan campuran di Sabah. Walaupun ada kalangan berkata setengah pemimpin USNO itu dibeli oleh PBS namun begitu itu bukanlah suatu isu. Yang menjadi isu mengapa Encik Ghafar tidak memberi perhatian yang sama berat dan sama penting antara UMNO Sabah dengan USNO? Bukankah kebanyakan ahli UMNO Sabah sekarang merupakan sebahagian dari bekas ahli-ahli USNO juga? Banyak pemimpin USNO berkata nasib parti mereka dibuat oleh Encik Ghafar seperti kata peribahasa Melayu kacang lupakan kulit.

Walaupun Encik Ghafar selalu melawat Sabah atas alasan untuk menguatkan pengaruh UMNO di negeri itu tetapi ternyata Encik Ghafar lebih banyak mencoba mempengaruhi para pemimpin UMNO Sabah sebanyak 20 bahagian untuk memberi undi sepenuhnya kepada beliau dalam perhimpunan akan datang. Ghafar menganggap sekiranya beliau mendapat undi padu dari Sabah, dan ditambah pula dengan undi dari berbagai

perwakilan di Semenanjung maka bolehlah beliau bernafas lega mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO kelak. Beliau telah pun mendengar desas-desus bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mencabarnya untuk merebut kerusi Timbalan Presiden. Oleh kerana itu beliau bertungkus lumus mengejar undi dari berbagai ketua bahagian dan bakal-bakal perwakilan kelak untuk mempertahankan kerusinya.

Kepada Dr. Mahathir dan para pemimpin UMNO yang lain Encik Ghafar dianggap gagal untuk menyatukan tenaga parti-parti pembangkang di Sabah untuk menentang PBS. USNO, sebuah parti politik yang tertua sekali di Sabah dan rakan perkongsian nasib dengan UMNO Sabah, sendiri mengambil tindakan keluar dari pengaruh UMNO dan mewujudkan kerjasama dengan PBS, musuh ketat UMNO sekarang. Ini adalah satu tamparan kepada kepimpinan Dr. Mahathir oleh kerana Encik Ghafar yang dipilih oleh Dr. Mahathir dan Majlis Tertinggi sudah tidak mendapat kepercayaan dan keyakinan lagi dari para pemimpin USNO.

Jadi bagaimanakah UMNO hendak merebut Sabah dari PBS dan USNO dalam pilihan raya negeri akan datang, dan mungkin diadakan dalam masa yang dekat? Bagaimanakah UMNO mahu membuktikan kepada seluruh rakyat Sabah berbilang suku kaum itu bahawa ia boleh menjamin kehidupan

rakyat yang lebih baik bilamana USNO sendiri tidak percaya dengan kepimpinan Encik Ghafar? Banyak orang meramalkan agak susah hendak menumbangkan kerajaan PBS dan USNO sekarang ini oleh UMNO dalam pilihan raya negeri akan datang oleh kerana banyak golongan berasa kecewa dengan peranan dan pimpinan Encik Ghafar memimpin UMNO Sabah. Nampaknya yang menang dari segi moral ialah PBS kerana berjaya memisahkan USNO dari UMNO dan menjadikan USNO, sebuah parti politik tempatan, sebagai rakan perkongsiaannya.

Walaupun UMNO Sabah terbuka untuk semua kaum Bumiputera tanpa mengira agama dan keturunan namun sebahagian besar dari ahli-ahlinya adalah terdiri dari kaum-kaum Bumiputera Islam. Seperti juga dengan USNO di mana ia mendapat pengaruh dan penyokong yang banyak di kalangan berbagai suku kaum beragama Islam. Melalui pimpinan Encik Ghafar UMNO Malaysia mengharapkan beliau akan dapat menarik lebih ramai ahli-ahli dan penyokong-penyokong dari golongan Islam supaya dapat mengukuhkan kedudukan Islam di Sabah. Sayang sekali Encik Ghafar gagal mengatur strategi yang baik untuk menjamin kemenangan UMNO di Sabah.

Menurut laporan akhbar Encik Ghafar menyalahkan pucuk pimpinan USNO kerana kononnya mereka menipu Perdana Menteri oleh kerana mereka tidak berterus terang bila mereka menemui Perdana Menteri. Mengapakah nama Perdana Menteri diheret

dalam isu USNO bekerjasama dengan PBS dan menolak kepimpinan UMNO? Sebenarnya yang kena tipu bukanlah Perdana Menteri tetapi Encik Ghafar sendiri oleh sebab beliau terlalu sibuk dengan 220 undi UMNO Sabah ke perhimpunan agung hingga tidak ada waktu untuk mendengar segala rintihan dan sungutan pucuk pimpinan USNO.

Dalam isu USNO menolak UMNO jelas sudah kepada Dr. Mahathir bahawa Ghafar tidak mampu lagi untuk merancang strategi yang berkesan untuk menjamin kemenangan UMNO di Sabah. Dia lebih bimbang tentang nasib masa depan politiknya dari menjaga kepentingan UMNO di Sabah. Malah banyak pula orang berpendapat Encik Ghafar lebih mementingkan politik peribadinya dari menjaga kepentingan parti. Dalam isu ini bukan saja Encik Ghafar mengecewakan harapan dan amanah Perdana Menteri tetapi juga memperlihatkan sikap ketidakupayaannya untuk memperlihatkan sikap ketidakupayaannya untuk memperlihatkan hubungan yang baik antara UMNO dengan USNO di Sabah.

Ada pula cerita yang mengatakan Encik Ghafar lebih banyak menjaga kepentingan peribadinya dari urusan politik. Kononnya Encik Ghafar telah berkahwin dengan seorang wanita keturunan Indonesia di Sabah. Wanita ini bernama Haryati yang pernah berkahwin dengan orang Sabah dan mempunyai anak. Haryati dikatakan juga adalah seorang ahli UMNO Sabah. Di Sabah

banyak orang tahu tentang hubungan Ghafar dengan wanita tersebut. Tetapi di Semenanjung banyak orang tidak tahu. Apakah Encik Ghafar mendapat restu dari isteri pertamanya untuk menikah dengan Haryati? Tanyalah sendiri kepada Encik Ghafar. Tapi perkahwinan antara Timbalan Perdana Menteri yang berumur 68 tahun dengan seorang bekas isteri orang Sabah yang berumur sekitar tigapuluhan yang masih cantik dianggap adalah satu kejayaan Encik Ghafar di Sabah. Inilah salah satu "oleh-oleh" dari Sabah yang dibawa oleh Ghafar sebagai tanda dia sudah berjaya menambahkan isteri tetapi gagal untuk memujuk USNO berjuang bersama-sama UMNO Sabah.

Orang tidak mempertikaikan Encik Ghafar berkahwin lagi seorang. Itu haknya sebagai seorang Muslim yang masih kuat lahir dan juga masih bertenaga batinnya. Tetapi yang dimusykilkan oleh ahli-ahli UMNO dan para pemimpinnya mengapakah Encik Ghafar mengutamakan kepentingan dirinya dari menjaga kepentingan UMNO di Sabah? Ada juga orang Sabah menyindir Encik Ghafar hanya boleh menawan hati seorang perempuan di Sabah (itu pun bukan keturunan asli Sabah) tetapi tidak dapat menawan seluruh hati rakyat Sabah untuk menyokong UMNO. Walaupun Encik Ghafar menikah secara sah dengan wanita keturunan Indonesia ini namun sedikit sebanyaknya imejnya sebagai pemimpin

**UMNO yang bertanggungjawab untuk menumbangkan kuasa PBS di Sabah terjejas juga.**

Perdana Menteri maklum tentang perkahwinan baru Encik Ghafar di Sabah. Rupa-rupanya dalam lawatan yang sering dibuat ke Sabah itu dapat juga Encik Ghafar berikhtiar untuk menambah isteri-isterinya seperti kata perumpamaan Melayu sambil menyelam sambil minum air. Sudah ketara kepada Perdana Menteri bahawa misi Ghafar untuk memberi keyakinan penuh kepada rakyat Sabah supaya memilih UMNO nampaknya kurang berjaya.

Inilah dilemma yang dihadapi oleh Perdana Menteri. Isu Sabah dan Kelantan sememangnya menjadi duri dalam daging kepada Perdana Menteri. Beliau memang mahu rakyat di kedua negeri itu memilih semula Barisan Nasional untuk memerintah. Malang bagi Dr. Mahathir beliau salah memilih tokoh UMNO untuk mengatur strategi bagi menjamin kemenangan Barisan Nasional.

Sekarang jelas rakyat Sabah menolak kepimpinan Encik Ghafar sebagai wakil UMNO di negeri itu. Besar kemungkinan sekiranya Dr. Mahathir masih lagi meletakkan Encik Ghafar sebagai Ketua Perhubungan Negeri UMNO Sabah maka boleh jadi sambutan rakyat dan ahli-ahli UMNO menjadi tawar. Boleh jadi juga Dr. Mahathir tahu reaksi negatif orang-orang Sabah terhadap Ghafar. Justeru itu beliau melantik Tun Datu Mustapha sebagai Menteri Hal Ehwal Sabah supaya dapat menyalurkan segala

bantuan kepada Sabah melalui Kementerian Hal Ehwal Sabah yang dihidupkan semula demi kepentingan politik kerajaan Pusat. Untuk melaksanakan objektif kerajaan Pusat maka perlembagaan negara terpaksa dipinda supaya membolehkan seorang ahli Dewan Undangan Negeri menjadi menteri Pusat tanpa digugurkan kerusi Adunnya.

Dengan menjadikan Tun Mustapha sebagai Menteri Hal Ehwal Sabah bermakna secara langsung berbagai bantuan dan pembangunan untuk negeri Sabah boleh disalurkan melaluinya. Dan yang lebih penting lagi Tun Mustapha diberi peranan dan tanggungjawab yang lebih besar dari kedudukannya sekarang sebagai Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Sabah. Sebagai seorang pemimpin Sabah adalah wajar beliau mendapat penghormatan sebagai seorang menteri supaya dapat memulihkan kembali keyakinan rakyat Sabah terhadap pemimpin-pemimpin Pusat. Sebagai menteri Pusat bolehlah Tun Mustapha berbangga bahawa Kuala Lumpur masih lagi menghargai jasa-jasanya untuk Sabah khususnya dan juga Malaysia amnya.

Dr. Mahathir juga sedar sekiranya UMNO mahu mendapatkan sokongan yang menyeluruh dari berbagai suku kaum maka kenalah Perdana Menteri melantik Tun Mustapha sebagai menteri Pusat. Orang Sabah mahu melihat bukti, bukan janji-janji berbillion-billion dari mulut Ghafar sekiranya Barisan Nasional berkuasa di Sabah. Nampaknya janji-janji

Ghafar untuk rakyat Sabah tidak dipedulikan orang kerana mereka sudah bosan dengan janji-janji seperti itu. Dengan adanya Tun Mustapha sebagai menteri kabinet Persekutuan rakyat Sabah berharap banyaklah projek-projek pembangunan akan mencurah datang dari Kuala Lumpur sebagai bukti bahawa Kuala Lumpur tidak menganaktirikan rakyat Sabah.

Dengan perlantikan Tun Mustapha sebagai menteri kabinet peranan Encik Ghafar selaku Ketua Perhubungan UMNO Sabah menjadi semakin kecil. Apakah ini satu taktik politik Perdana Menteri untuk memberi bayangan kepada Encik Ghafar yang peranannya untuk memimpin UMNO Sabah akan diambilalih perlahan-lahan oleh Tun Mustapha? Oleh kerana orang Sabah agak kurang senang "dipimpin" oleh tokoh dari Kuala Lumpur maka dengan menjadikan Tun Mustapha sebagai menteri kabinet Pusat akan diterima secara positif oleh masyarakat di sana.

Sungguhpun Encik Ghafar pernah menjadi pendamai politik untuk menyelesaikan berbagai krisis dalam Barisan Nasional di masa lalu namun kali ini nampaknya beliau gagal untuk mendapatkan kerjasama dari USNO terutama sekali bagi melicinkan penerimaan rakyat Sabah terhadap UMNO. Banyak orang menganggap Encik Ghafar tidak dapat meyakinkan sebilangan besar rakyat Sabah untuk menerima kepimpinan UMNO di peringkat negeri Sabah.

**Kalau Encik Ghafar gagal menyelesaikan berbagai isu di Sabah bagaimanakah beliau boleh**



menjadi Perdana Menteri menggantikan Dr. Mahathir yang mana kita semua tahu masalahnya adalah lebih besar dan lebih rumit dari isu UMNO di Sabah? Ahli-ahli UMNO terutama sekali mestilah fikir dengan masak dan matang tentang pemilihan bakal Perdana Menteri selepas Dr. Mahathir. Dr. Mahathir telah meletakkan asas kepimpinan parti dan kerajaan yang sangat tinggi mutu pencapaiannya di mana beliau sendiri menjadi perancang masa depan negara, ahli fikir politik yang tajam dan bersifat *global*. Apakah Encik Ghafar dapat melebihi mutu pemikiran politik yang lebih hebat dari Dr. Mahathir? Apakah dengan kepimpinan Encik Ghafar imej Malaysia di mata dunia akan lebih gemilang lagi dari apa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir sekarang atau pun menjadi lebih malap?

Kita tidak sengaja mempunyai prasangka buruk terhadap Encik Ghafar. Sebagai pemimpin politik veteran beliau ada jasanya dan pernah memainkan peranan penting dalam sejarah perjuangan UMNO khususnya dan Barisan Nasional amnya. Melihat perkembangan politik, ekonomi dan sosial dunia yang terlalu cepat yang menyentuh kehidupan rakyat semua maka kita berpendapat Encik Ghafar sukar untuk menangani berbagai isu nasional dan internasional yang melibatkan negara Malaysia secara langsung atau tidak langsung. Darjah pencapaian ilmu politik

Dr. Mahathir yang begitu tinggi sukar dicapai oleh Encik Ghafar untuk mengikutinya. Dr. Mahathir adalah seorang pemikir. Encik Ghafar hanya seorang pak turut yang sederhana mutu pencapaiannya.

Masyarakat Malaysia yang terpelajar dan *sophisticated* tentulah sukar menerima seorang bakal Perdana Menteri yang tidak setanding dengan kemampuan intelek Dr. Mahathir. Kalau tidak pun setanding sekurang-kurangnya sedikit rendah dari kemampuan intelek Perdana Menteri kita. Cabaran dan desakan dari golongan rakyat Malaysia yang terpelajar adalah lebih kompleks dan rumit dari permintaan kelas Kemas. Selain dari itu golongan korporat juga mahukan Perdana Menteri yang peka terhadap isu-isu ekonomi, berpandangan jauh dan mencari jalan memantapkan lagi sektor korporat supaya Malaysia terus menerus menjadi tarikan para pelabur asing dan juga tempatan. Encik Ghafar yang pernah gagal sebagai tokoh korporat di masa lalu tentulah sukar diterima oleh golongan korporat sebagai pemimpin negara yang boleh memberi arah kemajuan yang lebih meyakinkan untuk golongan ini.

Oleh hal yang demikian ahli-ahli UMNO dan para pemimpinnya mesti mencari tokoh pemimpin alternatif kepada Encik Ghafar supaya dasar, cita-cita dan aspirasi Dr. Mahathir dapat dilaksanakan oleh bakal Perdana Menteri nanti. Zaman kepimpinan a la Encik Ghafar sudah lepas. Untuk

menghadapi cabaran secara *global* memerlukan seorang bakal Perdana Menteri yang mampu merancang strategi negara secara *global* juga. Maruah, martabat dan penghormatan negara seperti yang dipupuk dan dilaksanakan oleh Dr. Mahathir ini tidak mungkin dipertahankan oleh Encik Ghafar dengan kemampuannya yang terbatas. Oleh itu kalau majoriti ahli dan pemimpin UMNO menolak kepimpinan Encik Ghafar sebagai Timbalan Presiden UMNO bukanlah bererti mereka benci pada Encik Ghafar sebagai pemimpin. Mereka menolak kerana mereka sedar Malaysia mesti dipimpin oleh tokoh yang lebih berkaliber dan lebih muda dari Encik Ghafar sebagai bakal Perdana Menteri selepas Dr. Mahathir. Mereka menghormati Encik Ghafar sebagai seorang pemimpin yang berjasa kepada parti dan negara. Tetapi mereka berpendapat sebagai bakal Perdana Menteri Malaysia ahli-ahli UMNO dan para pemimpin parti terpaksa memilih tokoh lain yang mempunyai kemampuan intelek yang lebih dari Encik Ghafar.

Sebaik-baiknya para pemimpin parti mestilah meletakkan kepentingan parti di atas kepentingan diri sendiri. Mereka mestilah sedar dan mengakui dengan jujur bahawa kejayaan mereka dalam politik adalah hasil dari perjuangan dalam UMNO. Namun demikian tidaklah bererti mereka mesti selama-lamanya menjadi pemimpin dan memaksa ahli-ahli mencalon-

kan nama-nama mereka setiap pemilihan dalam perhimpunan agung. Mereka harus sedar ahli-ahli parti dan para perwakilan juga tahu mengukur kemampuan dan kelemahan seseorang pemimpin. Tidak guna pemimpin melawat setiap bahagian dan memuji diri sendiri tentang pengorbanan mereka yang banyak terhadap parti seolah-olah tanpa kepimpinan mereka UMNO akan hanyut. Sebenarnya UMNO akan hanyut dan menjadi lemah kalau ahli-ahli mencalonkan pemimpin-pemimpin yang lemah dan tidak sedarkan diri bahawa era kepimpinannya sudah pun tamat dalam konteks politik dan ekonomi *global* seperti sekarang.

Ada juga pemimpin tua menjaja nama Dr. Mahathir di berbagai negeri kononnya dialah seorang yang banyak membantu Dr. Mahathir menyelesaikan masalah parti dan kerajaan. Dia memberi bayangan kepada ahli-ahli parti bahawa tanpa kerjasama darinya tentulah banyak masalah parti dan kerajaan tidak dapat diatasi. Soalnya mengapakah dibesar-besarkan sumbangannya untuk parti dan kerajaan? Sebagai seorang pemimpin parti dan kerajaan ia mesti melaksanakan segala perintah Presiden dan Perdana Menteri. Itu tanggungjawab yang mesti dipikul oleh setiap pemimpin politik dan kerajaan. Tidak perlu diungkit-ungkit apa yang pernah disumbangkan kepada parti dan juga kerajaan seolah-olah parti dan kerajaan terhutang budi kepadanya. Ini menunjukkan pemimpin seperti ini, yang mendewa-dewakan

dirinya, sebagai seorang pemimpin yang menganggap dirinya lebih penting dari parti dan kerajaan. Apakah ahli-ahli parti boleh menerima pemimpin seperti ini menjadi pemimpin parti dan kerajaan di masa akan datang? Ahli-ahli UMNO patut menilai semula tentang kewibawaan dan maruah pemimpin seperti ini supaya tidak membuat pilihan yang salah.

Baik dalam kerajaan mahupun parti setiap dasar dan tindakannya merupakan sebagai tanggungjawab bersama atau *collective responsibility*. Tidak wajar bagi mana-mana pemimpin UMNO, khasnya yang duduk dalam kabinet dan Majlis Tertinggi, menganggap setiap dasar dan tindakan itu adalah tanggungjawab Presiden dan Perdana Menteri semata-mata. Ini tidak benar. Oleh itu setiap arahan dari Perdana Menteri dan Presiden parti kepada sesiapa sekali pun mestilah dipikul dengan penuh tanggungjawab kerana itu adalah amanah dari pemimpin utama. Kalau seorang menteri atau pemimpin kanan dalam UMNO tidak sanggup memikul amanah Presiden dan Perdana Menteri eloklah dia berundur dari gelanggang politik secara terhormat. Oleh itu janganlah mengungkit-ungkit jasa dan pengorbanan masing-masing untuk UMNO dan Presiden seolah-olah Presiden dan Perdana Menteri adalah manusia pemimpin yang lemah.

Apakah setengah pemimpin UMNO tidak mengenang budi bagaimana Dr. Mahathir menyelamatkan mereka dari didakwa di mahkamah kerana terlalu

banyak hutang hingga meningkat berpuluh-puluh juta? Apakah mereka lupa bahawa mereka menjadi menteri kabinet kerana diamanahkan oleh Perdana Menteri untuk membantunya dalam pemerintahan negara? Perdana Menteri memegang amanah rakyat. Begitu juga dengan menteri-menteri lain dan juga wakil-wakil rakyat semua. Kalau rakyat tidak memilih mereka nescaya mereka tidak mimpi menjadi menteri dan juga wakil rakyat. Oleh kerana rakyat yakin dengan kepimpinan Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO maka mereka turut dipilih oleh rakyat. Tidak timbul sama sekali mereka banyak membantu Dr. Mahathir dalam urusan kerjaya mereka. Mereka harus sedar jawatan yang mereka sandang itu hanya sementara sahaja selagi Perdana Menteri menganggap mereka masih layak menjadi menteri. Sekiranya tidak dianggap layak, kurang produktif, tidak berpandangan jauh dalam politik, gagal menjalankan tanggungjawab untuk kepentingan rakyat maka menteri seperti itu akan terpaksa berundur juga. Kalau Dr. Mahathir tidak memilih individu-individu tertentu sebagai menteri kabinet oleh sesuatu sebab yang Presiden saja yang maklumi maka tidaklah bijaksana mereka membuat protes pula. Sebenarnya, baik dalam kerajaan mahupun parti, tidak ada manusia yang boleh menganggap dirinya terlalu penting hingga tidak boleh dipilih orang lain untuk menggantikannya.

**Encik Ghafar tentulah akan mempertahankan**

jawatan Timbalan Presiden dalam perhimpunan agung UMNO November akan datang dengan harapan beliau akan menang. Boleh jadi juga beliau mengharapkan menang tanpa bertanding. Sekiranya terpaksa bertarung dengan calon yang dinamik, muda, popular dan berpendidikan tinggi darinya besar kemungkinan Ghafar akan kecundang. Banyak orang meramalkan sekiranya Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapat pencalonan lebih dari 100 bahagian untuk jawatan Timbalan Presiden maka besar kemungkinan Encik Ghafar akan kalah. Sekiranya Encik Ghafar menang tanpa bertanding kemenangannya itu bukanlah kerana dia popular dan berkaliber tetapi sebaliknya kerana mengenangkan dia orang tua yang amat memerlukan jawatan yang penting itu.

Soalnya apakah nasib UMNO dan masa depan kerajaan pimpinan UMNO akan lebih terjamin sekiranya Encik Ghafar Baba menjadi Perdana Menteri selepas Dr. Mahathir? Inilah soalan satu juta ringgit yang patut dijawab oleh semua ahli dan pemimpin UMNO sekalian.

# 9

## MASA DEPAN UMNO

BARANGKALI BANYAK PEMIMPIN UMNO beranggapan parti yang tertua dalam Barisan Nasional ini tidak akan retak dalam keimpinannya sampai bila-bila. Banyak beranggapan walaupun ujud konflik keimpinan sejak zaman Tunku hingga ke zaman Dr. Mahathir namun UMNO tetap juga kuat dan masih mendapat kepercayaan majoriti rakyat Malaysia. Sungguhpun UMNO masih kuat sekarang ini, setelah mengalami berbagai krisis keimpinan di masa lalu, namun ini tidaklah bererti ia akan terus kuat selama-lamanya sekiranya ahli-ahlinya tidak peka dengan perubahan sekeliling mereka yang turut mempengaruhi sejarah parti politik mereka.

Pemimpin-pemimpin UMNO patutlah sedar bahawa cabaran politik sekarang bukan hanya datang dari dalam tubuh parti. Cabaran berbagai jenis dengan segala *complexity*nya juga datang dari luar parti dan cabaran-cabaran di luar parti adalah lebih bahaya lagi. Kalau salah membuat perkiraan dan



strategi oleh pemimpin-pemimpin parti ia boleh menghancurkan UMNO dan melemahkan kedudukannya dalam kerajaan kelak.

Perjuangan UMNO hari ini tidak boleh disamakan dengan UMNO lima puluhan di mana cabaran terhadapnya tidak begitu kuat dan anasir-anasir luar masih lagi kurang. Walaupun Parti Komunis Malaya cuba menggugat kerajaan namun akhirnya komunis gagal juga. Tapi senario politik menjelang abad dua puluh satu jauh lebih mencabar dari zaman Tunku, Tun Razak dan Tun Hussein Onn yang disatukan. Dr. Mahathir sedar tentang cabaran yang semakin hebat dari luar parti, dan beliau dengan berani dan penuh keyakinan menghadapi segala cabaran itu dengan menampilkan gagasan politiknya, iaitu Malaysia mesti bersifat *global* dalam pemikiran politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya supaya kita tidak tertinggal dalam arus perkembangan politik *global* yang melanda dunia sekarang.

Dr. Mahathir juga berpendapat Malaysia mesti menjadi sebuah negara industri terpenting di Asia Tenggara sama hebatnya dengan negara-negara yang maju seperti Jepun, Korea dan Singapura di sebelah sini dan juga negara-negara maju lainnya di Eropah dan Amerika. Kita mesti galakkan pelaburan dalam negeri dan membina infrastruktur yang baik dan canggih supaya para pelabur asing tertarik ke sini. Di samping itu kita mesti mencari pasaran untuk barangan-barangan perkilangan kita di seluruh dunia

tanpa mengira ideologi politik dan fahaman agama. Juga pasaran untuk hasil pertanian kita seperti kelapa sawit, koko, getah dan lain-lain mesti dicari sebarang laut. Para korporat Malaysia juga mesti mencari pasaran baru dengan cepat dan mesti berani melabur di luar Malaysia supaya mereka tidak ketinggalan dalam permainan politik bisnes antarabangsa. Pendek kata, menurut Wawasan 2020 yang menjadi dasar kerajaan sekarang, Malaysia mesti bergerak cergas di bidang antarabangsa supaya suaranya didengar orang dan ia tidak tertinggal di belakang sebagai negara yang separuh maju.

Wawasan 2020 memerlukan orientasi pemikiran yang *revolutionary* dari seluruh ahli UMNO dan para pemimpin di semua peringkat. Fikiran tradisional yang usang bahawa kita sudah berpuas hati dengan apa yang kita capai sekarang mesti dikikis habis. Hari ini pun sudah kelihatan yang UMNO bukan hanya memperjuangkan kepentingan Melayu dan Islam tetapi sudah sanggup menerima ahli-ahli Bumiputra yang bukan Islam oleh kerana keadaan politik negara yang cepat berubah. Malah orang-orang bukan Melayu juga mengharapkan kestabilan politik UMNO kerana mereka juga sedar bahawa keretakan dalam kepimpinan UMNO akan menjejaskan pula kestabilan kerajaan Barisan Nasional.

Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO kini sudah terkenal seluruh dunia

sebagai seorang tokoh pemimpin Selatan yang bersuara lantang, berani, tegas tetapi pragmatik dalam membawa suara dan rintihan negara-negara yang sedang membangun. Penghormatan yang diberikan oleh para pemimpin dunia kepada Perdana Menteri kita adalah juga satu kebanggaan bagi ahli-ahli UMNO. Tidak ada dalam sejarah perjuangan UMNO dan juga kerajaan Malaysia Perdana Menteri Malaysia begitu harum namanya di pentas politik antarabangsa seperti Dr. Mahathir. Soalnya apakah ahli-ahli UMNO hanya berpuas hati dan bersuka ria atas penghormatan yang diberikan dunia kepada Dr. Mahathir?

Ahli-ahli UMNO tidak boleh lagi berkhayal dengan sikap politik kekampungan, dengan pukulan kompiang dan taburan bunga sambil mengharapkan berbagai subsidi dari kerajaan. Fikiran ahli-ahli parti mesti berubah, lebih terbuka dan berpandangan jauh hingga meninjau di luar pantai Malaysia. UMNO sekarang bukan hanya untuk orang Melayu semata-mata tetapi juga menjadi pelindung orang-orang bukan Melayu juga. Ahli-ahli UMNO juga mesti bersikap *global* dalam pemikiran politik, ekonomi dan lain-lain lagi kerana *survival* Melayu dan Islam terletak kepada kemampuan pemikiran para pemimpin kita untuk merancang strategi menurut perubahan-perubahan yang mempengaruhi kita secara *global* tidak hanya memikirkan ayam itik di reban

masing-masing seolah-olah itulah dunia bangsa Melayu.

Malaysia kini terkenal sebagai sebuah negara yang pesat membangun, maju dan progresif dan Perdana Menteriya, Dr. Mahathir Muhamad, kini diakui sebagai seorang jaguh Dunia Ketiga yang dikagumi ramai. Sekarang Malaysia bukan saja meluaskan pasaran barangannya di seluruh dunia tetapi juga sanggup memberi berbagai bantuan teknikal dan kepakaran kepada negara-negara Ketiga yang memerlukan bantuan seumpama itu untuk kemajuan mereka. Di sidang negara-negara Islam suara Malaysia nyaring memperjuangkan hak dan maruah orang-orang di mana saja. Tentang peperangan di Bosnia-Herzegovina suara dan azam Perdana Menteri kita untuk membantu masyarakat Islam Bosnia adalah lebih nyaring dan berkesan dari suara pembesar-pembesar dari Arab Saudi atau pun Kuwait yang menjadi boneka Amerika sekarang ini. Pendek kata, negara kita menjadi terkenal seluruh dunia, khususnya di kalangan negara-negara Ketiga, oleh kerana kewibawaan dan ketokohan Dr. Mahathir Muhamad.

Ahli-ahli UMNO terutama sekali tidak boleh menjadi penonton yang pasif melihat sejarah yang berubah setiap detik yang juga mempengaruhi kehidupan seluruh rakyat. Kita bangga dengan kepimpinan Dr. Mahathir dan kita mesti juga mengubah cara berfikir kita menurut rentak dan keadaan

sekarang. Kita tidak boleh kembali pada zaman suasana kekampungan yang serba sepi dan cukup-cukup makan. Kalau gitulah anggapan kebanyakan ahli UMNO maka UMNO akan menghadapi krisis perubahan sikap yang parah yang boleh membawa kepada kehancuran kekuasaannya.

Oleh itu ahli-ahli UMNO terutama sekali mesti sanggup menghadapi segala cabaran luar dan dalam parti serta masyarakat kita sendiri. Setiap ahli UMNO mesti menjadi contoh yang baik kepada masyarakat Malaysia yang sedang menghadapi perubahan mental yang besar dewasa ini bahawa segala visi Wawasan 2020 yang dicetuskan oleh Dr. Mahathir itu dapat dipikul dengan penuh tanggungjawab oleh semua ahli parti. Ahli-ahli UMNO mesti berani mengubah cara berfikir menjadi lebih dinamik dan revolusionari dari tertakluk pada fikiran kekampungan yang menyerah bulat-bulat kepada nasib dan para pemimpin bangsa semata-mata. Kita sendiri mesti sanggup mengubah cara berfikir, sanggup menyesuaikan diri dengan tuntutan masa yang lebih mengutamakan sains teknologi dan wawasan fikiran yang globalsifatnya. Kalau tidak, bangsa Melayu akan hancur dan parti juga turut hancur oleh sebab kita terlalu lambat menyesuaikan fikiran dan sikap hidup kita menurut peredaran zaman dan waktu. Bangsa-bangsa lain yang berjiwa progresif cepat menyesuaikan diri dengan perubahan dan merebut berbagai peluang yang terbuka akibat dari Wawasan 2020

yang akan membawa Malaysia ke gerbang industrialisasi yang sangat hebat sekali.

Dr. Mahathir telah merintis jalan ke arah pembentukan negara industri berat dan maju. Untuk meneruskan perjuangan Perdana Menteri itu maka UMNO memerlukan tokoh yang berkaliber tinggi, tokoh intelektual yang dihormati ramai, dalam dan luar negara, dan seorang yang sudah menempah tempat yang unggul sebagai pemimpin parti. Walaupun dalam kabinet mahupun parti masih diberi keutamaan pada dasar tanggungjawab bersama (*collective responsibility*) namun begitu seorang tokoh yang bergelar pemimpin adalah menjadi penggerak utamanya — iaitu Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO. Bukankah gagasan Wawasan 2020 ciptaan Dr. Mahathir? Beliau sebagai pencetus idea dan juga pelaksana idea itu dalam kerajaan dan juga masyarakat.

Tapi gagasan yang baik ini perlu dipupuk, disiram dan diberi dorongan serta identiti yang lebih baik lagi oleh tokoh lain yang bakal menggantikan Dr. Mahathir takdirnya beliau tidak lagi menjadi Presiden merangkap Perdana Menteri. Walaupun pada hakikatnya Dr. Mahathir tidak menunjuk seorang individu tertentu menggantikannya sebagai bakal pemimpin parti dan kerajaan namun pada mata kasar orang ramai Dr. Mahathir sudah pun memberi sedikit sebanyak tanda siapakah penggantinya kelak. Tentulah

tokoh yang menggantikan kepimpinan negara dan parti mestilah seorang tokoh yang dapat memberi *impact* dan kesan yang lebih ketara lagi pada Wawasan 2020 itu. Ahli-ahli parti juga mahu UMNO dipimpin oleh seorang yang berjiwa Islam supaya identiti Melayu dan Islam tidak berubah sampai bila-bila masa. Di samping itu beliau juga mestilah seorang yang berpendidikan tinggi yang dapat mencetuskan idea-idea yang bernas serta menyusun strategi yang baik untuk memimpin negara dan parti kelak.

Oleh kerana majoriti ahli-ahli UMNO kini terdiri dari generasi muda yang kebanyakannya mendapat pendidikan sekurang-kurangnya ke peringkat SPM dan banyak juga yang berkelulusan universiti maka sudah pasti mereka mahu UMNO dipimpin oleh tokoh yang berkaliber seperti Dr. Mahathir sekiranya Dr. Mahathir melepaskan jawatan kerajaan dan parti. UMNO tidak boleh menoleh ke belakang untuk mencari kekuatan politiknya. Ia mesti pandang jauh ke depan dan mesti bijak membuat ramalan tentang situasi politik-ekonomi secara global supaya UMNO terus menerus berkuasa dan berpengaruh di kalangan orang Melayu dan Bumiputra lainnya serta diterima oleh rakyat bukan Melayu juga sebagai pemimpin negara. UMNO terpaksa menentang berbagai jenis cabaran untuk mengukuhkan kuasa politiknya dan oleh kerana itu ia tidak boleh lemah

atau dipimpin oleh seorang pemimpin yang lemah.

Para ahli perlulah sedar bahawa usia Dr. Mahathir kian meningkat. Usia beliau kini ialah 68 tahun dan usia Encik Ghafar juga lebih kurang sama dengan Dr. Mahathir. Walaupun UMNO masih mahu lagi perkhidmatan dan sumbangan Dr. Mahathir memimpin parti dan kerajaan namun UMNO juga harus mencari tokoh alternatif yang boleh menggantikan Dr. Mahathir sekiranya sesuatu hal berlaku pada beliau. Kita tidak mahu melihat UMNO hilang pedoman tanpa Dr. Mahathir kelak. Oleh hal demikian dalam pilihan Majlis Tertinggi UMNO November ini para ahli dan perwakilan UMNO mestilah bijak memilih tokoh-tokoh penting menerajui Majlis Tertinggi UMNO kelak. Jangan salah pilih kerana kalau tersalah pilih akibatnya UMNO akan menjadi kacau bilau dan masa depan Melayu, Bumiputra lainnya dan Islam juga akan terganggu.

Dunia hari ini memerlukan tokoh-tokoh yang berilmu pengetahuan tinggi yang dapat menggunakan ilmu pengetahuan dan kepakaran dari orang-orang lain untuk merancang masa depan negara dan rakyat Malaysia. Sekurang-kurangnya tokoh yang akan menggantikan Dr. Mahathir itu mestilah seorang yang boleh melanjutkan gagasan fikiran Wawasan 2020 dengan penuh tanggungjawab. Wawasan 2020 adalah baik dan rakyat Malaysia mesti menyokong gagasan tersebut. Oleh itu tokoh politik yang boleh



membawa perubahan yang dinamik dan progresif untuk rakyat Malaysia dan negara kita tidak lain dan tidak bukan ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini mendapat sanjungan bukan saja di kalangan rakyat Malaysia tetapi juga kalangan pemimpin-pemimpin dunia.

Ada beberapa faktor mengapa ahli-ahli parti dan para perwakilan ke perhimpunan agung UMNO patut memberi perhatian yang istimewa kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kalau dibandingkan tentang usianya berkecimpung dalam UMNO memanglah Anwar tidak begitu lama kalau dibandingkan dengan Encik Ghafar atau pun Datuk Abdullah Badawi. Encik Ghafar seorang pemimpin lama yang boleh dianggap sebagai salah seorang perintis UMNO. Datuk Abdullah Badawi juga telah menjadi ahli kabinet sejak zaman Tun Razak lagi, dan hilang kerusi kabinetnya sementara waktu apabila beliau masuk kem B sewaktu UMNO menghadapi krisis. Bagaimana pun sekarang ini Datuk Abdullah menjadi salah seorang tokoh UMNO yang juga dianggap berkaliber. Anwar hanya masuk kabinet sewaktu Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, dan sejak menjadi ahli kabinet bintang Anwar menjadi semakin cerah hingga ada pihak tertentu menganggap bintangnya yang cerah telah menggelapkan bintang orang lain pula.

Tapi apakah soal lama atau baru dalam UMNO yang menentukan kewibawaan dan ketokohan

seseorang? Sudah tentu tidak jadi ukuran. Kalau Dr. Mahathir mahu memilih seorang tokoh yang lama untuk memimpin parti selepasnya tentulah beliau akan memilih orang yang lama dalam UMNO untuk menggantikannya kelak. Sudah tentu Dr. Mahathir akan memberi kementerian yang penting kepada tokoh yang disukainya, misalnya Kementerian Kewangan — sebuah kementerian yang penting untuk sesebuah negara apalagi seperti Malaysia yang menjurus kepada negara industri berat dan canggih. Kini Anwar yang dipilihnya selepas Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan. Ini adalah satu petunjuk bahawa Dr. Mahathir inginkan seorang tokoh muda yang berkaliber untuk menerajui kepimpinan UMNO kelak.

Dr. Mahathir juga arif dan sedar bahawa Encik Ghafar yang seusia dengannya tidak akan berkemampuan untuk menerajui UMNO seperti yang dicita-citakannya. Dr. Mahathir terkenal sebagai seorang tokoh politik yang demanding, suka bekerja keras dan *no nonsense* dalam melaksanakan tugas untuk kepentingan rakyat jelata. Beliau tidak suka kepada politisyen yang suka jual janji kepada rakyat tetapi tidak menepati janji. Politisyen-politisyen seperti itu bercambah dalam UMNO. Pemimpin-pemimpin seperti itu boleh datang dan pergi tanpa dirasai kehilangannya oleh rakyat.

Banyak orang berpendapat Dr. Mahathir tidak akan terus menerus memegang teraju UMNO dan

kerajaan. Walaupun kesihatannya okay tapi besar kemungkinan beliau akan melepaskan jawatan-jawatannya dalam parti dan kerajaan setelah yakin beliau mendapat seorang pengganti yang boleh dipercayainya dan yang diterima oleh majoriti ahli UMNO dan juga rakyat. Sebenarnya UMNO lah yang menentukan tokoh yang bakal menggantikan tempat Dr. Mahathir itu. Ahli-ahli UMNO yang ada kuasa dan kepada merekalah terletak tanggungjawab yang besar untuk memilih bakal Presiden UMNO dan Perdana Menteri kelak selepas Dr. Mahathir. Oleh itu ahli-parti mestilah peka dan mestilah berpandangan jauh dalam pemilihan seorang tokoh yang bakal menjadi Presiden merangkap Perdana Menteri Malaysia.

Semolek-moleknya pemilihan tokoh yang penting ini untuk membuka lembaran baru dalam sejarah perjuangan UMNO dan Barisan Nasional janganlah berdasarkan semangat kenegerian yang sempit. Kalau itu berlaku besar kemungkinan UMNO akan memilih tokoh yang kurang layak dan kurang wibawa untuk memimpin UMNO. Misalnya, orang Johor janganlah pula menonjolkan calon dari Johor sebagai bakal Presiden UMNO walhal mereka sendiri tahu tokoh yang dicalonkan itu tidak akan mendapat sokongan majoriti ahli-ahli UMNO. Oleh kerana Dr. Mahathir berasal dari Kedah tidaklah bermakna bakal Perdana Menteri yang akan datang mesti dari Kelantan atau Johor atau pun Pahang. Sekiranya Anwar

dianggap sebagai tokoh yang layak memimpin parti dan kerajaan oleh majoriti bahagian dan perwakilan UMNO selepas Dr. Mahathir maka tidak timbul sama sekali soal tempat kelahirannya. Yang penting bukanlah tempat kelahiran sang tokoh tetapi kemampuan dan kalibernya sebagai pemimpin yang diuji oleh berbagai cabaran dan masa.

Memanglah ramai yang inginkan jawatan Presiden UMNO yang membolehkan seseorang menjadi bakal Perdana Menteri. Seperti kata peribahasa Melayu ukurlah baju di badan sendiri. Tidak semua layak memegang jawatan Presiden parti dan menjadi bakal Perdana Menteri. Ahli-ahli UMNO sekarang lebih kritikal dan bijak menilai kemampuan seseorang pemimpin yang memburu jawatan dan kuasa. Mereka juga tahu dan sedar ada setengah pemimpin hanya layak bermain politik secara orang kampung walaupun mereka berkali-kali keluar negara kerana lawatan-lawatan rasmi. Ada juga pemimpin politik yang naik kerana nasib mereka baik dan kebetulan pada ketika yang genting Dr. Mahathir memerlukan orang seperti itu. Banyak ahli parti juga tahu ada pemimpin parti yang sarat menanggung hutang berpuluh-puluh juta ringgit oleh kerana tidak bijak buat bisnes. Tentulah pemimpin-pemimpin yang menanggung hutang yang banyak tidak layak memimpin parti dan kerajaan kerana

risiko kepada parti dan kerajaan amat besar sekali. Oleh kerana rekod kepimpinan Dr. Mahathir disanjung tinggi oleh rakyat jelata maka kita tidak mahu rekod kepimpinan UMNO yang baik itu dicemari oleh pemimpin yang berat menanggung hutang pula.

Sejak zaman Tunku, Tun Razak, Tun Hussein Onn hingga ke zaman Dr. Mahathir tidak pernah terdengar Perdana Menteri Malaysia dibebani hutang berpuluh juta ringgit. Yang kita dengar ada antara Perdana Menteri kita yang berkorban harta sendiri untuk menggerakkan parti seperti Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj. Oleh hal yang demikian ahli-ahli UMNO mestilah memastikan jangan sekali-kali memilih calon-calon yang banyak hutang untuk menduduki Majlis Tertinggi UMNO tahun ini. Yang lebih penting lagi ahli-ahli UMNO patutlah memastikan calon yang mereka pilih untuk bakal Presiden parti dan bakal Perdana Menteri janganlah seorang tokoh yang dibebani hutang berjuta-juta ringgit. Seorang pemimpin yang berserabut dengan hutang berjuta-juta ringgit tidak akan berjaya mentadbir negara dan parti dengan licin dan baik oleh sebab dia dihantui dan diburu oleh hutang-hutangnya saban masa. Hutang-hutang berjuta-juta ringgit itu adalah akibat dari kegagalan dalam perniagaan yang sendirinya membayangkan bahawa orang yang dikelilingi hutang itu tidak mampu untuk

menyelesaikan masalah peribadinya. Kalau masalah peribadi pun tidak dapat diatasi dengan baik bagaimanakah dia boleh memimpin parti dan kerajaan dengan baik, jujur dan penuh dedikasi? Menunglah sebentar dan fikirkan semasak-masaknya sebelum memberi undi anda kepada siapa saja tokoh parti yang dibebani hutang berpuluh juta ringgit. Besar kemungkinan Dr. Mahathir juga tidak menganggap tokoh yang banyak hutang itu sesuai untuk menggantikan dirinya dalam parti dan juga kerajaan.

Hari ini ahli-ahli UMNO mesti berfikir berhati-hati memilih tokoh-tokoh parti untuk mengisi keperluan parti dan negara untuk masa depan. Kita tidak boleh memilih tokoh-tokoh parti oleh kerana hendakkan habuan dan ganjaran kerana kalau itulah yang menjadi matalamat perjuangan ahli-ahli UMNO alamatlah UMNO akan menjadi lemah dan, kalau lemah, bermakna masa depan Melayu dan Islam akan menjadi suram.

Perjuangan UMNO mestilah berdasarkan pengorbanan dan kejujuran untuk melihat UMNO menjadi bertambah kuat dan terus menerus menguasai kerajaan Malaysia kalau boleh selama-lamanya. Hasrat ini tidak akan tercapai kalau ahli-ahli parti mengharapkan keuntungan peribadi dalam segala usaha parti. Ada orang kalau tidak mendapat faedah pada dirinya tidak mahu lagi berbakti untuk parti. Ini sikap yang salah dan mesti dihapuskan. UMNO

akan menjadi bertambah kuat dan lebih dihormati orang ramai sekiranya semua ahli parti bersatu tekad, bekerjasama dan mengukuhkan perpaduan menjadikan UMNO sebagai model parti politik yang paling berwibawa dan berdisiplin antara parti-parti di Malaysia.

Sekiranya ahli-ahli UMNO memilih tokoh-tokoh penting di peringkat Majlis Tertinggi dari suatu golongan tertentu tanpa menilai kemampuan dan latarbelakang kepimpinan orang-orang itu untuk menghadapi cabaran yang lebih hebat secara global besar kemungkinan akan timbul keretakan dalam UMNO. Seboleh-bolehnya ahli-ahli parti hindarkan UMNO dari berpecah-belah yang boleh melemahkan parti. Yang baik pilihlah tokoh-tokoh yang banyak berjasa kepada parti, yang mahu menghadapi cabaran secara *global*, berpendidikan tinggi dan banyak pengalaman serta mempunyai latarbelakang yang baik. Dr. Mahathir sudah pun meletakkan ukuran nilai kepimpinan parti dan kerajaan yang begitu tinggi dan *sophisticated* berdasarkan ilmu pengetahuan, idea-idea pembangunan yang dinamik dan kreatif serta latarbelakang kepimpinan yang baik dan disanjung oleh masyarakat dan juga parti. Dengan demikian tokoh-tokoh yang bakal menggantikan Dr. Mahathir mestilah mereka yang mempunyai kaliber dan stail kepimpinan yang direstui oleh Dr. Mahathir.

UMNO tidak akan berpecah sekiranya ahli-ahli parti dan para perwakilan memilih tokoh-tokoh muda

yang banyak pengalaman dan berjiwa dinamik untuk menjadi pemimpin pelapis kelak. Sebagai seorang pemimpin negara yang masak dalam pengalaman berpolitik Dr. Mahathir tidak secara terus terang menunjuk seseorang individu yang akan menggantikan kedudukannya. Beliau bijak kerana tidak mahu timbul soal pilihkasih dalam UMNO. Namun demikian beliau kini telah pun menguji beberapa orang tokoh-tokoh muda yang berkaliber untuk melihat sejauhmana mereka boleh menghayati dan melaksanakan Wawasan 2020nya. Nampaknya Dr. Mahathir yakin dengan potensi dan kewibawaan tokoh-tokoh muda yang berpengalaman untuk menerajui kepimpinan UMNO dan kerajaan kelak.

- Apakah ini bermakna Dr. Mahathir menolak tokoh-tokoh veteran untuk menjadi pemimpin pelapis yang boleh mengganti kedudukan beliau? Apakah Dr. Mahathir tidak menghargai jasa-jasa tokoh-tokoh veteran dan sanggup mengenyepikan sumbangan mereka untuk UMNO dan negara? Sebenarnya Dr. Mahathir tidak melupai jasa-jasa veteran dalam UMNO. Tanpa pejuang-pejuang veteran yang ada sekarang UMNO mungkin tidak berjaya mendapatkan kemerdekaan dari British. Banyak tokoh-tokoh veteran mendapat berbagai kedudukan penting dalam kerajaan sejak dulu dan sekarang sekurang-kurangnya sebagai pengerusi berbagai perbadanan dan lain-lain. Tidakkah adil mengatakan Dr. Mahathir mengenyepikan veteran kerana mahukan tokoh-tokoh muda



dalam UMNO. Bagaimana pun pejuang-pejuang veteran patutlah menyedari bahawa perubahan sosio-budaya, politik dan ekonomi negara begitu pesat maka kerajaan Mahathir terpaksa memberi lebih banyak peluang kepada tokoh-tokoh muda yang berpotensi mengisi cita-cita parti dan kerajaan. Tokoh-tokoh muda mestilah diberi peluang, pendedahan dan kedudukan dalam parti dan juga kerajaan untuk memberi pengalaman kepada mereka supaya mereka boleh menentukan nasib UMNO dan negara kepada suatu matalamat yang baik dan bermaruah untuk semua rakyat Malaysia khususnya Melayu/Bumiputra dan Islam.

Dr. Mahathir telah merintis jalan mewujudkan Wawasan 2020 dengan suatu matalamat yang mulia dan bermaruah untuk bangsa dan negara Malaysia. Terpulanglah kepada tokoh-tokoh muda yang bakal mengisi kepimpinan parti di peringkat atasan untuk melaksanakan segala matalamat Wawasan 2020 tersebut. Yang diutamakan oleh Dr. Mahathir ialah kesinambungan kepimpinan UMNO dan kerajaan agar rakyat Malaysia tetap memberi keyakinan dan kepercayaan penuh kepada kepimpinan UMNO selepas Mahathir. Tidak timbul kepinggiran tokoh-tokoh veteran sama sekali. Seseorang pemimpin hanya boleh memainkan peranannya di pentas politik untuk sesuatu waktu sahaja — tidak keseluruhan hidupnya sebagai pemimpin parti mahupun kerajaan. Inilah hukum alam yang memungkinkan berbagai jenis

mainan politik, antara untung dan rugi, antara yang berkuasa dengan mereka yang kehilangan kuasa. Ia berlaku di mana-mana tanpa mengira apakah sistem politik yang dianuti oleh sesuatu parti yang berkuasa.

Dengan menyedari hakikat ini maka menjadi tanggungjawab setiap ahli UMNO memilih dengan bijaksana tokoh-tokoh pemimpin yang boleh melanjutkan tradisi kepimpinan yang dinamik seperti Dr. Mahathir. Dr. Mahathir juga sedar bahawa dengan usianya yang menghampiri 70 tahun tentulah beliau juga menganggap dirinya sebagai tokoh veteran juga walaupun rakyat Malaysia menganggap beliau sebagai seorang tokoh UMNO dan negara yang banyak mencorak sejarah negara Malaysia yang mengharumkan negara kita di seluruh dunia. Sebelum beliau melepaskan kepimpinan parti dan kerajaan terlebih dahulu beliau ingin tahu siapakah tokoh pemimpin yang dipilih oleh ahli-ahli parti dan perwakilan untuk mengisi kekosongan kelak? Walaupun sebagai pemimpin beliau boleh menunjuk tokoh yang beliau senangi namun beliau tetap menyerahkan hak pemilihan itu kepada ahli-ahli parti sendiri. Di sinilah letaknya jiwa besar Dr. Mahathir sebagai pemimpin di mana beliau lebih mengutamakan kepentingan parti dari kepentingan peribadinya dalam membuat pilihan bakal penggantinya.

Sekarang ahli-ahli parti mestilah tepuk dada tanya selera sendiri. Pemilihan ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO kali ini sangat penting kerana tokoh-

tokoh yang bakal dipilih kelak akan menjadi pemimpin-pemimpin yang bakal menggantikan Presiden dan Timbalan Presiden sekarang. Mereka juga nanti akan menjadi bakal Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kelak yang akan menentukan sejarah baru bagi Malaysia, UMNO dan juga Barisan Nasional. Oleh kerana itu amatlah baik sekiranya bahagian-bahagian UMNO seluruh negara, atau sebanyak mana yang boleh, mencalonkan tokoh-tokoh yang paling berwibawa untuk mengisi hirarki UMNO kelak.

Bagaimana pun tidaklah wajar kiranya ahli-ahli jawatankuasa cawangan dan bahagian mencalonkan seorang tokoh untuk menentang Presiden parti. Presiden sekarang mesti dipertahankan kerana beliau berjaya besar pada parti dan negara. Adalah dirasakan oleh semua golongan dalam parti dan juga di luar UMNO sendiri bahawa pemimpin-pemimpin lain mesti banyak mempelajari segala selok-belok politik dari Dr. Mahathir lagi. Banyak berpendapat tidak ada seorang pemimpin berkaliber seperti Dr. Mahathir dalam UMNO sekarang. Oleh itu kedudukannya mesti dipertahankan sebagai Presiden UMNO.

Sekiranya majoriti cawangan dan bahagian berpendapat bahawa lain-lain jawatan dalam Majlis Tertinggi (kecuali jawatan Presiden) mesti dipertandingkan maka ia bermakna ahli-ahli parti menggunakan hak demokrasi mereka untuk membuat pilihan yang

adil bagi kepentingan parti. Kalau ada pemimpin-pemimpin sekarang yang memegang jawatan dalam Majlis Tertinggi dicabar maka janganlah menganggap cabaran itu sebagai usaha untuk memecah-belahkan parti. UMNO tidak akan berpecah-belah kerana ada tentangan terhadap mereka yang menduduki Majlis Tertinggi sekarang. Sekiranya bahagian-bahagian dan para perwakilan menganggap ada tokoh dalam Majlis Tertinggi sekarang (kecuali Presiden) mesti diganti dengan tokoh yang lebih baik lagi maka itu adalah hak ahli-ahli parti untuk memilih tokoh-tokoh alternatif. Tindakan ini adalah sihat sesuai dengan cita-cita demokrasi.

Pemimpin boleh datang dan pemimpin boleh pergi. Yang penting mestilah mencari pemimpin yang lebih baik dan bermutu dari setengah pemimpin yang duduk dalam Majlis Tertinggi sekarang. Jawatan dalam Majlis Tertinggi bukanlah untuk selama-lamanya. Ia ditentukan oleh ahli-ahli parti sekali dalam tiga tahun. Kalau majoriti ahli dan perwakilan menganggap beberapa orang tokoh dalam Majlis Tertinggi mesti digugurkan dan diganti dengan muka-muka baru yang dianggap mampu menghadapi cabaran-cabaran yang bersifat *global* maka mereka berhak menggantikan tokoh-tokoh yang ada. Sebaik-baiknya setengah pemimpin yang tidak mampu lagi menghadapi cabaran baru yang serba menggugat intelek dan tenaga patutlah mengundur diri secara

terhormat untuk memberi jalan kepada tokoh-tokoh yang lebih berpotensi untuk mengambil kedudukan mereka.

Ingatlah, masa depan UMNO terletak pada kebijaksanaan ahli-ahlinya memilih dan menentukan komposisi Majlis Tertinggi parti pada November 1993 ini. Kalau salah membuat pilihan untuk beberapa jawatan penting seperti Timbalan Presiden, Naib Presiden dan ahli-ahli Majlis Tertinggi maka UMNO dan seluruh ahli-ahlinya akan menerima akibatnya. Pilihlah mereka yang boleh mewujudkan kesinambungan cita-cita Presiden hingga ke abad kedua puluh satu kelak. Ahli-ahli UMNO patut juga sedar bahawa besar kemungkinan tahun 1994 akan diadakan pilihan raya. Ini bererti tokoh-tokoh yang dipilih untuk Majlis Tertinggi November akan datang akan memainkan peranan penting untuk menentukan kejayaan Barisan Nasional lagi sekali. Oleh itu ahli-ahli parti mesti pastikan bahawa tokoh-tokoh yang berkualiti sahaja dipilih menganggotai Majlis Tertinggi. Mestilah pilih mereka yang boleh membantu Presiden merangkap Perdana Menteri dengan penuh dedikasi dan kaya dengan intelek supaya cita-cita Wawasan 2020 terlaksana dengan lebih berkesan lagi.

Dr. Mahathir sendiri dalam beberapa kenyataan akhbarinya telah menjelaskan kepada seluruh ahli UMNO bahawa beliau tidak boleh meng-

halang ahli-ahli parti dari mencalonkan tokoh-tokoh yang mereka pilih untuk merebut apa saja jawatan dalam Majlis Tertinggi. Ini bermakna Dr. Mahathir bersikap demokratik dan menyerahkan kepada seluruh ahli UMNO untuk memilih siapa saja pemimpin parti untuk merebut apa saja jawatan dalam UMNO. Setiap ahli UMNO tentulah menyambut baik seruan Presiden kerana beliau memberi lampu hijau kepada semua cawangan dan bahagian UMNO yang bersidang, dan juga kepada para perwakilan pada bulan November ini kebebasan sepenuhnya untuk memilih calon-calon bagi semua jawatan dalam parti.

Bagaimana pun semua ahli UMNO bersetuju bahawa jawatan Presiden yang disandang oleh Dr. Mahathir tidak akan ditandingi kerana semua ahli parti menghormati dan memerlukan kepimpinan beliau. Tetapi jawatan Timbalan Presiden dan lain-lain akan menghadapi saingan yang hebat dalam perhimpunan akan datang. Banyak penyokong-penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim berpendapat Anwar mesti mencabar Encik Ghafar untuk jawatan Timbalan Presiden kelak sekiranya beliau ingin menyambung perjuangan Dr. Mahathir dan menjadikan Wawasan 2020 suatu kenyataan dalam abad keduapuluh satu nanti. Banyak pihak berpendapat Encik Ghafar tidak mampu mendukung cita-cita Dr. Mahathir yang memerlukan tenaga intelek serta kegigihan yang hebat untuk

merancang strategi pembangunan negara di samping menghadapi cabaran-cabaran dalam politik antarabangsa. Inilah ketika yang paling baik bagi Anwar mengatur strategi dan merancangkan masa depan politiknya supaya beliau dapat mengambil alih kepimpinan parti dan kerajaan kelak sekiranya Dr. Mahathir mengundur diri dari dunia politik. Kalau Anwar tidak sanggup menentang Encik Ghafar kali ini bererti besar kemungkinan Ghafar akan menggantikan tempat Dr. Mahathir sebagai bakal Perdana Menteri. Banyak orang meramalkan sekiranya Ghafar menjadi Perdana Menteri imej Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun pesat dengan peranannya sebagai jurubicara Dunia Ketiga akan turut terjejas.

Sekiranya ahli-ahli UMNO tidak mahu imej Malaysia terjejas maka mereka mesti mencalonkan Anwar sebanyak-banyaknya di peringkat cawangan dan bahagian kelak sebagai calon Timbalan Presiden. Sekiranya Anwar mendapat sekurang-kurangnya 120 pencalonan di peringkat bahagian maka ini akan memberi kemenangan yang agak memuaskan dalam perhimpunan agung November ini. Sekiranya Anwar mendapat pula sekurang-kurangnya 50% dari undi para perwakilan kelak maka ini akan menjamin kemenangan Anwar sebagai Timbalan Presiden dan dengan itu menempatkan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri selepas pilihan raya kebangsaan

akan datang.

Anwar akan sanggup menentang Encik Ghafar sekiranya beliau mendapat pencalonan melebihi 100 bahagian untuk memastikan kemenangannya. Melihat dari trend politik di berbagai negeri nampaknya banyak bahagian akan mencalonkan Anwar untuk jawatan Timbalan Presiden. Di mana-mana saja orang-orang UMNO banyak membincangkan pertarungan antara Ghafar dengan Anwar, dan nampaknya banyak yang menyokong Anwar. Alasan yang diberikan sangat mudah difahami. Dr. Mahathir lebih senang melihat Anwar yang seiring jalan dengannya untuk merealisasikan cita-cita Wawasan 2020 menang dalam pertandingan supaya ada kesinambungan dalam melaksanakan impian dan harapan Dr. Mahathir nanti.





**Encik Ghafar Baba hebat orangnya. Walaupun ber-  
usia 67 tahun tapi masih boleh menambah isteri  
seorang lagi. Kali ini seorang janda keturunan Indo-  
nesia yang tinggal di Sabah yang menjadi seorang  
pemimpin Wanita UMNO di sana. Nampaknya USNO  
terlepas dari Ghafar tapi janda muda trang tang tang  
menjadi isterinya.**

# 10

## PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 1993

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO kali ini akan menggerakkan seluruh negara kerana pemilihan baru bagi Majlis Tertinggi UMNO. Banyak hal yang menarik perhatian rakyat dan juga pemerhati-pemerhati politik Malaysia oleh sebab pemilihan tokoh-tokoh penting kali ini akan menentukan arah serta matalamat kepimpinan Malaysia menjelang abad keduapuluh satu kelak.

Yang jelas ialah kedudukan Dr. Mahathir sebagai Presiden. Beliau akan menang tanpa bertanding kerana seluruh ahli UMNO memberi sokongan bulat dan padu kepadanya. Tanpa kepimpinan yang bijaksana dari Dr. Mahathir UMNO tidak akan menjadi sebuah parti yang dikagumi dan dihormati ramai yang terus menerus mendapat dukungan rakyat berbilang kaum untuk menerajui kepimpinan kerajaan. Banyak orang

menganggap Dr. Mahathir bukan saja seorang Presiden UMNO dan Perdana Menteri tetapi juga dianggap sebagai seorang tokoh negarawan dan jurubicara negara-negara Dunia Ketiga.

Ramai pemimpin UMNO berpendapat hanya jawatan Presiden yang tidak perlu dipertandingkan kerana Dr. Mahathir sukar cari gantinya. Tapi jawatan-jawatan lain, dari Timbalan Presiden hingga kepada ahli Majlis Tertinggi, mestilah dipertandingkan oleh kerana sudah ada pemimpin-pemimpin parti yang dinamik yang sanggup memikul tanggungjawab parti. Tokoh-tokoh yang berpengalaman dan berkebolehan serta berpendidikan tinggi berpendapat bahawa politik Malaysia abad kedua puluh satu akan lebih canggih lagi dan lebih kompleks yang memerlukan barisan pemimpin Melayu yang berfikiran *global* tetapi tidak melupai akar budaya Melayu dan agama Islam yang suci.

Sekiranya banyak calon menawarkan diri untuk bertanding semua jawatan, kecuali Presiden, maka tawaran itu mestilah diterima dengan dada yang lapang dan kepala yang dingin. Tidak usah menganggap bahawa perpaduan parti akan terjejas sekiranya banyak calon menawarkan diri mereka untuk bertanding. Pada masa ini tidak ada jawatan parti yang tidak boleh ditandingi kecuali jawatan Presiden oleh kerana ketokohan dan kepimpinan Dr. Mahathir tetap diperlukan oleh parti dan negara. Jawatan-

jawatan lain perlulah dipertandingkan demi mempertahankan demokrasi dan memberi peluang kepada tokoh-tokoh pemimpin yang lain mencuba nasib dan membuktikan kemampuan mereka pula. Dengan kata lain, UMNO bukanlah sebuah kelab eksklusif untuk orang tertentu sahaja.

UMNO mesti berusaha mendapatkan pemimpin-pemimpin yang lebih berkaliiber dari masa ke masa demi menjaga kepentingan bangsa, agama dan negara. Dengan cara begitu dapatlah UMNO terus menerus mempertahankan kewibawaan dan kecemerlangan dalam kepimpinan parti dan kerajaan selama-lamanya. Sekiranya ada halangan atau teguran untuk mempertahankan jawatan-jawatan tertentu dalam parti hanya atas alasan untuk menjaga hati seseorang tokoh tertentu maka akan timbul reaksi yang kurang sihat di kalangan UMNO seolah-olah ada jawatan tertentu yang dikhaskan untuk seorang pemimpin tertentu pula. Ini tentulah akan menimbulkan reaksi negatif dari ahli-ahli parti yang mahukan pertandingan yang sihat, bermaruah supaya mereka dapat menempatkan tokoh-tokoh yang berkaliiber dan berpotensi besar menjadi ahli-ahli Majlis Tertinggi parti kelak.

Dalam hal ini ramai di kalangan pemimpin parti berpendapat bahawa jawatan Timbalan Presiden mesti dipertandingkan kerana ada tokoh yang lebih berkaliiber boleh dicalonkan menentang Encik Ghafar Baba. Kalau Encik Ghafar berpegang pada prinsip demokrasi seharusnya beliau

menerima cabaran terhadapnya dengan dada terbuka dan kepala yang dingin. Inilah demokrasi namanya, dan seorang pemimpin yang berjiwa besar seperti Encik Ghafar tentulah sanggup menerima cabaran dari siapa saja yang berhasrat merebut jawatan Timbalan Presiden itu. Dalam siri lawatan Encik Ghafar ke berbagai negeri beliau selalu menyebut tentang sanjungannya terhadap kepimpinan Dr. Mahathir sebagai Presiden merangkap Perdana Menteri Malaysia. Sanjungan Encik Ghafar itu juga disambut baik oleh semua ahli UMNO yang sangat-sangat menghargai jasa-jasa dan kebijaksanaan Dr. Mahathir sebagai pemimpin politik negara dan parti. Oleh kerana itu tidak perlu seorang pun mencabar kedudukan Dr. Mahathir sebagai Presiden. Tapi lainlah dengan jawatan Timbalan Presiden dan jawatan-jawatan lain dalam Majlis Tertinggi. Jawatan-jawatan ini mesti dipertandingkan sekiranya ada bahagian yang mencalonkan tokoh-tokoh tertentu kelak.

Kedudukan Presiden, Timbalan Presiden dan tiga jawatan Naib Presiden amat penting dalam hirarki kepimpinan parti dan juga kerajaan. Presiden kini menjadi Perdana Menteri dan Timbalan Presiden pula sebagai Timbalan Perdana Menteri. Naib Presiden yang mendapat jumlah undi perwakilan yang terbanyak sekali akan mempunyai peluang yang baik menjadi Timbalan Presiden merangkap Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya menjadi Perdana

Menteri sekiranya sesuatu hal berlaku pada salah seorang Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri yang tidak membolehkannya menjalankan tugas dalam kerajaan dan juga parti, misalnya salah seorang dari mereka mati. Inilah yang menyebabkan banyak pemimpin yang berhasrat untuk menawarkan diri bagi berbagai jawatan dalam UMNO kecuali menentang Presiden yang ada sekarang.

Sepertimana yang telah dimaklumkan bahawa Dr. Mahathir pernah membuat kenyataan yang beliau ingin melihat jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak ditentang. Ahli-ahli UMNO tentulah menghargai ingatan baik dari beliau kerana mereka menghormati beliau sebagai Presiden UMNO. Oleh kerana itu tidak seorang pun pemimpin UMNO yang akan menentang Dr. Mahathir kerana pada ketika ini tidak ada seorang pun pemimpin UMNO yang berkualiti boleh mengatasi kewibawaan beliau. Dengan kata lain, mereka patuh pada permintaan Presiden.

Bagaimana pun dalam kenyataan yang terkecualian Dr. Mahathir pernah menyatakan bahawa beliau hanya boleh memberi nasihat kepada ahli-ahli parti agar jangan mencabar jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Tetapi sekiranya ahli-ahli UMNO masih mahu juga mencalonkan nama orang lain untuk menentang Presiden dan Timbalan Presiden sekarang beliau tidaklah boleh berbuat apa-apa kerana UMNO mengamalkan demokrasi dan adalah hak ahli-ahli untuk membuat pilihan mereka sendiri.

Banyak pemerhati politik berpendapat Dr. Mahathir sudah dapat merasai bahawa sudah memuncak kempen di kalangan ahli-ahli untuk membawa angin perubahan dalam kepimpinan UMNO. Mereka mahu jawatan Timbalan Presiden dipertandingkan tetapi bukan jawatan Presiden.

Tetapi banyak ahli UMNO berpendapat mereka mempunyai seorang calon yang berkaliber dan yang dianggap lebih dinamik untuk merebut jawatan Timbalan Presiden pada November ini. Soal menang atau kalah adalah mainan alam dan oleh kerana itu banyak ahli UMNO akan mencalonkan seorang tokoh muda yang berkaliber mencabar Encik Ghafar untuk Timbalan Presiden. Sekiranya tokoh muda ini kalah maka beliau menerima kekalahan itu dengan dada terbuka dan terus akan berikan kerjasama kepada Encik Ghafar untuk sama-sama membina keharmonian hidup bersama rakyat. Dengan demikian tidak timbul keretakan atau krisis dalam UMNO seperti mana yang didongengkan oleh pihak tertentu yang tidak mahu Timbalan Presiden dicabar.

Ada pihak cuba menakut-nakutkan ahli-ahli UMNO bahawa sekiranya Timbalan Presiden dicabar akan berlaku krisis dalam parti yang mungkin membawa perpecahan seperti dalam tahun 1987. Apakah ini benar? Apakah UMNO akan berpecah kerana ada pihak mahu mempertahankan kedudukan Encik Ghafar sebagai Timbalan Presiden? Banyak berpendapat UMNO tidak akan berpecah-belah kera-

na ada pihak mencabar Encik Ghafar sebagai Timbalan Presiden. Pada tahun 1987 Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam mencabar Dr. Mahathir sebagai pemimpin UMNO, dan oleh kerana Tengku Razaleigh menubuhkan Semangat 46 maka UMNO asal berpecah. Bukan kerana mereka mencabar kedudukan Encik Ghafar. Walaupun Encik Ghafar menjadi Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden namun beliau tidak mempunyai pengaruh yang berkesan yang boleh menimbulkan krisis dan perpecahan dalam UMNO seperti yang berlaku pada tahun 1987 itu. Hal ini jangan disalahmengertikan oleh pihak tertentu yang tidak mahu perubahan di peringkat Timbalan Presiden.

Ramai berpendapat UMNO mesti menerima perubahan yang menyeluruh (kecuali Presiden) untuk menjamin UMNO tidak ketinggalan zaman dari segi kepimpinan politik di masa akan datang. Pertandingan secara sihat dan tertib mesti dilaksanakan supaya menjamin masa depan UMNO dan kepimpinan Melayu tidak pudar ditelan zaman. Sistem demokrasi yang kita amalkan itu mesti dipraktikkan juga dalam UMNO supaya tidak timbul tuduhan *double standard*. Hanya melalui pertandingan yang sihat sahaja UMNO akan memperolehi tokoh-tokoh pemimpin yang benar-benar berkaliber kerana mereka adalah pilihan yang terbaik dari berpuluh-puluh pemimpin parti yang menawarkan diri untuk berbagai jawatan



dalam Majlis Tertinggi.

Banyak golongan dalam UMNO mahu seorang tokoh yang berkaliber dan yang mempunyai potensi merebut jawatan Timbalan Presiden November ini. Nama yang disebut-sebut ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sudah pun membuktikan kemampuannya sebagai seorang tokoh politik yang berwibawa dan berpotensi besar untuk menerajui UMNO dan juga kerajaan kelak. Tujuan beliau untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden ialah kerana beliau ingin menyumbangkan tenaga, fikiran dan intelegnya untuk merealisasikan dasar dan cita-cita Dr. Mahathir melalui Wawasan 2020 itu.

Memandangkan pencapaian Wawasan 2020 memerlukan strategi yang bersepadu dalam berbagai aspek dan juga penglibatan rakyat secara menyeluruh maka Datuk Seri Anwar ingin menawarkan diri untuk memberi khidmat serta mencurahkan tenaga dan fikiran agar cita-cita Perdana Menteri yang luhur itu terlaksana dengan cepat. Oleh kerana beliau masih muda dan penuh tenaga dan semangat untuk berbakti dan ditambah pula dengan sokongan kuat dari ahli-ahli UMNO maka amatlah kena pada tempatnya Datuk Seri Anwar menawarkan dirinya untuk di-restui oleh cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian UMNO seluruh negara.

Soalnya apakah ini tidak menentang permintaan

Perdana Menteri agar jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak ditandingkan? Sebagai seorang pemimpin beliau menyerahkan nasibnya kepada bu-dibicara cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian untuk mencalonkannya ataupun tidak bagi jawatan Timbalan Presiden. Sekiranya sebahagian besar dari bahagian UMNO di tanahair (dikatakan Datuk Seri Anwar akan mendapat sebanyak 110 pencalonan sewaktu saya menulis bab ini) maka bererti sebahagian besar dari bahagian UMNO sebanyak 152 bahagian itu mahukan perubahan dalam kedudukan Timbalan Presiden. Apakah hasrat bahagian-bahagian yang mencalonkan Datuk Seri Anwar Ibrahim mesti diketepikan oleh Presiden yang juga amat kuat berpegang pada konsep demokrasi itu? Kalau dua pertiga dari bahagian-bahagian UMNO mencalonkan Anwar maka mahu tidak mahu Presiden yang peka dengan hasrat ahli-ahli parti terpaksa akur dengan hasrat ahli-ahli parti. Ahli-ahli parti berpegang kepada perlembagaan parti di mana mereka berhak memilih atau mencalon siapa saja untuk jawatan apa saja dalam UMNO. Presiden yang berwibawa tentulah tunduk kepada kemahuan ahli-ahli parti, dan dengan demikian, mestilah merestui pertandingan untuk merebut jawatan Timbalan Presiden kelak. Adalah diharapkan Presiden janganlah pula menganggap bahagian-bahagian yang mencalonkan Datuk Seri Anwar sebagai membelakangkan permintaan beliau.

**Sekiranya Anwar mendapat pencalonan yang**

banyak dari bahagian-bahagian untuk bertanding Timbalan Presiden itu adalah suatu tanda yang jelas menunjukkan bahawa Anwar dianggap lebih kompeten, lebih berwibawa dan mempunyai potensi besar untuk membantu Perdana Menteri dalam kepimpinan parti dan kerajaan. Dalam keadaan negara sedang pesat membangun sudah pasti Perdana Menteri mahukan seorang timbalan yang seiring jalan dengannya dan tidak banyak menimbulkan masalah baik soal peribadi mahupun hal parti dan negara.

Sekiranya Anwar mendapat pencalonan lebih dari dua pertiga dari bahagian-bahagian yang bermakna Anwar boleh mendapat undi subsidi yang lebih banyak dari Encik Ghafar. Apakah Encik Ghafar sanggup memberi laluan kepada Anwar? Ini yang dibincangkan di berbagai perjumpaan dan juga di coffee house memperolehi pencalonan dua pertiga dari bahagian-bahagian bermakna beliau hanya memerlukan kira-kira 50% dari perwakilan untuk memenangi jawatan Timbalan Presiden.

Yang menjadi persoalan apakah Encik Ghafar sanggup akur dengan keputusan bahagian-bahagian yang majoritinya mencalonkan Anwar untuk menandingi kerusi Timbalan Presiden? Dengan adanya undi subsidi kepada Timbalan Presiden dan juga pencabarnya bermakna ahli-ahli UMNO dan seluruh rakyat Malaysia boleh tahu siapakah yang bakal memenangi kerusi Timbalan Presiden itu melalui

jumlah pencalonan yang akan dibuat oleh semua 152 bahagian UMNO. Sekiranya lebih dari dua pertiga bahagian mencalonkan Anwar untuk Timbalan Presiden bermakna, dari segi undi subsidi, Anwar mengatasi Ghafar dari segi jumlah undi subsidi tersebut. Dengan lain perkataan, sudah ada petunjuk bahawa Anwar akan menang kerana beliau hanya memerlukan kira-kira 40-50% undi dari para perwakilan sahaja untuk menjamin kemenangannya pada perhimpunan agung November akan datang.

Kalau ini berlaku bererti Encik Ghafar tidak lagi menjadi Timbalan Presiden, dan menurut tradisi UMNO, beliau juga terpaksa meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri pula. Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dilantik oleh Dr. Mahathir menggantikan Encik Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri kelak. Inilah senario politik sekiranya Anwar berjaya merebut kerusi Timbalan Presiden dari Encik Ghafar yang dianggap oleh banyak golongan sebagai tokoh veteran yang sudah habis zaman kegemilangannya. Kalau inilah pilihan majoriti ahli UMNO untuk menggantikan Encik Ghafar dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dianggap seiring jalan dengan Dr. Mahathir maka akan berlakulah perubahan kepimpinan yang mengejutkan banyak pihak dalam parti dan juga di luar parti UMNO.

Banyak orang meramalkan perhimpunan agung UMNO kali ini akan memperlihatkan perubahan yang besar dalam kepimpinan parti. Keunggulan Dr.

Mahathir sebagai Presiden tetap bertakhta dalam hati ahli-ahli UMNO dan rakyat. Beliau tetap menang tanpa bertanding. Tetapi yang lain-lainnya terpaksa bergelut dan berlobi habis-habisan untuk mempertahankan kerusi masing-masing. Inilah masanya ahli-ahli UMNO mesti membuat pilihan yang baik supaya kepimpinan UMNO selepas November ini terdiri dari tokoh-tokoh yang dapat menerajui kepimpinan parti dan kerajaan yang dapat menangani segala cabaran dunia menjelang abad kedua puluh satu akan datang.

Yang paling penting untuk dikaji dan dipertimbangkan oleh semua ahli UMNO ialah pilihlah tokoh-tokoh yang benar-benar boleh membantu kepimpinan Dr. Mahathir, dan jangan sekali-kali memilih tokoh-tokoh yang gersang dengan idea, tidak berkemampuan dan mereka yang boleh membebankan Dr. Mahathir dengan berbagai masalah peribadi. Dr. Mahathir mahu pembantu-pembantu yang setia dan bekerja keras yang sanggup melaksanakan Wawasan 2020 dengan penuh kejujuran dan pengorbanan. Kepimpinan UMNO mestilah kuat terdiri dari tokoh-tokoh dari berbagai latarbelakang tetapi semuanya mampu membawa perubahan ke arah pembangunan yang diinginkan oleh rakyat.

Besar kemungkinan tahun depan akan diadakan pilihan raya kebangsaan. Pilihan raya kali ini akan menjadi medan pertarungan yang lebih sengit lagi

memandangkan bahawa pihak pembangkang akan cuba menggugat kepimpinan UMNO dengan harapan mendapatkan kemenangan. Oleh itu UMNO tidak boleh berpecah-belah dalam pertandingan merebut kerusi Majlis Tertinggi November ini. Kita jadikan pertandingan merebut kerusi Majlis Tertinggi sebagai ujian pengalaman dan ukuran penerimaan ahli-ahli terhadap para pemimpin yang bercita-cita besar untuk menganggotai Majlis Tertinggi. Janganlah hendaknya ada pihak yang kalah bertanding cuba menimbulkan krisis yang baru pula untuk menggugat kestabilan politik parti. Sebaik-baiknya para pemimpin yang bertanding mestilah jujur, terbuka dan tidak sekali-kali membawa bibit-bibit perpecahan dalam parti.

UMNO ialah untuk semua bukan satu golongan tertentu. Tidak ada puak atau individu yang boleh selama-lamanya menjadi pemimpin penting dalam parti. Pasang surut dalam usia perjuangan itu adalah mainan gelombang politik apa parti sekali pun. Sekiranya seorang pemimpin tahu dia tidak lagi mampu untuk meneruskan perjuangan politik yang berkesan dan *action-oriented* seperti yang diamalkan oleh Presiden parti maka eloklah dia memberi tempat kepada pemimpin lain yang mampu dan mempunyai idea yang banyak bagi menyerlahkan lagi perjuangan parti. Sekiranya setengah pemimpin yang kurang cekap, uzur dan kurang *innovative* sedar tentang kelemahan

mereka dan sanggup pula mengosongkan kedudukan mereka dengan sukarela maka tentulah UMNO tidak akan bergolak. Mereka yang dengan sukarela melepaskan jawatan-jawatan parti dan kerajaan patutlah berasa bangga kerana mereka telah menyumbangkan sebahagian besar dari usia mereka untuk UMNO dan kerajaan. Mereka tidak perlu berasa rendah diri dan terhina kerana melepaskan jawatan-jawatan parti dengan sukarela. Malah mereka akan lebih dihormati oleh ahli-ahli parti dan rakyat kerana dengan kerelaan mereka itu membuktikan mereka berjiwa besar, dan inilah semangat yang terpuji.

Perkembangan politik dunia di mana saja memperlihatkan kemunculan para pemimpin dari generasi muda yang mahu membentuk sejarah bangsa dan negara yang lebih dinamik menurut rentak perkembangan dunia dewasa ini. Di Malaysia juga sudah kelihatan dengan jelas peranan dan sikap dari para pemimpin muda yang mahu membentuk jiwa manusia Melayu dengan minda baru. Melayu Baru yang dicetuskan oleh pemimpin-pemimpin generasi muda seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Tan Seri Hj Muhammad bin Muhd Taib, Menteri Besar Selangor, membayangkan suatu revolusi pemikiran orang Melayu yang sanggup mencabar dunia luas, yang bermodalkan ilmu pengetahuan, semangat kegigihan yang tahan lasak dan prihatin terhadap mereka yang dhaif dan miskin.

Para pemimpin generasi muda dalam UMNO inilah yang ingin mengembangkan konsep Melayu Baru — suatu revolusi pemikiran Melayu yang menolak semangat konservatif yang menyerah kepada nasib kepada keberanian menghadapi segala cabaran hidup modern dengan berdasarkan keyakinan diri, kemampuan intelek, mencanaikan dayatahan dan dayauji, bersendikan ajaran Islam supaya bangsa Melayu menjadi bangsa yang dihormati dan bermaruah. Inilah juga gagasan fikiran Dr. Mahathir Muhamad yang berani merevolusikan pemikiran orang Melayu dengan meruntuhkan segala dongeng-dongeng yang mengikat bangsa Melayu menjadi pasif dan berjiwa menyerah pada nasib.

*Survival* UMNO sebenarnya terletak pada para pemimpin parti yang sanggup merevolusikan pemikiran bangsa Melayu supaya tahan lasak, tahan uji dan kaya dengan intelek dan kekuatan agama Islam. Sebagai ahli UMNO dan pemimpin-pemimpin di peringkat cawangan dan bahagian yang menjadi asas kekuatan UMNO sangatlah baik sekiranya anda memberi sokongan yang kuat kepada para pemimpin yang ingin menanamkan konsep Melayu Baru di kalangan rakyat dan juga parti. Konsep Melayu Baru ini bermaksud untuk membangunkan pemikiran positif, dinamik, optimistik berdasarkan kekuatan ilmu, Islam dan rasa kemanusiaan yang kuat sesama insan. Dr. Mahathir menjadi tokoh Melayu Baru, contoh yang baik dari bangsa Melayu yang kini namanya



harum dan terkenal seluruh dunia kerana pendiriannya yang tegas dalam kepimpinan negara dan juga sebagai pejuang ulung dari negara-negara yang sedang membangun. Perjuangan Dr. Mahathir inilah yang menjadi ilham kepada pemimpin-pemimpin muda dalam UMNO seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Tan Seri Muhammad bin Hj Muhd Taib untuk menyebarkan konsep Melayu Baru tersebut di kalangan UMNO khususnya dan rakyat Malaysia umumnya.

Perjuangan Dr. Mahathir yang mencetuskan Melayu Baru perlu dipupuk dan diberi penghormatan oleh semua ahli UMNO. Konsep Melayu Baru ini sewajarnya disemai dan diterima serta diamalkan oleh semua ahli-ahli parti. Kalau anda menjunjung tinggi segala pengorbanan dan kepimpinannya maka wajarlah anda juga memberi sokongan kepada para pemimpin UMNO yang menjiwai konsep Melayu Baru itu sebagai pemimpin-pemimpin penting dalam Majlis Tertinggi November ini. Dr. Mahathir mengajar bangsa Melayu supaya berani menentang pandangan-pandangan kolot, nilai-nilai usang dan berani pula menentang negara-negara maju yang cuba mengeksploitasikan kekayaan dan merendahkan kewibawaan bangsa-bangsa dari negara-negara yang sedang membangun. Bukankah ini menunjukkan Perdana Menteri kita sanggup berjuang di pentas antarabangsa untuk memperkenalkan kepada bangsa-bangsa di dunia bahawa pemimpin Melayu dan bang-

sa Melayu Malaysia mempunyai maruah dan nilai-nilai budi pekerti yang luhur yang bersifat universal?

Perjuangan menegakkan kepemimpinan Melayu yang bermaruah, berwibawa dan berjiwa *innovative*, dinamik, bersikap positif dan tahan lasak dan tahan uji dalam kepemimpinan UMNO dan kerajaan memerlukan sokongan, dukungan serta penglibatan seluruh ahli dan jentera parti. Dr. Mahathir telah merintis jalan ke arah pembentukan manusia Melayu Baru yang berani membentuk sejarah baru bagi bangsa kita dan juga negara Malaysia. Kini menjadi tanggungjawab moral setiap ahli parti, pemimpin UMNO di peringkat cawangan dan bahagian, memilih dengan bijaksana para pemimpin yang sealiran dengan jiwa Dr. Mahathir untuk menerajui kepemimpinan parti di peringkat Majlis Tertinggi 1993.

Sekiranya anda memilih Encik Ghafar dan mengekalkannya sebagai Timbalan Presiden bermakna anda memilih seorang tokoh veteran yang hanya berjuang mengikut angin tetapi tidak mampu menentang cabaran dan mengatasi masalah politik dan sosio-ekonomi secara *global* yang menjadi medan politik Dr. Mahathir sekarang ini. Tetapi sekiranya anda memilih Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Presiden dalam perhimpunan agung 1993 ini bermakna anda memilih seorang tokoh pemimpin generasi muda yang memperjuangkan manusia Melayu Baru sesuai dengan hasrat dan cita-cita Dr. Mahathir yang

inginkan seorang tokoh yang berjiwa dinamik untuk melaksanakan sepenuhnya cita-cita beliau iaitu Wawasan 2020.

Berbagai usaha dilakukan oleh kerajaan sekarang untuk membantu usahawan-usahawan Bumiputra menghadapi cabaran era ini. PUNB (Perbadanan Usahawan Nasional Bhd.) pun didirikan dan dirasmikan oleh Perdana Menteri sendiri. Tapi apakah kaum Bumiputra sanggup mengubah sikap dari negatif kepada positif, sanggup menghapuskan perasaan hasad dengki dan sanggup bersaing dengan kaum-kaum lain? Jawablah sendiri.

